

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 39

Selasa

11 Oktober 2011

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2012

(Halaman 26)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2012

(Halaman 26)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 11 Oktober 2011
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan hala tuju pembangunan teknologi angkasa negara dan sebanyak manakah komitmen kewangan tahunan yang dilaburkan untuk meneruskan pembangunan teknologi angkasa Malaysia selaras dengan hala tuju ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, waalaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kebanyakan negara yang lebih maju daripada Malaysia telah mendapat manfaat daripada pembangunan sektor angkasa atau secara khususnya pembangunan teknologi angkasa di negara masing-masing. Sektor angkasa mempunyai potensi untuk memberikan pulangan ekonomi kepada negara serta turut berupaya meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik di peringkat antarabangsa. Program pembangunan teknologi angkasa negara pada masa ini dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Astronautic Technology Sdn. Bhd. (ATSB) yang bertanggungjawab dalam pembangunan aktiviti hulu yang memberi tumpuan kepada pembuatan dan pelancaran satelit.

Agency Remote Sensing Malaysia (ARSM) yang juga merupakan sebuah agensi di bawah MOSTI menerajui pembangunan aktiviti hiliran yang memberi tumpuan kepada aktiviti perolehan dan pengedaran data-data *satellite remote sensing* serta pembangunan aplikasi *remote sensing* bagi pengurusan pengeluaran pertanian, sumber asli, alam sekitar, bencana, keselamatan dan penggunaan tanah negara yang lebih efektif dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pula bertanggungjawab kepada pembangunan aplikasi dalam bidang kaji cuaca.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi dan syarikat swasta yang berkaitan menerajui pembangunan aplikasi dalam bidang penyiaran dan telekomunikasi. Manakala beberapa universiti tempatan seperti UTM, UPM, UKM dan USM pula bertanggungjawab menyediakan latihan kelayakan asas dan terlibat dalam penyelidikan asas dalam bidang teknologi angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI sedang dalam peringkat akhir penyediaan Dasar Angkasa Negara yang menetapkan hala tuju pembangunan keupayaan negara dalam sektor angkasa bagi menyokong pembangunan ekonomi baru. Penjanaan ilmu pengetahuan dan pembangunan keupayaan serta memperkukuhkan infrastruktur strategik negara sehingga dan selepas 2020.

Dari segi peruntukan, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM209.17 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pembangunan sektor angkasa negara. Manakala di bawah *rolling plan* pertama 2011 hingga 2012 Rancangan Malaysia Kesepuluh pula sejumlah RM93.4 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah ini RM3 juta telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Pendidikan Sains Angkasa dan Mikrograviti. Sejumlah RM59.6 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur angkasa negara iaitu Pusat Kawalan Konsultasi Satelit dan Pembangunan Fasiliti Angkasa Negara iaitu Pusat Assembly Integration and Testing (AIT) dengan izin yang mana kedua-duanya terletak di Sungai Lang, Banting. Baki sebanyak RM30.8 juta pula telah diperuntukkan untuk fasa pertama pembangunan satelit negara bagi tujuan cerapan bumi ataupun dengan izin *earth observation*. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dalam usaha untuk menjadikan angkasa ini sebagai ruang penjanaan ilmu dan juga pembangunan satu ekonomi baru di Malaysia.

Sudah semestinya hendak menjadikan ini memerlukan modal insan yang berkualiti dalam usaha untuk menjayakan misi-misi seperti apa tadi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Jadi soalan tambahan saya adalah sejauh manakah kejayaan teknologi angkasa ini berjaya untuk menarik pulang pakar-pakar angkasa warganegara Malaysia untuk kembali berkhidmat di tanah air dan setakat ini juga adakah *rolling plan* seperti yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi termasuk pengiraan penghasilan *Research Scientists and Engineers* (RSE) dengan izin dalam bidang angkasa ini. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi beberapa kementerian terlibat dalam pembangunan modal insan. Setakat ini mengikut kiraan atau kajian yang telah kita lakukan, kita mempunyai lebih kurang tiga ratus pakar dalam bidang sains angka RSE (*Research Scientists and Engineers*) sebanyak lebih kurang tiga ratus orang dan kita sedar bahawa jumlah ini memang tidak mencukupi kalau kita hendak menjadi peneraju dalam bidang sains angkasa negara.

■1010

Kalau kita melihat dari segi perbandingan perbelanjaan di peringkat antarabangsa pula, kalau kita melihat NASA sahaja, mereka membelanjakan lebih kurang USD19 bilion pada tahun 2011, pada tahun 2008 mereka memperuntukkan USD17.3 bilion dan negara membangun

seperti Brazil berbelanja lebih kurang USD343 juta untuk tahun 2011 sahaja. Di Malaysia, kita setakat ini hanya memperuntukkan lebih kurang RM50 juta.

Memang sebenarnya bidang-bidang ini amat penting untuk kita terokai. Dalam pembangunan sumber manusia seperti mana yang saya katakan tadi, Kementerian Pengajian Tinggi melalui universiti-universiti akan bertanggungjawab untuk melahirkan pakar-pakar. Untuk itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bekerjasama rapat untuk memastikan bahawa bukan sahaja dari segi kurikulum tetapi bentuk latihan yang sesuai dengan keperluan masa depan perlu kita adakan supaya kita dapat melahirkan modal insan yang berjaya.

Sama ada kita dapat menarik balik rakyat Malaysia yang berada di luar negara, banyak program yang dilakukan termasuklah dengan adanya program Talent Corp. dan juga program yang kita laksanakan dan sudah pasti kalau kita hendak tambah baik lagi untuk mampu menarik mereka. Dari segi dana perlu kita lihat bagaimana kita dapat mempertingkatkan dana.

Saya mengharapkan sokongan daripada Yang Berhormat dalam sesi bajet ini mungkin boleh membantu kementerian untuk mendapatkan dana yang lebih supaya kita boleh menarik. Bukan sahaja untuk membangunkan teknologi tetapi membangunkan modal insan yang sedia ada dan menarik balik pakar-pakar daripada luar negara supaya dapat kekal berada di Malaysia. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, bagi saya pembangunan teknologi angkasa memang memberi perkembangan positif kepada sains dan teknologi, tetapi memandangkan kita membelanjakan wang yang besar juga, maka mungkin rakyat atau masyarakat ingin mengetahui dengan lebih *detail* sumbangan Agensi Angkasa Negara ini terutamanya mungkin tadi disebut dari segi faedah *remote sensing* atau pun satelit dan sebagainya, juga hasil penyelidikan angkasa di bawah BAKTI. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sememangnya banyak kajian yang kita lakukan. Sememangnya banyak juga peruntukan telah disediakan. Contoh dalam jawapan asas saya tadi, beberapa peruntukan asas untuk kita menyediakan *the ground station* supaya kita dapat menapis segala maklumat yang kita terima daripada satelit-satelit yang ada di angkasa sana. Sebab itu saya katakan tadi ada dua bidang.

Satu, pembangunan teknologi kita di peringkat atas, huluan. Pembangunan satelit dan semua teknologi berkaitan dengan pembangunan satelit daripada solar panel, daripada sistem ICT nya, daripada pembangunan teknologi baterinya, supaya kita akan dapat mempunyai satelit kita sendiri untuk tujuan supaya kita mempunyai *secure* atau pun maklumat yang lebih selamat sebab kita sendiri yang mengelolakan satelit tersebut dan kita akan dapat memantau keadaan negara kita sendiri.

Misalnya RazakSAT-1. Belum ada di dunia ini satelit yang orbitnya antara khatulistiwa, *near equatorial orbit*. Yang ada ialah *polar orbit*. Apabila kita mengadakan ini, maknanya kita

mempunyai satu satelit yang mampu untuk kita buat *research development* untuk faedah negara kita sendiri. Dari situ data-data satelit yang dapat digunakan untuk tujuan pertanian supaya kita dapat melihat kedudukan tanah di seluruh negara ini dan dari situ kita dapat proses kan di bumi ini melihat di manakah kesesuaian tanah untuk pertanian tertentu.

Contoh yang telah dilakukan oleh *remote sensing* misalnya, daripada gambar satelit itu, kita dapat membuat *forecast* atau pun ramalan di mana ikan yang banyak. Maklumat ini disalurkan kepada persatuan nelayan dan nelayan akan dapat tahu kemungkinan besar ikan berada di tempat-tempat tertentu. Ini dapat menjimatkan masa dan minyak mereka sebab mereka lebih fokus untuk mencari di mana kedudukan ikan yang ada potensi lebih banyak daripada maklumat satelit yang diperolehi yang dibekalkan pada mereka. Ini sebagai sebahagian daripada contoh.

Begitu juga yang kita lakukan di stesen satelit bumi kita untuk memproses maklumat-maklumat ini, dan yang ada sekarang ini belum mencukupi. Kita masih perlukan banyak lagi pembangunan bukan sahaja untuk pembangunan teknologi, bukan sahaja infrastruktur, tetapi seperti yang saya katakan tadi, sumber manusia yang perlu kita bekalkan dengan teknikal-teknikal yang lebih kuat supaya dapat menterjemahkan kemahiran dan ilmu mereka supaya dapat memanfaatkan negara dan kesejahteraan masyarakat kita bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi aplikasi teknologi angkasa ini untuk dimanfaatkan oleh masyarakat keseluruhannya. Terima kasih.

2. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan pusat dialisis buah pinggang di sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang disediakan di negeri Pulau Pinang dan Malaysia; dan
- (b) bilangan pesakit yang menerima rawatan di sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010, terdapat 10 pusat dialisis sektor awam, 27 pusat dialisis swasta dan 20 pusat dialisis pertubuhan bukan kerajaan di negeri Pulau Pinang. Di Malaysia pada tahun yang sama terdapat 181 pusat dialisis sektor awam, 297 pusat dialisis swasta dan 140 pusat dialisis pertubuhan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pesakit yang menerima rawatan dialisis di kesemua sektor telah meningkat pada setiap tahun. Pecahan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di pusat dialisis awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

| Tahun | Pusat Dialisis Awam (orang) | Pusat Dialisis Swasta (orang) | Pusat Dialisis NGO (orang) | Jumlah (orang) |
|-------|-----------------------------|-------------------------------|----------------------------|----------------|
| 2006 | 5,397 | 4,901 | 4,648 | 14,946 |
| 2007 | 6,101 | 6,038 | 5,228 | 17,367 |
| 2008 | 6,495 | 6,970 | 5,756 | 19,221 |
| 2009 | 7,103 | 8,356 | 6,084 | 21,543 |
| 2010 | 7,115 | 9,813 | 6,492 | 23,420 |

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis semakin meningkat. Setiap tahun lebih kurang 2,000 orang. Kita juga lihat bahawa mereka mendapat rawatan lebih ramai di pusat dialisis swasta dan juga pusat-pusat dialisis yang dijalankan oleh NGO. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan dialisis tidak mencukupi di hospital-hospital awam. Ini yang pertama. Jadi, macam mana kerajaan ingin menambahkan rawatan dialisis di hospital-hospital awam?

Kedua, baru-baru ini pihak kementerian mengatakan bahawa banyak pusat dialisis yang diuruskan oleh pihak NGO tidak memenuhi syarat-syarat ketetapan kementerian dan mengarahkan pusat-pusat ini kalau tidak boleh *comply*, ia perlu ditutup.

■1020

Sekiranya dia ditutup dia akan menyebabkan ramai lagi pesakit tidak dapat rawatan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan atau keterangan dari kementerian. Macam mana kementerian boleh membantu pusat-pusat NGO ini untuk *comply* dan bukan untuk tutupkan mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Mertajam, sebenarnya kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah jumlah mesin hemodialisis dan menaik taraf ruang untuk rawatan hemodialisis bagi hospital-hospital kerajaan di negara kita. Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, antara bantuan-bantuan yang diberikan kepada pusat dialisis NGO oleh kerajaan adalah seperti berikut. Pertamanya adalah dari bentuk geran, *capital grant* yang diberikan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Mertajam, semenjak tahun 2001 kerajaan telah bersetuju untuk memberikan bantuan *capital grant* kepada pusat NGO bagi pembelian mesin hemodialisis dan juga peralatan perubatan.

Bantuan *capital grant* adalah bantuan yang diberikan untuk penubuhan pusat dialisis NGO yang baru dengan had maksimum pembelian 10 buah mesin dialisis. Di mana kementerian akan memberikan bantuan maksimum sebanyak RM338,500 yang merupakan 50% daripada jumlah harga pembelian 10 mesin dialisis dan peralatan-peralatan lain kepada pusat dialisis NGO

yang baru. Peruntukan ini juga diberikan untuk menggantikan mesin-mesin dialisis dan lain-lain peralatan perubatan perlu diganti Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sejak tempoh 2001 hinggalah ke 2010 sebanyak 89 NGO yang telah dibantu dengan pemberian *capital grant* sebanyak RM20,151,892.28.

Bukan itu sahaja Yang Berhormat malah kerajaan telah membantu dari segi bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pihak-pihak NGO ini. Khusus kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu iaitu dari sejak 2001 kerajaan telah memberikan bantuan subsidi kepada seramai 3,346 orang pesakit yang mendapat rawatan di pusat-pusat NGO bersamaan dengan 58 buah NGO dan 113 pusat dialisis yang membawa jumlah keseluruhannya selama tempoh 10 tahun sebanyak RM171,102,381 Yang Berhormat.

Baru-baru ini kerajaan semenjak bulan April 2009, kerajaan telah mula memberikan bantuan suntikan erythropoietin kepada pesakit-pesakit yang berkenaan di pusat-pusat hemodialisis NGO sebanyak RM30 untuk setiap suntikan. Untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat khusus kepada bantuan kerajaan kepada pusat-pusat dialisis ini. Kita memang mengakui Yang Berhormat dan sentiasa menjadikan keselamatan pesakit sebagai keutamaan kepada kementerian. Oleh daripada itulah untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya kita telah mendapat beberapa laporan mengenai pusat hemodialisis yang tidak memenuhi beberapa aspek ataupun beberapa perkara yang memang kita sering tekankan.

Secara dasarnya Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak pernah berhasrat untuk menutup mana-mana pusat hemodialisis swasta yang sedang beroperasi. Ini kerana kita menyedari penutupan ini boleh menyebabkan kesusahan kepada para pesakit. Oleh daripada itulah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah untuk pengetahuan Yang Berhormat kita mengambil langkah di mana kementerian memberikan nasihat dan mengeluarkan arahan kepada mana-mana pusat hemodialisis sekiranya perkara-perkara yang boleh menjejaskan kualiti rawatan dan jagaan pesakit itu berlaku di pusat-pusat hemodialisis itu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semasa memproses permohonan pertama sekali untuk pusat-pusat hemodialisis yang baru. Kita memberi fokus kepada kemampuan pemohon untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan hemodialisis termasuklah keperluan infrastruktur dan juga peralatan. Paling penting adalah keperluan staf yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan latihan dalam perawatan dialisis serta status kewangan pusat-pusat tersebut yang bersesuaian. Semasa proses pelesenan pula kementerian akan menjalankan lawatan pemeriksaan bagi memastikan kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan memenuhi keperluan yang ditetapkan.

Pemohon juga diperlukan menyediakan polisi, rekod penyelenggaraan, rekod pesakit, analisa air dan sebagainya. Perkara ini penting Yang Berhormat kerana kita tidak mahu berkompromi kepada aspek keselamatan. Akan tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat sehingga 6 Oktober 2011 Kementerian Kesihatan telah menerima 63 permohonan tarik balik,

permohonan yang dikembalikan dan permohonan pelupusan perakuan kelulusan. Walau begitu Yang Berhormat hanya enam iaitu tiga pusat hemodialisis NGO dan tiga pusat hemodialisis swasta yang telah ditutup kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Penutupan ini berlaku secara sukarela oleh pihak yang berkenaan setelah mendapat tempat yang sesuai untuk pesakit mendapat rawatan dan dialisis yang berterusan, selamat dan berkualiti seperti yang saya katakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang cukup panjang dan jelas. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati dengan pesakit-pesakit buah pinggang ini. Boleh kita anggapkan mereka ini adalah pesakit yang apabila kena penyakit ini sepanjang hayatlah sakit yang mereka hadapi. Cuma saya lihat walaupun banyak pusat dialisis sama ada kerajaan, swasta dan juga NGO ini tetapi bagi pesakit ini mereka terpaksa mendapatkan rawatan paling tidak tiga kali seminggu. Bayaran yang dikenakan kepada mereka ialah lebih kurang RM30 sekali *treatment* ataupun rawatan yang diperolehi.

Saya perhatikan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dari segi pesakit ini penyakit ini tidak pilih siapa. Orang kaya, orang miskin, orang di bandar, di desa dan sebagainya. Akan tetapi, dari segi lokasi pusat-pusat hemodialisis ini adalah kebanyakannya berada di kawasan bandar dan juga pinggir bandar dan jarang berada di bandar-bandar kecil. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha kerajaan dalam menimbangkan peluang rawatan yang diperolehi oleh pesakit-pesakit ini? Ini kerana ramai daripada pesakit-pesakit ini juga datang daripada luar bandar dan mereka terpaksa menanggung beban yang cukup besar. Untuk pergi ke bandar ke pusat ini dengan bayaran RM30 paling tidak dengan tiga kali seminggu. Jadi apakah usaha kerajaan? Apakah langkah yang diberikan kerajaan dalam menangani dan meringankan beban yang dihadapi oleh pesakit-pesakit ini terutamanya mereka yang berada di luar bandar? Apakah perancangan kerajaan? Terima kasih banyak.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Maran di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Maafkan saya Yang Berhormat kerana soalan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam itu panjang jadi jawapannya pun saya kira agak panjang juga. Akan tetapi, untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat. Sebenarnya rawatan kadar atau pun kadar caj kepada rawatan hemodialisis di hospital kerajaan adalah percuma kepada seluruh kakitangan kerajaan dan pesakit yang kurang mampu. Bagi pesakit yang bukan kakitangan kerajaan hanya RM13 setiap sesi hemodialisis dikenakan kepada pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sebenarnya rawatan hemodialisis ini sebenarnya diberikan di hampir seluruh hospital kerajaan kita, di seluruh negara. Jadi ianya memberi manfaat bukan sahaja kepada penduduk bandar tetapi juga luar bandar. Hanya enam

buah hospital sahaja masih belum mempunyai pusat hemodialisis iaitu Hospital Jasin, Hospital Dalat, Hospital Kuala Penyu, Hospital Kunak, Hospital Pitas dan juga Hospital Tuaran.

■1030

Untuk pengetahuan, bilangan pusat hemodialisis kerajaan adalah berjumlah 181 buah semuanya Yang Berhormat dan bilangan mesin adalah sebanyak 1,687 termasuklah 106 yang terdapat di hospital universiti dan juga hospital angkatan tentera. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya telah nyatakan awal tadi beberapa bantuan subsidi diberikan kepada pesakit-pesakit terutama mereka yang kurang mampu untuk mendapatkan bantuan hemodialisis, di mana untuk pesakit-pesakit kita yang kurang mampu, yang mendapat rawatan di pusat-pusat NGO, sebanyak RM50 subsidi diberikan kepada setiap rawatan yang diberikan. Dengan pemberian bantuan subsidi ini pusat-pusat hemodialisis NGO tidak boleh mengenakan *charge* melebihi RM60 kepada pesakit-pesakit kita.

Saya telah sebutkan jumlah bantuan subsidi apabila menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi iaitu sebanyak 171,102,381 telah diberikan setakat 2010. Begitu juga kepada suntikan *erythropoietin* yang diberikan kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu di pusat-pusat hemodialisis itu Yang Berhormat iaitu sebanyak RM30 setiap suntikan dan suntikan ini diberikan berdasarkan tahap hemoglobin pesakit dan maksimum suntikan yang diberikan adalah tiga suntikan seminggu, dari bulan April 2009 Yang Berhormat sehingga Disember 2009 kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM6.46 juta untuk tujuan ini dan tahun 2010 pula sebanyak RM9.866.548 bagi memberi manfaat kepada 3,209 pesakit.

Jumlah bagi dua tahun itu adalah 16,326,548 dan pesakit-pesakit ini bukan sahaja datang dari bandar, Yang Berhormat tetapi juga lebih-lebih lagi dari kawasan luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

3. Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah anggaran jumlah kos penggunaan tenaga dalam mod sedia (*standby mode*) di Malaysia dan apakah strategi dan langkah kerajaan bagi mengurangkan pembaziran tenaga yang digunakan dalam mod sedia kerana terdapat banyak peralatan elektrik yang menggunakan 80 peratus bekalan tenaga semasa berada dalam keadaan mod tersebut.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya dengan bantuan Suruhanjaya Tenaga telah mengkaji penggunaan tenaga dalam mod sedia atau *standby mode* peralatan elektrik terutamanya televisyen. Hasil daripada ujian makmal yang dijalankan oleh pihak SIRIM Malaysia, didapati wujud penggunaan tenaga yang minimum apabila peralatan elektrik dalam keadaan mode sedia. Anggaran penggunaan tenaga adalah antara 1 watt sehingga 5 watt. Walau bagaimanapun, tabiat untuk membiarkan peralatan elektrik tersebut dalam mode sedia sepanjang hari dan malam jika tidak digunakan secara biasa adalah satu pembaziran.

Untuk perancangan pada masa hadapan, pihak kerajaan akan mengawal selia prestasi penggunaan tenaga bagi kelengkapan elektrik yang akan dijual di pasaran melalui penguatkuasaan akta kecekapan dan penjimatan tenaga yang sedang dalam proses penggubalan oleh kementerian saya. Akta ini dijangkakan akan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2013 atau dalam awal tahun 2014, di mana hanya kelengkapan memenuhi kelengkapan yang memenuhi kriteria prestasi tenaga minimum, yang mempunyai label tenaga boleh memasuki pasaran negara sebagaimana yang telah diamalkan di negara lain seperti di Singapura, Thailand dan China.

Selain daripada itu, pada masa ini langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan dan faedah penggunaan kelengkapan elektrik yang cekap tenaga semakin giat dilaksanakan. Pengguna perlu diberikan kesedaran bahawa membiarkan peralatan dalam keadaan mode sedia akan membazir penggunaan elektrik dan merupakan tabiat menggunakan tenaga yang tidak cekap. Bagi pihak pengeluar pula, terdapat insentif ditawarkan sekiranya mereka mengeluarkan produk-produk cekap tenaga yang tertentu seperti penyaman udara, kipas, televisyen dan peti sejuk. Sekian.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita lihat penggunaan tenaga dalam mode sedia ini kecil, satu hingga lima watt sahaja tetapi saya buat kiraan, kalau kita campur semua isi rumah, kiraan saya jumlah tenaga dari segi nilainya yang membazir ataupun yang kita bazir melalui mode sedia ini adalah bersamaan RM9.6 juta setahun dan boleh menjimatkan 1.4 juta megawatt sekiranya kita dapat menjimatkan tenaga yang dibazirkan melalui peralatan yang kita tinggal dalam *standby mode*. Maksudnya kita tidak buka *plug* dari *electricity sourcena*.

Tadi, Yang Berhormat Menteri telah membangkitkan soal insentif untuk peralatan dan juga kempen kesedaran. Akan tetapi kalau kita lihat negara-negara maju terutama di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Sebenarnya mereka memulakan satu program perintis yang menggunakan *smart switching system* yang diguna pakai dengan peralatan tersebut, di mana tidak perlu buat apa-apa. Kita cuma padamkan peralatan dan peralatan itu akan terus padam di *source* tersebut. Ada beberapa syarikat yang menawarkan peralatan tersebut. Saya pohon sekiranya kerajaan pertimbangkan akan melaksanakan sistem tersebut sebab pembaziran ini walaupun ramai yang tidak tahu, sebenarnya menelan perbelanjaan ataupun kos yang cukup tinggi kepada kerajaan, TNB dan kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan ini kita akan teliti sama ada kita boleh gunakannya ataupun memasuki peralatan tersebut dalam kaedah akta yang saya sebut dalam jawapan tadi.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan teknologi hijau ini, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk negara kita mengeluarkan kereta hibrid, yang saya rasa negara luar seperti Jepun melancarkan

Honda ataupun Toyota jenis hibrid ini. Adakah kementerian bercadang untuk menjadikan Proton ataupun syarikat di negara kita ini untuk menggunakan teknologi ini yang lebih mesra alam, menjimatkan dan berpotensi untuk memasuki ke pasaran negara kita. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan kereta hibrid dengan Proton elektrik ini, memang kita dalam satu siri perbincangan dengan pihak Proton untuk menjalani pilot *testing* buat masa sekarang dari segi kereta EV *electric vehicle* dengan izin. Ini kerana pihak Proton merasakan hibrid ini, walaupun penjimatannya dari segi CO2 atau gas karbon dioksida tidak besar seperti kalau kita gunakan EV ini.

■1040

Pihak Proton juga ada satu teknologi di mana EV ini perjalanannya sangat jauh yang dinamakan *extended* EV, dengan izin. Maksudnya EV ini apabila bateri tersebut hampir habis, kereta itu mempunyai satu generator di dalam *assemblingnya* di mana generator itu akan caj bateri tersebut. Apabila bateri itu sudah di caj sehingga 100% atau 99%, generator itu pun tamat. Generator ini gunakan gasolin sebab ia hanya hendak caj bateri *on board* di dalam kereta itu maka kereta itu *rangeny* boleh sampai 200 kilometer. Akan tetapi hanya *pure EV* maksudnya hanya menggunakan bateri sahaja yang biasanya dikeluarkan pada kereta EV itu mereka tidak boleh caj. Ia harus di *plug in*. Ia kena *stop* atau berhenti dan apabila berhenti ia kena caj dengan peralatan elektrik yang biasa tetapi Proton ini tidak perlu. Oleh sebab itu Proton merasa mereka ada satu kelebihan dalam penggunaan kereta EV ini dan ini melepasi hibrid.

Sebenarnya Yang Berhormat, hibrid ini adalah sebagai sementara iaitu transformasi antara kereta petrol sehingga kereta yang menggunakan elektrik. Ia hanya *transition* sahaja. Oleh sebab itu Proton rasa ia lebih gunakan *electric vehicle* sepenuhnya tetapi ada cara supaya *rangeny* jauh dan bukan hanya 60 kilometer atau yang biasa sahaja yang sekarang kereta EV ini mampu capai. Akan tetapi kalau ada *on board generator* supaya bateri itu dapat dicaj semasa kereta itu berjalan. Ini bermakna kereta itu tidak perlu *stop* apabila bateri itu habis. Sekian.

4. **Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bersetuju menggubal Akta Profesion Guaman Syarie dalam masa terdekat di peringkat Persekutuan dan bilakah rang undang-undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bersetuju untuk menggubal Akta Profesion Guaman Syarie yang mana ia merupakan salah satu cara kerajaan bagi memartabatkan kedudukan profesion kepeguaman syarie dan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia adalah melalui penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie ini.

Pada masa sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Persatuan Guaman Syarie Malaysia sedang membuat kajian bagi merealisasikan hasrat mewujudkan undang-undang tersebut. Konsep asas bagi perwujudan undang-undang tersebut kini sedang diteliti bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti adalah lengkap dan komprehensif serta mematuhi jadual pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa agama negeri-negeri. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merakamkan tahniah kalau ada kesungguhan dari pihak kerajaan untuk menggubal Akta Profesion Guaman Syarie ini merujuk kepada kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Julai 2001 yang mengumumkan kesediaan kerajaan untuk menggubal akta tersebut.

Cuma persoalan yang ingin saya bangkitkan adalah isu penyelarasan undang-undang Islam, pentadbirannya dan sebagainya di peringkat negeri-negeri ini setelah lama dibincangkan walaupun kita faham akan kekangan-kekangan yang sedia ada. Cuma merujuk khusus kepada Akta Profesion Guaman Syarie ini, ingin saya bertanya tentang sekiranya tergubal akta ini nanti, adakah Persatuan Peguam Syarie Malaysia akan terbubar dan setakat ini adakah - tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang rujukan dibuat kepada beberapa pihak termasuk kepada Persatuan Peguam Syarie. Setakat ini adakah Persatuan Peguam Syarie Malaysia menyokong cadangan ini kerana saya dimaklumkan sehingga kini Persatuan Peguam Syarie Malaysia masih belum memberikan cadangan ataupun mendapat mandat daripada ahli mereka untuk akta yang berkenaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Menjawab persoalan Yang Berhormat memang kesungguhan yang amat sangat daripada pihak kerajaan tetapi Yang Berhormat perlu faham bahawa perkara yang melibatkan guaman syarie ini adalah perkara yang berkaitan hal ehwal agama Islam dan semua perkara yang berkaitan hal ehwal agama Islam adalah termasuk di bawah butiran 1 senarai 2 jadual kesembilan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada dewan undangan negeri.

Berkenaan dengan Persatuan Peguam Syarie, untuk makluman Yang Berhormat, dengan permohonan daripada Kerajaan Negeri Melaka dan kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka yang telah memohon secara rasmi kerana Perlembagaan Persekutuan hanya membolehkan Parlimen untuk membuat akta apabila ada permohonan daripada mana-mana dewan undangan negeri. Sekarang ini penelitian dan kajian dibuat seperti mana yang saya sebut kepada Yang Berhormat bukan sahaja oleh Jabatan Peguam Negara tetapi turut serta oleh Persatuan Peguam Syarie. Ini membuktikan bahawa mereka memberikan kerjasama untuk penggubalan akta ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu semasa Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan sahabat saya Yang Berhormat Bachok ini yang ada kaitan juga. Apakah Kelantan dibolehkan dan berhak di bawah Perlembagaan Negara untuk menjalankan dan melaksanakan hukum hudud yang heboh ditanyakan sekarang. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada ilmu agama yang tinggi ini, apakah tafsiran hudud PAS yang berbeza di antara negeri Kelantan dan negeri Terengganu seperti perbezaan pendapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang kononnya mahu melaksanakan hukum hudud sedangkan Yang Berhormat Marang yang sewaktu menjadi Menteri Besar Terengganu dahulu pernah menyatakan hudud hanya 0.0001% dalam Islam boleh dilaksanakan.

Pertanyaan ketiga saya ini, sejauh mana kerajaan kita untuk menjelaskan isu ini agar ianya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak terus berlarutan untuk dipolitikkan. Saya ingin mendapat penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perlu jawablah. Saya rasa soalan itu tidak ada kena mengena dengan soalan asal. Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu sekarang ada pihak-pihak bukan Islam. Dia tidak boleh menjalankan tugas sebagai seorang peguam di Mahkamah Syariah macam di Kuala Lumpur. Apakah kesedaran kerajaan bahawa dengan kelayakan-kelayakan sedia ada dengan beberapa peguam yang bukan Islam itu, adakah kerajaan berniat untuk membawa peruntukan-peruntukan yang tertentu bagi membolehkan mereka juga mengamalkan undang-undang di Mahkamah Syariah.

■1050

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat adakah pihak-pihak bukan Islam boleh mengamal di Mahkamah Syariah. Sebenarnya Yang Berhormat, bukan sahaja kelayakan yang diperlukan oleh seorang Peguam Syarie tetapi syarat pertamanya adalah dia adalah seorang Islam kerana peguam bukan Islam boleh beramal di Mahkamah Sivil. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan saya tidak dijawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading, saya tidak membenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab kerana pada pendapat saya soalan itu memang soalan yang baik tetapi tidak ada kena-mengena dengan soalan asal, jauh melencong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini syariah juga Tuan Yang di-Pertua. Saya baca tadi kan, 1001 Hukum Syariah, ada kaitan Tuan Yang di-Pertua. Tidak, yang sebelah

sana bising sangat ini fasal apa? Dia yang membangkitkan ini jadi saya bertanya. Saya bertanya hendak minta penjelasan. Tolonglah jelaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau saya duduk di sana, saya pasti jawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya yang tidak benarkan untuk Menteri menjawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah kementerian bagi membolehkan golongan belia dipupuk dengan budaya pemikiran keusahawanan menerusi penerapan kurikulum bersepadu terutama di kalangan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, pemikiran keusahawanan di kalangan belia adalah penting di mana kejayaan menguasainya akan memberi petanda yang positif kepada perkembangan ekonomi dan sosial, seterusnya kepada masa depan negara. Walaupun bidang keusahawanan bukan menjadi tanggungjawab utama kementerian ini, namun beberapa inisiatif telah diambil sebagai memenuhi hasrat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2010, Cawangan Pembangunan Ekonomi kementerian ini telah mengendalikan sebanyak 58 program berasaskan keusahawanan dengan penglibatan seramai 5,220 orang peserta. Manakala sepanjang tahun 2011 ini pula sebanyak 60 program telah dianjurkan yang melibatkan seramai 2,800 orang peserta.

Antara program-program yang dimaksudkan termasuklah kursus asas keusahawanan, program *smart partnership* usahawan belia, program bimbingan keusahawanan, program aktiviti keusahawanan, seminar potensi dan peranan usahawan belia, kursus teknikal belia tani, kursus reka bentuk dan pelabelan, kursus pengurusan kewangan serta kursus pengurusan kredit.

Dalam masa yang sama pihak kementerian turut mengambil inisiatif mengadakan usaha sama dengan kementerian-kementerian serta agensi kerajaan yang lain yang sememangnya khusus menekankan aspek keusahawanan dan pembangunan usahawan dalam perkhidmatan mereka seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah serta Majlis Amanah Rakyat. Di antara kerjasama yang diwujudkan dalam bentuk perkongsian kepakaran dan bimbingan khidmat nasihat serta tunjuk ajar kepada belia-belia yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan ini di samping penyeliaan pemberian bantuan dan kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga dipertanggungjawabkan untuk melatih para belia dalam bidang kemahiran sebagai usaha melahirkan para usahawan muda ke dalam pasaran negara. Di samping memberikan latihan kemahiran kepada pelatih yang terlibat di Institut

Kemahiran Belia Negara di seluruh tanah air, pihak kementerian sentiasa memberikan program dan latihan yang ditawarkan sepanjang mereka berada di IKBN ini dengan menerapkan kurikulum latihan bersepadu dengan menekankan soal kemahiran, pembangunan modal insan dan jati diri serta aspek keusahawanan. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Memang betul kata Timbalan Menteri tadi, keusahawanan di kalangan belia adalah sangat penting kerana kejayaannya akan membawa satu tanda yang baik kepada perkembangan ekonomi dan juga sosial kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya melihat bahawa kemudahan untuk belia sudah banyak disediakan seperti mana yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan program dan kerjasama.

Cuma satu Timbalan Menteri, saya melihat kepada tabung ekonomi belia yang mana telah diletakkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Ekonomi Belia yang mana telah diuruskan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kementerian hari ini kurang dan setakat ini saya tidak tahu sejauh mana kemajuan yang telah dicapai berkaitan dengan Tabung Ekonomi Belia. Kemudahan sudah ada tetapi masih lagi ramai belia yang tidak mengetahui dan saya dapati seperti di kawasan saya ada belia-belia yang telah memohon sehingga hari ini tidak mendapat jawapan daripada pihak kementerian.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan NGO yang kita lihat hari ini begitu banyak di negara kita. Kita harap pihak kementerian dapat memastikan juga mana-mana NGO supaya dapat juga membantu golongan belia kita hari ini kerana kita percaya peranan NGO juga amat penting dalam pembangunan belia kita pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Tabung Ekonomi Belia telah pun dibekukan sejak Disember 2009. Satu tabung yang beroperasi secara pusingan di mana sehingga hari ini jumlah pemohon yang telah berjaya adalah seramai 1,449 dengan dana RM48.5 juta. Daripada jumlah tersebut hanya 21 akaun ataupun peminjam yang telah menjelaskannya, maka baki 1,433 masih lagi dalam kutipan pihak kementerian. Manakala 615 langsung tidak mampu untuk membayar kembali pinjaman yang telah diberikan dengan jumlah RM19.2 juta.

Dengan sebab itu pihak kementerian hanya memiliki sebanyak RM22.1 juta sahaja dana yang terkumpul yang berada di dua buah bank iaitu Bank Rakyat dan Agro Bank di mana daripada jumlah tersebut hanya RM8.8 juta sahaja yang boleh diberi semula. Semalam kebetulan diadakan mesyuarat mengenai prestasi Tabung Ekonomi Belia ini dan tidak ada keputusan untuk membukanya kembali memandangkan jumlah dana tersebut masih terlalu kecil dan juga hutang yang sedang dikumpulkan masih terlalu besar. Namun begitu, saya bersetuju tabung untuk membiayai program-program keusahawanan ini sangat mustahak tetapi saya percaya di bawah kementerian-kementerian yang lain mempunyai dana yang lebih besar

berbanding dengan Tabung Ekonomi Belia yang kita rasakan boleh kita bekerjasama untuk diberikan bantuan.

Mengenai NGO, memang selama ini kementerian apabila mengadakan program-program akan cuba sebaik mungkin mengajukannya bersama dengan NGO. Memang NGO berhak untuk kita bantu apabila mereka membuat aktiviti berasaskan keusahawanan. Kita akan terus melaksanakan program-program keusahawanan ini bersama dengan NGO-NGO yang berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Soalan tambahan, kita tahu bahawa pada ketika ini trend belia ialah berhijrah ke bandar-bandar. Di desa dan luar bandar tidak punya perusahaan yang betul-betul akan meningkatkan pemikiran dan juga meningkatkan pendapatan belia. Jadi, apakah tindakan kementerian dan apakah tindakan kementerian mengenai trend ini dan juga berapakah yang telah berjaya setakat ini daripada kalangan belia di luar bandar dalam bidang pertanian dan ternakan. Sekian.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Kalau boleh saya jawab secara spesifik mengenai pertanian dan penternakan ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mungkin mempunyai statistik yang cukup tepat kerana Kementerian Belia dan Sukan tidak melihat secara khusus tentang pembangunan usahawan. Namun begitu untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Sepanggar, di bawah kementerian ini, di bawah IKBN sejak tahun 2008 sehingga tahun ini kita sudah ada 34,000 orang pelatih yang telah pun menjalani dan ada juga yang telah pun keluar dalam kursus-kursus termasuk automotif, marin, awam, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektrik, hospitaliti, *textile*, fotografi dan teknologi maklumat.

■1100

Kebanyakan daripada pelatih ini diberi penerapan tentang kemahiran dan mereka datang daripada luar bandar dan setiap tahun dalam Majlis Konvokesyen IKBN SeMalaysia akan ada lepasan IKBN ini yang akan diberikan Anugerah Usahawan Cemerlang dan mereka sememangnya mempunyai syarikat yang benar-benar cemerlang, menepati kriteria malah telah mampu memberikan pekerjaan kepada belia-belia yang lain.

Ini adalah di antara kejayaan yang kalau boleh saya sebut yang terbaru Usahawan Cemerlang Lelaki konvokesyen tahun 2011, Saudara Abdul Wahid bin Zakaria yang menjalankan syarikat bengkel setia, berniaga kereta. Untuk wanita ialah Puan Salmah bt. Syed Abdul Rahman dengan membuka Syarikat Salmah Fesyen yang juga memberi penekanan kepada pengantin-pengantin baru, lepasan daripada IKBN Wakaf Tapai. Ini di antara usahawan yang dilahirkan dalam kita menyumbang kepada aspirasi negara untuk mendidik belia kita kepada sektor keusahawanan. Terima kasih.

6. Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah rancangan-rancangan CSR yang telah dijalankan oleh syarikat-syarikat perladangan dan komoditi gergasi seperti Shin Yang, KTS, SEB, Sarawak Hidro yang telah memajukan kehidupan penduduk setempat.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan sama ada pembangunan fizikal ataupun pembangunan modal insan di seluruh negara termasuklah Parlimen Balik Pulau.

Di antara program-program pembangunan yang telah dilaksanakan yang dianggarkan sebanyak RM62.8 juta di kawasan Balik Pulau sejak tahun 2008 hingga sekarang:-

- (i) pembinaan sekolah baru yang terdiri daripada empat buah sekolah menengah kebangsaan dan tiga buah sekolah rendah kebangsaan;
- (ii) pembinaan blok tambahan di sebuah sekolah rendah kebangsaan;
- (iii) pembinaan lima buah pra sekolah;
- (iv) ubahsuai naik taraf USNT bangunan dan prasarana sekolah di 27 buah sekolah rendah, tiga buah sekolah menengah kebangsaan dan empat buah sekolah bantuan modal;
- (v) pembinaan dua buah bengkel untuk mata pelajaran vokasional dan teknik di dua buah sekolah; dan
- (vi) pembinaan 30 buah unit rumah guru di sekolah menengah teknik Balik Pulau.

Manakala bagi peruntukan mengurus pula, untuk tempoh yang dinyatakan itu sejumlah RM2.58 bilion telah diperuntukkan untuk operasi pengurusan seperti pembayaran emolumen, bantuan kepada murid dan sebagainya di semua sekolah dalam Parlimen Balik Pulau.

Selain itu, pelbagai program pembangunan modal insan telah dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu dan berpusat dengan melibatkan semua guru dan murid di seluruh negara termasuklah dari kawasan Ahli Yang Berhormat. Ini termasuklah latihan peningkatan profesionalisme guru, program aktiviti peningkatan sahsiah dan intelektual murid seperti kokurikulum, bengkel menghadapi peperiksaan dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang *detail*. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya soalan lanjutan khusus semenjak tahun 2008 kerana jumlah-jumlah dan cadangan-cadangan yang dibuat dan telah dibuat itu memang langsung tidak pernah melibatkan ahli Parlimen semenjak tahun 2008.

Saya cuma ingin bertanya soalan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa perancangan Kementerian Pelajaran menyambut cadangan baik kerajaan negeri kebetulan tadi exco pendidikan pun ada di sini iaitu Yang Berhormat Batu Kawan untuk menjadikan Balik Pulau sebagai hab pendidikan kerana apa yang ditunjukkan semenjak tahun 2008 sehingga sekarang ini saya ucapkan tahniah dan terima kasih kerana prasarananya bagi agak saya munasabah.

Soalan saya khusus, apakah perancangan Kerajaan Pusat menyambut baik rancangan yang diisytiharkan oleh kerajaan negeri menjadikan Balik Pulau sebagai hab pendidikan kerana di situ juga terdapat potensi-potensi yang lain yang tidak dinyatakan seperti baru-baru ini pembukaan Sekolah Al-Mashoor al-Islami yang memang secara sejarah memang terkenal sebagai hab sekolah bertaraf antarabangsa. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri agar kita dapat tahu perancangan lanjut untuk menjayakan hab pendidikan di Balik Pulau.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini ada dua soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Pertamanya, kononnya projek-projek tidak melibatkan Ahli Parlimen. Ingin saya menyatakan di sini, Kementerian Pelajaran merancang projek berdasarkan keperluan di sekolah. Kita tidak menawarkan kontrak itu kepada Ahli Parlimen atau sesiapa. Itu berpandukan kepada keperluan di sekolah dan ada yang kita terus salurkan kepada Lembaga Pengelola Sekolah. Jadi saya rasa peranan Ahli Parlimen ialah menyuarakan masalah rakyat dan walaupun Yang Berhormat jarang menyuarakan tetapi sekurang-kurangnya kementerian mengambil langkah proaktif dan kita lihat senarai 50 buah sekolah, itulah membuktikan bahawa kita tidak membeza-bezakan antara negeri yang diperintah oleh pembangkang dan juga Barisan Nasional.

Keduanya Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan hasrat murni kerajaan negeri untuk menjadikan Parlimen Balik Pulau sebagai satu hab pendidikan. Seperti mana Yang Berhormat pernah bangkitkan semasa perbahasan, saya telah menjawab dengan lantang bahawa Kementerian Pelajaran sedia memberi kerjasama kepada pihak kerajaan negeri yang mana kalau kita lihat seperti mana Yang Berhormat sendiri beritahu, kolej ataupun Sekolah Agama Al-Mashoor, itu sebagai satu contoh di mana SMKA itu kita jadikan ia sebagai satu institusi dengan peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Ini salah satu langkah. Kalau yang lain, kalau hendak diwujudkan sekolah atau pun institusi pendidikan yang lain, kadangkala melibatkan Kementerian Pelajaran dan ada juga kalau melibatkan lebih daripada Tingkatan Enam, ia melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi.

Jadi saya rasa apa yang jaminan daripada kementerian ialah kita akan bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk menjayakan agenda pendidikan dan selaras dengan falsafah pendidikan negara. Terima kasih.

7. Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah rancangan-rancangan CSR yang telah dijalankan oleh syarikat-syarikat perladangan dan komoditi gergasi seperti Shin Yang, KTS, SEB, Sarawak Hidro yang telah memajukan kehidupan penduduk setempat.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sentiasa

menggalakkan syarikat-syarikat perladangan menyediakan bantuan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kebajikan para pekerjanya.

Selain itu, di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990, Akta 446 para majikan juga perlu menyediakan perumahan dan kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan air dan elektrik, pusat asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi serta proses penyelenggaraan yang berterusan ke atas semua kemudahan yang disediakan termasuk pusat kesihatan dan rawatan perubatan ke atas pekerja.

Berhubung dengan sumbangan CSR, kebanyakan ladang-ladang besar termasuk KTS Group of Companies ini telah melaksanakan program-program untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan para pekerjanya dan masyarakat setempat sejak tahun 2003 lagi. Ini termasuklah menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan perumahan, bekalan air dan elektrik, kemudahan rekreasi dan juga pusat kesihatan dan juga sumbangan untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sempena sambutan hari perayaan serta sumbangan untuk anak-anak pekerja ladang yang cemerlang di dalam pelajaran. Mereka juga membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti mangsa-mangsa kebakaran dan banjir, sama ada ia berlaku di dalam ladang ataupun di kampung-kampung yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Sarawak Energy Bhd. (SEB) dan Sarawak Hidro Sdn. Berhad tidak terlibat di dalam sebarang aktiviti perladangan dan komoditi. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa kedua-dua organisasi ini aktif di dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya CSR di kawasan-kawasan operasinya. Terima kasih.

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih di atas jawapan tadi. Saya bersetuju bahawa KTS ada membantu. Akan tetapi di kawasan saya ada lagi banyak syarikat besar yang lain di mana saya rasa mereka langsung tidak ada. Sudah menjadi kebiasaan modus operandi syarikat-syarikat dalam sistem *pre enterprise* adalah mengutamakan keuntungan. Apa yang selalu lupa adalah sambil ada kebebasan beroperasi, mesti juga ada *self-induce responsibility*.

■1110

Dalam hal ini saya percaya kerajaan bolehlah mewajibkan syarikat-syarikat untuk membuat *social reporting* mengenai CSR mereka. Adakah ini dibuat atau tidak, saya tidak pasti. Sangat menyedihkan di kawasan Belaga dan juga Baleh, di mana adanya beroperasi syarikat-syarikat gergasi khasnya balak, ada insiden-insiden yang tidak menyenangkan seperti berlaku di mana beribu-ribu ikan mati, ikan yang berharga seperti kurau, semah dan sebagainya disebabkan oleh *erosion* dan juga *pollution* kalau tidak silap saya. Ada juga pernah berlaku *log jam* di kawasan Baleh yang sepanjang beberapa kilometer sampai ke Sibul. Apakah reaksi syarikat-syarikat yang mungkin terlibat dalam hal ini dan apakah yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan mereka terlibat dalam memulihkan keadaan.

Di kawasan Sungai Linau, ada sebuah kilang *plywood* di Sungai Danum. Ini sangat di pedalaman, dekat Indonesia *border*. *Discharge* daripada kawasan kilang ini mengalir ke Sungai

Abit dan seterusnya ke Sungai Linau. Di hilir Sungai Abit, ada penempatan seperti Lesung Laku di mana ada sebuah sekolah, klinik dan ada kampung Penan. Di sini mereka tidak ada punca air kecuali dari Sungai Linau. Soalan saya di sini, tidakkah syarikat yang mempunyai kilang ini dan juga syarikat-syarikat balak berdekatan yang juga menggunakan klinik di sini membantu kawasan ini untuk membina sebuah *gravity field* sekurang-kurangnya, punca air *gravity field* dari gunung. Ini mungkin melibatkan kos RM200,000 hingga RM300,000 sahaja. Saranan saya kepada kementerian adalah di kawasan-kawasan pedalaman sebegini, kerajaan haruslah *I think have to monitor* apa yang dibuat supaya masyarakat yang terpinggir di kawasan-kawasan ini seperti kawasan Penan harus dibantu oleh syarikat-syarikat ini.

Syarikat-syarikat ini sudah beroperasi 20 tahun hingga 30 tahun, untung mereka berbilion-bilion tetapi mereka tidak memberi, *they do not give back to the society*. Kaum Penan di Sungai Linau sekarang kekurangan makanan, tidak cukup beras. Tidakkah syarikat-syarikat ini untuk menghulur bantuan kepada mereka ini. *Every July of the year*, mereka tidak cukup makanan. Setakat ini mereka tidak pernah membantu. Boleh atau tidak kerajaan memastikan syarikat-syarikat balak di kawasan ini lebih bertanggungjawab dan lebih proaktif membantu kaum yang ada di sana. Sekian, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Rejang yang telah membangkitkan beberapa isu ini. Walau bagaimanapun saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Hulu Rejang bahawa tidak ada perundangan yang boleh kita mewajibkan dari segi program CSR atau *corporate social responsibility* ini.

Namun demikian cadangan Yang Berhormat itu, kita akan menggunakan beberapa kaedah untuk kita bersama-sama berdialog dengan syarikat-syarikat besar ini kerana selalunya Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini sentiasa membuat lawatan-lawatan dan memantau beberapa syarikat-syarikat supaya mereka dapat membantu beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Rejang tadi. Jadi itu kita akan ambil perhatian dan akan kita teruskan bagi menentukan bahawa segala apa yang boleh kita bantu, kita bantu seperti apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat lepas tentang bajet yang telah dibentangkan. Beberapa masalah di peringkat luar bandar akan kita sama-sama bantu dan akan kita pertingkatkan daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

8. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah kenderaan di Malaysia pada masa kini dan pecahan mereka mengikut kategori-kategori berikut:-

- (a) lori dan lori tangki, bas, kereta, motosikal; dan
- (b) kenderaan berat seperti *backhoe*, *excavator* dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kenderaan berdaftar sehingga 31 Ogos 2011 adalah sebanyak 21,021,217 atau 21,021,217 dan perinciannya adalah seperti berikut:

| Jenis Kenderaan | Jumlah |
|-----------------|-----------|
| Motosikal | 9,839,911 |
| Kereta | 8,485,949 |
| Lori | 628,531 |
| Van | 609,873 |
| Lori tangki | 4,941 |
| Backhoe | 130,236 |

Dan banyak lagi kenderaan yang lain-lain.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan kemalangan yang meragut nyawa lebih kurang 18 orang setiap hari atau hampir 7,000 setahun dan juga memandangkan pelaksanaan AFTA untuk automobil yang telah tangguh beberapa kali dan akan dilaksanakan pada 2015, di mana harga kenderaan akan turun mendadak jika tidak ada cukai.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan kenderaan tidak akan bertambah dengan kadar 600,000 setahun yang menyebabkan kesengsaraan, bukan sahaja mangsa 7,000 setiap tahun yang meninggal ini. Berpuluh-puluh ribu lagi mangsa kemalangan kenderaan. Jadi apakah langkah-langkah persiapan untuk mungkin memperbaiki sistem *public transport* dan juga mengurangkan kenderaan dan apa-apa lagi cara memastikan negara ini tidak sesak dengan kenderaan di jalan raya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan terhadap isu ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa masalah kemalangan di jalan raya adalah merupakan satu isu yang penting dan pada tahun lepas sahaja lebih kurang 6,872 orang mati di jalan raya dan *average* lebih kurang 19 kematian sehari. Ini adalah merupakan salah satu bidang yang mendapat perhatian di kementerian ini. Walaupun kalau kita lihat negara-negara lain memang menghadapi masalah yang sama khususnya di negara China misalnya, 120,000 setahun orang mati di jalan raya, lebih kurang 330 orang mati setiap hari. Di India lebih kurang 92,000 mati setiap tahun. Kita di tangga 47 daripada 172 negara.

Dalam soal ini kalau kita lihat misalnya ia ada *correlation* di antara kemalangan dengan pertambahan kenderaan. Kalau kita lihat kenderaan kita bertambah, sebenarnya 10% setiap tahun. Kalau sekarang ini lebih kurang hampir satu juta setiap tahun kenderaan berdaftar di

negara ini dan akibat daripada itu kita dapat melihat bahawa kemalangan itu bertambah mengikut pertambahan jumlah kenderaan. Walaupun pelbagai inisiatif yang kita lakukan, tetapi kalau kita lihat dari segi indeks kematian jalan raya mengikut statistik-statistik tertentu misalnya setiap 100,000 penduduk daripada tahun 2002 - 24.10 dan pada tahun 2005 – 23.7 dan 2010 – 24.2. Agak konsisten dalam jangka sepuluh tahun yang lalu. Demikian juga 10,000 kenderaan berdaftar, 4.88 pada tahun 2006, 3.98 – 2006 dan 3.4 – 2010 dan juga satu konsisten agak menurun.

■ 1120

Setiap satu bilion *vehicle kilometer travel*, pada tahun 2002 sebanyak 22.71, pada tahun 2005 sebanyak 19.58 dan pada tahun 2010 sebanyak 17.28. Ini indeks-indeks yang kita gunakan. Ini dengan mengambil kira bahawa kenderaan bertambah sejuta setiap tahun. Sememangnya kita ada masalah di sini kerana kita ada *National Automotive Policy*. Mungkin Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa kita juga ada industri kereta dan pemakaian serta penggunaan kereta ini adalah merupakan sesuatu yang agak digalakkan. Mungkin pihak MITI akan mengambil langkah-langkah tertentu, demikian juga penggunaan motosikal. Kalau kita lihat 60% daripada kematian ini adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal dan motosikal ini adalah merupakan satu kenderaan yang banyak digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Oleh sebab itu, langkah-langkah untuk mengekangnya adalah merupakan satu langkah yang agak sukar. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan daripada Timbalan Menteri. Mengikut jawapan daripada timbalan Menteri di mana jumlah bilangan kereta ataupun kenderaan bertambah dengan kadar 10% setiap tahun. Maka kini angka kita adalah 21.02 juta, bayangkan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang menjelang wawasan 2020, jumlah kenderaan di tanah air kita akan menjadi 40 juta buah.

Persoalan saya di sini, bilangan rakyat kita 28 juta. Menjelang tahun 2020 mungkin 30 juta tetapi kenderaan 40 juta unit. Adakah kerajaan mempunyai satu perancangan yang rapi untuk adakan dasar pelupusan kereta lama kerana kereta pada zaman P. Ramlee masih ada di jalan walaupun kini sudah masuk zaman Siti Nurhaliza tetapi kereta 50 tahun, lebih tua daripada Yang Berhormat Sri Gading masih lagi atas jalan.

Ini menyebabkan di mana jumlah kemalangan yang berlaku setiap tahun bertambah tidak kira Deepavali, Tahun Baru Cina ataupun Hari Raya. Setiap musim perayaan kita lihat pelbagai jumlah kemalangan yang menyayat hati kita. Maka saya hendak tanya Timbalan Menteri, adakah kementerian sudah melakar satu dasar jangka panjang supaya ada pelupusan kereta lama seperti di negara maju. Di Singapura, sepuluh tahun kena jual. Kerajaan bagi insentif, tidak boleh lagi atas jalan tetapi Malaysia, apakah langkah kita untuk mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan terhadap isu ini. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa masalah ini adalah merupakan satu masalah yang serius tetapi kalau kita lihat misalnya berkaitan dengan isu pelupusan ini, setakat ini kita belum ada lagi had umur kenderaan yang ditetapkan untuk dilupuskan tetapi ianya bergantung pada *roadworthiness* sesuatu kereta itu. Ia ditentukan melalui *inspection* yang dilakukan terhadap satu *vehicle*. Akan tetapi kalau kita lihat sendiri pun misalnya Yang Berhormat, kemalangan yang banyak berlaku ini bukanlah kendera-kenderaan lama semata-mata.

Kalau kita tengok kenderaan yang baru pun kalau mereka memandu dengan laju dan memandu dengan tidak berhemah, mungkin ini juga merupakan satu punca yang sebenar mengapa berlaku kemalangan dan kalau kita lihat sendiri pun statistik menunjukkan bahawa kemalangan melibatkan motosikal ini 60% adalah merupakan penyumbang utama. Jadi dalam soal ini memang kita boleh memikirkan tentang perkara itu. Kita tidak *discount out* tentang keperluan untuk mengadakan satu sistem pelupusan tetapi kita juga harus menimbang perkara-perkara lain.

Banyak juga rayuan daripada pihak ataupun pemilik kenderaan khususnya pemilik kenderaan yang mempunyai nilai yang tinggi ataupun kenderaan-kenderaan yang mahal dan sebagainya yang mempunyai *value* yang kalau kita lupuskan, mereka juga mempunyai hak untuk menuntut supaya perkara ini tidak dilakukan. Oleh sebab itu perkara ini akan dipertimbangkan daripada semasa ke semasa. Sekiranya kita bersedia, kita boleh melakukannya. Mungkin suatu masa nanti mungkin ianya boleh dilakukan sekiranya semua Ahli Yang Berhormat pun bersetuju atau memberikan sokongan terhadap usaha ini. Terima kasih.

9. Datuk Siringan Gubat [Ranau] minta Menteri Pertahanan menyatakan, bilangan rekrut angkatan tentera dari kalangan anak-anak Sabah dari tahun 2000 sehingga September 2011 dengan pecahan kaum dan pencapaian daripada segi pangkat-pangkat teratas yang boleh dibanggakan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lain-lain pangkat angkatan tentera di kalangan anak-anak Sabah pada tahun 2000 hingga September 2011 adalah seramai 2,981 orang mengikut pecahan seperti berikut:

| KAUM | BILANGAN |
|-------------------|----------|
| Kadazan dan Bajau | 2,493 |
| Melayu | 368 |
| Cina | 20 |
| India | 4 |
| Lain-lain | 96 |

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian pangkat yang teratas bagi anak kelahiran Sabah adalah pangkatnya *Bridged General, one star*. Terima kasih.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan, mengikut keterangan daripada beberapa bekas anggota tentera kepada saya, satu daripada masalah yang mereka hadapi ialah mereka melihat dan merasakan kenaikan pangkat ini begitu tipis sekali pada mereka. Itulah sebabnya banyak di antara mereka tidak meneruskan kerjaya sebagai anggota tentera. Mungkin ada terdapat diskriminasi di sini. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Ranau itu tidak benar kerana dalam angkatan tentera kita buta warna, buta segala-galanya. Maksud saya, sistem itu buta warna. Bermakna segala-galanya ditentukan mengikut merit kerana adalah dasar kita untuk menjadikan Angkatan Tentera Malaysia satu angkatan tentera yang profesional dan *credible*. Maka sistem kenaikan pangkat adalah mengikut merit dan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini di peringkat kementerian telah pun bersetuju untuk melihat kembali sistem perkhidmatan yang baru dan sistem perkhidmatan yang baru ini sedang pun dikaji secara halus oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, di antara anggaran yang dijawab oleh timbalan Menteri Tadi, berapakah rekrut angkatan tentera adalah kaum wanita dan apakah cadangan atau tindakan diambil oleh kementerian untuk menggalakkan kaum Cina dan kaum wanita dalam angkatan tentera dari Sabah? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Soalan pertama soalan spesifik, saya perlukan masa untuk menjawab kerana jawapan yang diberikan ini tidak menunjukkan gender. Saya minta maaf.

Kedua, sebenarnya kita mengambil pengambil untuk lain-lain pangkat mahupun pegawai dua kali setahun. Pengambilan ini kita lakukan secara *transparent, walk in interview*, ada dua kali saringan dan kita memang sentiasa bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat terdiri daripada pelbagai parti termasuk parti pembangkang dan kita uar-uarkan. Setakat ini, komitmen daripada mereka amat baik kecuali daripada DAP. Kita sudah jemput, dia kata hendak datang tetapi akhirnya dia tidak datang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1130

10. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan setakat mana perundingan dengan Indonesia mengenai jerebu. Apakah masalah yang sebenar dan syor untuk mengatasinya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua lagi soalan lisan

iaitu daripada Yang Berhormat Parit Sulong pada 10 November 2011 dan Yang Berhormat Hulu Rejang pada 15 November 2011 memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme yang sedia wujud bagi menangani isu jerebu merentasi sempadan ialah melalui platform Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Sub-Serantau ASEAN ataupun *Sub-Regional Ministerial Steering Committee* berikutan bencana jerebu yang melanda rantau ini pada tahun 2005. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2006 dan dianggotai oleh lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand.

Setakat ini Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 12 kali dan antara pencapaian-pencapaiannya ialah seperti berikut:-

- (i) Mewujudkan ruang untuk memantau pelan tindakan negara-negara ahli dalam mengurangkan bilangan titik panas;
- (ii) mewujudkan kerjasama dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia mulai tahun 2008 di Wilayah Riau, Sumatera dan begitu juga ada kerjasama dilaksanakan oleh Singapura di Wilayah Jambi, Sumatera;
- (iii) pelaksanaan *Regional Haze Action Plan* dengan izin yang meliputi langkah-langkah pencegahan, pengawasan dan mitigasi;
- (iv) pelaksanaan *ASEAN Policy on Zero Burning technique* dengan izin;
- (v) pengoperasian *ASEAN Haze Fund* bagi membiayai projek-projek pencegahan dan kawalan jerebu serantau; dan
- (vi) penubuhan *Panel of ASEAN Experts on Fire and Haze Assessment and Coordination* dengan izin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sebenar seperti yang kita telah alami pada tahun 2005 adalah berpunca daripada peningkatan mendadak bilangan titik panas di Sumatera iaitu sebanyak 542 titik panas pada 10 Ogos 2005 yang menyebabkan keadaan jerebu yang serius menyelubungi seluruh kawasan Lembah Klang. Dengan ini, Kerajaan Malaysia terpaksa mengisytiharkan bencana jerebu pada 11 hingga 13 Ogos 2005. Daripada laporan pihak *ASEAN Meteorological Department*, kejadian jerebu ini disebabkan oleh kebakaran tanah dan hutan tambun.

Baru-baru ini kita telah mengadakan mesyuarat MAC di Bangkok dan antara syor yang dipersetujui dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menambahkan kawasan-kawasan kerjasama di antara ahli-ahli jawatankuasa tersebut; dan

- (ii) menyeru agar pihak *ASEAN Secretariat* memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menyelaraskan dan menguruskan tindakan negara-negara ahli dalam menangani kejadian jerebu merentasi sempadan.

Mengenai soalan sama ada Indonesia telah menandatangani *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*, jawapannya ialah hanya negara Indonesialah yang masih belum menandatangani *agreement* ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat].

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 12 Oktober 2011.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2012**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion dua ratus empat puluh lapan juta sembilan ratus ribu ringgit (RM51,248,900,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2012, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2011, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[10 Oktober 2011]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin, sila.

11.35 pg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin ada 15 minit lagi, ya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Lagi 15 minit.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: 15 minit, Tuan Yang di-Pertua? Jadi saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mohon daripada kawan-kawan supaya tidak ada pencelahan kerana 15 minit ini terhad betul. Jadi saya teruskan kepada perbahasan saya.

Semalam saya ada menyebut tentang masalah ekonomi yang cukup kronik yang dihadapi oleh negara-negara *eurozone* sebanyak enam buah negara dan juga negara-negara maju seperti Amerika, Britain dan juga Jepun. Kedua-dua kumpulan ini sebenarnya menyumbang sebanyak lebih kurang 31.3% daripada angka pasaran perdagangan antarabangsa tahun 2010. Jadi masalah kegawatan ekonomi ataupun krisis ekonomi yang berlaku di kedua-dua kumpulan negara ini sebenarnya mempunyai impak yang cukup negatif kepada ekonomi negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan. Kalau pada 2010 kita bergantung sebanyak lebih kurang satu per tiga daripada pasaran perdagangan antarabangsa, setakat tahun 2011 ini,

apakah kesan yang berlaku terhadap pasaran antarabangsa tersebut? Apakah sebenarnya langkah-langkah yang patut kita buat bagi mengatasi supaya kita dapat mengimbangkan pasaran antarabangsa kita terutamanya memberikan tumpuan kepada negara-negara lain seperti negara-negara *emerging economy* dan juga negara-negara BRICS?

Seterusnya saya pergi pada tentang cukai korporat dan juga cukai persendirian. Dalam Bajet yang cukup cantik ini yang berikan penumpuan kepada semua peringkat masyarakat, kita lihat tidak ada peruntukan yang diberikan untuk kelonggaran kepada cukai pendapatan sama ada korporat ataupun persendirian. Jadi adalah saya mencadangkan supaya kerajaan terus mengkaji bagi mengurangkan cukai pendapatan individu dan juga korporat yang selama ini dikenakan sebagai langkah untuk meringankan beban tanggungan rakyat sekali gus kita mampu untuk meningkatkan kadar pertumbuhan negara. Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, cukai korporat kita 25% berbanding dengan cukai korporat yang dikenakan oleh Singapura sebanyak 17% sahaja. Begitu juga cukai pendapatan kita, dikenakan sebanyak 26%.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara seterusnya iaitu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah memberikan pengiktirafan kepada para pejuang tanah air sebanyak RM3,000 kepada bekas polis, bekas polis bantuan dan termasuk kepada *border scout*. Sebenarnya pemberian ini adalah satu pengiktirafan yang cukup bermakna kepada mereka yang telah berjasa kepada tanah air kita.

Untuk makluman, semalam Yang Berhormat sahabat saya dari Kubang Kerian ada membangkitkan tentang sejarah Mat Indera. Sebenarnya, saya hendak maklumkan, saya panjang sangat cerita ini, saya tidak dapat ceritakanlah. Akan tetapi saya ceritakan hanya tahun 1948 sahajalah. Sebelum itu tahun 1946 semasa kita memperkenalkan Malayan Union yang mendapat tentangan dan kebangkitan Melayu dan tertubuhlah UMNO pada ketika tersebut yang menjadi pelopor kepada perjuangan untuk menentang Malayan Union.

Selepas itu pada tahun 1948, setelah British tidak tahan dengan kebangkitan Melayu, maka British telah mengisytiharkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan menyerahkan kuasa pemerintahan kepada Raja-Raja Melayu. British hanya menjadi pentadbir yang hanya memberikan tumpuan kepada sektor ekonomi sahaja. Selepas itu, tertubuhlah – sebelum ini pun sudah tertubuh Force 136 iaitu askar Melayu dan selepas itu penubuhan polis, *Federation of Malaya Police*. Maknanya polis ataupun semua anggota-anggota kerajaan berkhidmat di bawah panji-panji dan juga kerana ketaatan mereka kepada Raja-Raja Melayu yang menjadi lambang negeri-negeri Melayu.

Jadi semasa peperangan ataupun pertempuran di Bukit Kepong, di sinilah sebenarnya penglibatan Mat Indera yang dikatakan sebagai komander untuk negeri Johor.

■1140

Beliau sebenarnya menyertai kumpulan radikal pada awalnya dan tidak mahu menyerah kalah dan terus menyertai komunis pada ketika tersebut. Janganlah hendaknya kita mahu

menukar sejarah dan saya yakin apa yang telah dibuat oleh kerajaan cukup bertepatan bagi memberikan sedikit imbuhan kepada perwira-perwira tanah air kita yang telah banyak berjasa. Yang Berhormat Kubang Kerian juga ada menyebut tentang Yusof Rono. Untuk maklumat Yang Berhormat, Yusof Rono datang daripada Melaka. Saya cukup kenal baik dengan beliau berasal daripada Kampung Kandang. Saya sebagai Yang di-Pertua, bekas perajurit Melaka selama 17 tahun. Pada ketika tersebut, banyak kali menyebut beliau. Setiap kali Hari Pahlawan dan kami menjemput beliau untuk berikan ceramah dan menerangkan tentang pengalaman beliau semasa pertempuran tersebut.

Saya tidak pernah dengar pun. Mungkin saya terlupa tetapi saya tidak pernah dengar pun beliau ada menyebut yang Mat Indera menolong polis kita. Bahkan yang terlibat, polis yang berkhidmat dengan sepenuh ketaatan kepada Raja-Raja Melayu bagi mempertahankan tanah air. Mereka bukanlah orang yang berkhidmat bawah British. Kenapa Mat Indera menyerang mereka? Seagama dan sebangsa, tidak mengira isteri dan anak-anak mereka. Ada sesetengahnya dibakar hidup-hidup. Jadi janganlah hendaknya kita mahu padamkan sejarah kerana kepentingan politik. Bahkan kita mahu memberikan satu pengiktirafan kepada pejuang-pejuang tanah air kita.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya pergi seterusnya tentang kontroversi yang transaksi pembelian...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Malaysia ini sudah berikah Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tidak dapat beri laluan, saya ada masa yang cukup sedikit. Kemudian kita bagi. Transaksi pembelian 30% syarikat harta tanah E&O oleh Sime Darby. Jika dulu, saya minta maaf saya tidak dapat bagi. Minta maaf sahabat, duduk sahabat.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Jika dahulu Sime Darby menghadapi satu kemelut kerugian sebanyak RM2.8 bilion yang masih belum selesai. Kini kita menghadapi satu lagi kontroversi. Kedua-dua kontroversi ini sebenarnya tidak membantu kerajaan dalam usaha kita untuk menjayakan salah satu daripada NKRA kita bagi membasmi rasuah. Oleh demikian CPI kita yang berada pada tahap 4.5 mata tidak akan dapat diperbaiki kerana persepsi rakyat akan terus terjejas maka dalam menjaga kepentingan pemilikan saham terutamanya di bawah PNB.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya kita dapat menjalankan satu *due diligence* dan memberikan penjelasan tentang rasionalnya pembelian saham sebanyak 30% kepada syarikat E&O oleh syarikat Sime Darby yang bernilai sebanyak RM766 juta pada harga RM2.30 yang merupakan 60% lebih mahal daripada harga pasaran. Seterusnya, saya pergi

kepada 27 Oktober 2009, saya ada mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 2010. Semasa tersebut, saya telah membangkitkan tentang syarikat penerbangan negara iaitu MAS yang menjadi kebanggaan kita yang menghadapi masalah kegawatan kewangan yang kronik akibat daripada impak krisis ekonomi. Bukan sahaja MAS bahkan banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan yang lain di dunia menghadapi masalah yang sama dan banyak daripada mereka yang gulung tikar.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kita membuat penelitian dan kalau boleh kalau ada keperluan supaya kita membantu MAS sebelum ianya mendapat kerugian yang lebih besar, sesuatu yang perlu kita elakkan. Walaupun sebenarnya kita terkejut Tuan Yang di-Pertua, dalam pengumuman bahawa Khazanah menyerahkan 20% saham MAS kepada AirAsia dan Khazanah hanya mendapati 10% sahaja saham daripada AirAsia. Akan tetapi walau bagaimanapun, terpaksa terima hakikat kini mereka adalah ibarat satu keluarga yang diikat melalui kepentingan pemilikan saham. Jika MAS gagal, ia akan turut mengheret AirAsia juga.

Jadi kedua-duanya tidak boleh gagal dalam menjayakan kesepakatan ini tetapi perlu saling bekerjasama khususnya dari aspek hak dan juga pembahagian laluan yang sekarang menjadi isu antara MAS dan juga AirAsia. Untuk misi-misi yang lebih besar, kesepakatan ini memudahkan MAS dan AirAsia merangka pelan dan strategi untuk menghadapi persaingan serantau dan juga antarabangsa. Ini kerana mereka masing-masing mempunyai kelebihan dan juga kekurangan. Apa yang jelasnya, kesepakatan ini MAS dan juga AirAsia, walaupun kekal sebagai satu entiti yang berbeza tetapi mereka saling melengkapi. Kita tidak mahu melihat...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sikit, boleh mencelah?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ada satu *negative competition* yang akan merugikan industri penerbangan kita. Yang menjadi persoalan sekarang ialah jumlah pemilikan 20% MAS ke tangan AirAsia dan hanya 10% sahaja kepada Khazanah. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, adakah pemilikan ini adalah berdasarkan daripada harga ataupun berdasarkan kepada NTA semasa ataupun ianya berdasarkan harga sesaham di pasaran Bursa Saham. Saya hendak mencadangkan kalau boleh Bursa Saham dan juga Suruhanjaya Sekuriti menjalankan satu siasatan bagi menentukan tidak ada *insider trading* memandangkan saham AirAsia sebelum ini naik dengan ketara sebelum ianya digantung.

Seterusnya, saya ingin bertanya. Apakah bentuk *due diligence* sebelum keputusan dibuat kerana perjanjian dimeterai pada hari yang sama dibuat pengumuman. Kalau kita dapati ada pihak yang rugi, seharusnya kita perbaiki perjanjian ini. Ini kerana saya pun terkejut seolah-olah perjanjian ini dibuat tergesa-gesa, tiba-tiba sahaja bahkan MAS mempunyai kepentingan rakyat. Begitu juga AirAsia sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Seharusnya kita uar-uarkan supaya kita mendapat *feedback* dan pandangan daripada masyarakat. Seterusnya, soalan saya apakah jaminan kerana saham MAS ini dimiliki oleh dua

personaliti iaitu Tony Fernandes dan juga Kamarudin Meranun. Apakah jaminan kedua-dua mereka tidak akan menjualkan saham yang menjadi kepentingan negara kepada pihak asing?

Keempatnya, apakah sebenarnya 30% diskaun yang dulunya kita berikan kepada AirAsia oleh MAHB dan sepatutnya 30% ini diberikan balik kepada pengguna-pengguna kerana ini duit pengguna yang membayar kepada MAHB yang disimpan oleh AirAsia. Walaupun sebenarnya saya menyokong usaha kolaborasi ini memandangkan banyak syarikat penerbangan lain di dunia mengambil langkah yang sama untuk penggabungan kerana kebanyakannya menghadapi – kerana industri penerbangan adalah satu industri yang cukup kompleks pada ketika ini berikutan dengan kenaikan harga minyak dan juga ketidakpastian ekonomi dunia yang membuatkan syarikat penerbangan mengubah strategi seperti yang dilakukan oleh MAS dan AirAsia melalui perjanjian pertukaran saham.

Akan tetapi, ada juga timbul perkara-perkara lain. Pada masa sekarang MAS sebenarnya hanya diberikan penumpuan kepada kelas premium sahaja bahkan 60% daripada pendapatan MAS adalah bergantung kepada kelas ekonomi. Kalaulah AirAsia sebagai sebuah penerbangan tambang murah yang memberikan harga yang cukup menarik sekali, saya rasa orang akan lari dan MAS akan menghadapi masalah. Keduaanya, MAS sebenarnya menggaji banyak pekerja-pekerja bumiputera dan juga bangsa-bangsa lain kebanyakan warga emas mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang aeroangkasa dan mereka mempunyai kebolehan untuk terus bersaing. Saya hendak tanya sama ada perjanjian kolaborasi ini antara MAS dan AirAsia memberi impak dan juga kesan negatif kepada moral pekerja dan juga tidak hairanlah ramai mereka yang membantah.

Isu besar yang dihadapi oleh MAS pada ketika ini dan juga AirAsia adalah tentang Dasar Perjanjian Langit Terbuka yang telah ditandatangani pada tahun 2009 di Manila.

■1150

Antara negara-negara ASEAN sebanyak 9 buah iaitu perkara pokok seperti kebebasan keluar masuk, kebebasan bagi menentukan kapasiti penumpang, penentuan kadar tambang dan kebebasan operasi adalah di antara saingan terbesar di antara kedua-dua syarikat penerbangan ini.

Jelasnya, syarikat penerbangan asing akan dibenarkan membuat penerbangan pelbagai destinasi. Beberapa sektor dalam negara yang kita ketahui sangat menguntungkan ialah *lucrative market*. Contohnya yang ketara ialah antara sektor Kuala Lumpur – Singapura yang dahulunya dilindungi telah pun dibuka kepada pesaing-pesaing kita apabila Dasar Perjanjian Langit Terbuka ini akan berkuat kuasa pada tahun 2015. Jadi, soalan saya apakah langkah kerajaan bagi memastikan kedua-dua syarikat penerbangan kita benar-benar bersedia menghadapi persaingan pada masa akan datang dan terus mengembangkan operasi mereka di rantau ASEAN dan juga dunia keseluruhannya.

Seterusnya, semalam sahabat saya daripada Parlimen Pengerang ada menyebutkan tentang pembangunan belia. Jadi, saya tidak dapat peluang untuk bertanya dan ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Pada ketika ini kementerian banyak mendapat peruntukan dan sebenarnya saya berharap supaya ianya tidak menumpukan hanya kepada aspek kesukanan sahaja. Kalau boleh, berikan perhatian kepada belia-belia di akar umbi, cawangan-cawangan belia yang terbiar dan kita berharap kalau boleh mereka ini diperkasakan kerana belia pada masa ini adalah pemimpin pada masa akan datang.

Seterusnya saya pergi kepada penjualan ExxonMobil sebanyak 65% dalam Esso Malaysia Berhad yang memiliki syarikat penapisan di Port Dickson serta 560 stesen minyak Esso dan Mobil di seluruh negara. Seperti yang kita maklum bahawa Boustead yang dipunyai oleh Lembaga Angkatan Tentera telah menyatakan hasrat membuat tawaran pada sekitar RM5.20 berbanding dengan harga pasaran RM4.07 sesaham yang berjumlah sebanyak RM1 bilion. Akan tetapi syarikat San Miguel daripada Filipina menawarkan sebanyak RM3.50 sesaham yang jumlah keseluruhannya berjumlah RM614 juta sahaja, mereka ini berjaya.

Walaupun pihak kerajaan sebenarnya tidak boleh terlalu mencampuri urusan tersebut kerana dibimbangi akan memberi gambaran buruk kepada pelabur daripada luar, yang penting syarikat ini – Esso Malaysia merupakan sebuah syarikat yang *strategic industry* yang seharusnya kita pertahankan. Kalau boleh jangan jatuh ke tangan asing. Apatah lagi syarikat tersebut berada di dalam negara kita kerana kita tahu penapisan di Port Dickson sebenarnya mengeluarkan 80,000 tong sehari minyak, penapisan. Itu tidak termasuk 560 stesen-stesen minyak seluruh negara.

Di Amerika Syarikat untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, semua penjualan, semua pengambilalihan *strategic industry* mesti mendapatkan kebenaran *Senate* dan banyak kali *Senate* menolak tawaran-tawaran daripada negara China untuk membeli *strategic industry* di dalam Amerika tetapi tidak dibenarkan. Amerika juga dalam masa yang sama mensyaratkan dalam apa jua penguasaan syarikat-syarikat tempatan yang strategik mesti mempunyai *local content*. Dalam masa yang sama, mereka juga mensyaratkan satu pemeriksaan yang cukup ketat sekali dengan melantik *auditor* bebas untuk membuat pemeriksaan dan juga audit tentang kebenaran penyertaan *local content* ini. Kita tidak boleh letak nama-nama sahaja bahkan mereka mesti akan memeriksa bagi memastikan supaya bukan sahaja penguasaan bahkan penyertaan secara langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin, boleh habiskan Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh negara kita dapat sama-sama mencontohi seperti apa yang dilakukan oleh Amerika ini. Saya kerana kurang masa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan tentang transformasi FELDA yang banyak dibangkitkan semalam dan telah mempersoalkan tentang kepimpinan

Pengerusi FELDA pada masa kini, yang telah dilantik sebagai Pengerusi sementara untuk KPF. Saya rasa kita cukup berterima kasih atas ketokohan Yang Berbahagia Tan Sri Isa Samad kerana semasa beliau menjadi pengerusi FELDA maka transformasi FELDA dilakukan.

Pada ketika ini FELDA mempunyai 500,000 hektar tanah yang bersama-sama dengan 112,000 peneroka seluruh negara. Dalam masa yang sama FELDA Plantation juga, memiliki sebanyak 350,000 hektar yang diusahakan oleh FELDA sendiri, yang tidak ada peneroka. Ini dua entiti yang berbeza. Di dalam masa yang sama, kalau dulu KPF yang dimiliki oleh peneroka dan kakitangan FELDA, tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam FELDA Global tetapi dengan transformasi ini, KPF akan memiliki sebahagian daripada FELDA Global Ventures. Kita mahu melihat supaya Felda Global Ventures ini bukan sahaja tersenarai bahkan seterusnya menjadi sebuah syarikat konglomerat yang boleh kita banggakan, yang boleh bersaing di persada dunia, syarikat konglomerat perladangan yang terlibat, bukan sahaja dalam kelapa sawit bahkan macam-macam jenis tanaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat Jasin. Habis masa.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh saya bertanya sedikit.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Boleh saya beri Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit, sedikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis masa Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah habis masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: habis sudah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah... *[Ketawa]*

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau sudah habis masa, apa hendak boleh buah Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap semoga kita menyokonglah usaha FELDA Global ini untuk terus disenaraikan dan kita mahu kalau boleh bukan sahaja penyertaan daripada KPF bahkan dia akan menjemput dalam masa yang sama institusi pelaburan negeri kerana FELDA ini berada di seluruh negara. Rakan kongsi strategik, institusi pelaburan dan kita tidak juga lupa kepada orang awam dan kalau boleh kita begitu juga dapat menyertainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya menghormati masa, Tuan Yang di-Pertua banyak memberi saya peluang dan isyarat. Saya rasa itu sahaja, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

11.56 pg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya bangun untuk turut mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dan usul Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya awal-awal meminta maaf kerana tidak dapat melayan kalau ada yang mencelah

sebab terlalu banyak perkara yang saya bawa, kesuntukan masa dan mungkin saya bercakap mungkin cepat sikit Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, di pihak diri saya dan juga bagi pihak rakyat yang saya wakili daripada Parlimen Pasir Mas ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia di atas belanjawan yang dibentangkan bagi tahun 2012. Sepanjang saya menjadi Ahli Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati inilah belanjawan yang paling luar biasa. Yang mendapat sokongan semua rakyat daripada segenap lapisan. Kalau tidak silap saya, saya bilang daripada hari Jumaat sampai semalam saya telah menerima 273 SMS daripada rakan-rakan yang minta saya menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dengan belanjawan yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat, semua pihak dan semua lapisan menyanjung tinggi dan menyahut baik belanjawan ini. Rakyat turut tersenyum lebar cuma satu sahaja kumpulan yang nampaknya bersedih dan bermuram iaitu di kalangan parti Pakatan Rakyat. *[Ketawa]* Ini kerana belanjawan ini sekali gus kita dapati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentang belanjawan ini telah *shutdown* iaitu telah membunuh Buku Jingga yang diharap menjadi senjata dalam Pilihan Raya ke-13. Maka sebab itu apabila saya meneliti dan mendengar dengan penuh khusyuk perbahasan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya dapati ianya begitu sugul sekali. Tidak bermaya dan tidak ada keriangangan langsung dan apa yang diulang adalah perkara yang sama.

■1200

Bila menyentuh hal-hal projek yang telah disenaraikan itu untuk kroni dan juga untuk kaum kerabat, lain tidak ada. Jadi ini cerita lama, jadi apa pun itu adalah retorik politik semata-mata sebagai satu senjata untuk hendak mengabui mata rakyat tidak lebih dari itu.

Maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersetuju dengan belanjawan yang telah dibentangkan dan hujah yang dibawa oleh pihak-pihak tertentu apakah kerajaan mampu untuk melaksanakan belanjawan ini kerana terlalu banyak golongan telah menerima manfaat di mana belanjawan berjumlah RM232.8 bilion. Manakala pendapatannya RM186.9 bilion iaitu dianggarkan meningkatkan 1.9% daripada tahun 2011. Ertinya kalau RM232.8 bilion dengan pendapatan RM18.69 kekurangan ialah RM45.9 juta iaitu 5.4%. Jadi kalau RM45.9 juta sahaja kurang daripada pendapatan ini saya rasa kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara lain dan melihat kepada kedudukan ekonomi negara kita.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: RM45 bilion Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya percaya...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, kurang RM45 bilion sahaja.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, ya. Maaf RM45 bilion betul, betul terima kasih di atas pembetulan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita semua sedar dalam Forum Ekonomi

Dunia baru-baru ini meletakkan Malaysia di tangga ke 21 negara paling *competitive* antara 142 negara dan juga nombor tiga negara terbaik dunia dalam sektor kewangan. Ini satu pencapaian yang cukup luar biasa yang harus kita mengakui dan yang harus kita menyampaikan ucapan tahniah kepada kerajaan. Ini soal fakta, ini bukan soal kita hendak bangkit semata-mata hendak bangkit tetapi ianya merupakan satu perkara kebenaran yang tidak dapat kita nafikan. Untuk itu sekali lagi tahniah.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya hendak menyentuhlah tentulah ada beberapa perkara yang walaupun sebaik mana pun ada sedikit sebanyak yang terpaksa kita beri untuk perhatian pihak kerajaan. Pertama dalam soal meliberalisasikan 17 sub sektor perkhidmatan. Ini memanglah salah satu perkara yang nampaknya semesti tidak dapat dielakkan memandangkan perkembangan ekonomi global dan kehendak globalisasi. Akan tetapi walau bagaimana pun harus diingat negara kita berbeza dengan setengah-setengah negara lain. Dalam kita hendak meliberalisasikan 17 sektor lagi saya minta kerajaan perhatian dan tadi pun Yang Berhormat Jasin ada sebut kebimbangannya mengenai dengan *ExxonMobile* yang akan dijual kepada San Miguel Filipina. Jadi ini salah satu contoh akhir sekali nanti ada sektor-sektor yang dikuasai 100% oleh pihak kaum bumiputera.

Saya hendak merujuk Tuan Yang di-Pertua, kepada satu laporan ini hal-hal liberalisasi ini datangnya daripada PEMANDU. Saya hendak menarik perhatian pihak kerajaan kenapa dengan izin, *Malay Chambers of Commerce*, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia *came out with the very strong statement* mengenai dengan PEMANDU. Kenapa? Kenapa perkara ini berbangkit? Sebab itu saya hendak minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga anggota-anggota Kabinetlah supaya jangan telan bulat-bulat apa jua cadangan yang dibuat oleh pihak PEMANDU. Kena teliti betul-betul, kena kaji betul-betul supaya tidak berlaku apa yang dikatakan yang tersirat takut ada *hidden agenda*.

Ini kerana saya hendak baca satu laporan Tuan Yang di-Pertua dengan izin, saya panjang saya hendak ambil ringkas-ringkas sahaja saya hendak ambil perkara-perkara pokok, di sini mengenai *oil and gas industry* dalam bahasa saya minta izin; *“There is PEMANDU EPP to create O&G regional hub in KL. As per Chart one; Bumiputera participation in the services sector is only 6.7%. The EPP is designed to liberalise the local O&G industry allowing big foreign players to enter industry without bumi stake or partner. This will cause 3,000 bumi vendors registered with Petronas to be sidelined. This will affect all bumi vendors in all the various sector of the industry including fabrication, marine service, etc. This initiative is cleverly driven by PEMANDU through a uni such as Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) promoting liberalization of the industry. It is funny that PEMANDU reps also sit in MPRC. Where is the transparency?”*

Ini contoh kalau meliberalisasikan semua sekali dan pihak asing dapat memegang 100% saya bimbang kepentingan kaum bumiputera vendor-vendor seperti di bawah Petronas akan dipinggirkan. Ini satu perkara yang harus diambil berat dan diberi peringatan oleh pihak kerajaan. Perkara yang seterusnya walaupun banyak lagi hal yang berkaitan dengan PEMANDU cukup saya sebut setakat ini sebagai membuka mata kepada pihak kerajaan supaya jangan telan bulat-bulat apa yang direncanakan oleh PEMANDU walaupun mungkin ada cadangan-cadangan baik dan sebagainya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak yang paling banyak menerima manfaat belanjawan ini ialah kakitangan penjawat awam. *Alhamdulillah*, tahniah. Daripada pencen ke 60 tahun, bonus setengah bulan gaji dan kenaikan gaji antara RM80 ke RM320. Apa yang saya hendak tanya bagaimana dengan kakitangan kerajaan-kerajaan negeri. Sama ada kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional ataupun di bawah kerajaan pembangkang termasuklah negeri saya di Kelantan. Kalau ikut-ikutan dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat tidak terbayar Kelantan ini dengan jumlah ini jika kecuali kalau rakyat beralih pada PRU ke 13 tidak tahulah. Jadi saya tidak tahu sama ada mampu atau tidak. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian.

Bagi mereka yang hendak menyambung sampai ke tahun 60 saya harap apabila mereka sampai ke umur 57 tahun, mereka menyatakan hasrat untuk menyambung sampai 60 mereka mestilah melakukan semula *medical check-up* iaitu kena tahu kalau umur 57 ke atas, 56 ini kencing manis, buah pinggan, usus tersumbat, macam-macam. Kalau terus bekerja dengan keadaan yang tidak sihat tentulah ia menyentuh soal produktiviti negara. Jadi mesti ada kaedah walaupun automatik mereka boleh sampai 60 tahun tetapi mestilah disahkan kesihatannya di waktu berumur 57 ataupun 56 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling banyak sekali saya hendak sentuh ialah mengenai dengan pendidikan yang menerima lebih kurang RM50 bilion lebih belanjawan. Pertamanya isu mengenai biasiswa. Biasiswa JPA ini yang berjumlah RM1.2 ke RM1.4 bilion, saya diberitahu pihak kerajaan sedang mengkaji semula dasar ini. Saya hendak mencadangkan supaya dihapuskan biasiswa ke luar negara sebab saya tengok tidak ada perlunya lagi biasiswa untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara jika kecuali kalau hendak diwujudkan tabung untuk pinjaman sahaja. Sebab segala kursus di dalam universiti negara kita IPTA, IPTS berpuluh-puluh dah. Memang mampu mengadakan berbagai-bagai-bagai kursus, apa sebab kita hendak bagi biasiswa lagi untuk belajar ke luar negara termasuk terutamanya di United Kingdom, kosnya begitu tinggi seorang pelajar kedoktoran sampai RM1.2 juta.

Jadi maka sebab itu saya mencadangkan supaya sudah tiba masanya biasiswa untuk ke luar negara ini dihapuskan dan diwujudkan tabung pinjaman boleh untuk pelajar-pelajar bagi melanjutkan pelajar ke luar negara. Sebab isu ini berbangkit soal pembahagian kuota di antara bukan bumiputera dengan bumiputera tidak fasal-fasal. Jadi kita sudah maju dalam bidang

pendidikan jadi wajarlah kita hentikan setakat ini dan mereka yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri mereka mesti memohon pinjaman termasuk pelajar-pelajar tajaan MARA tadi. Ini bukan sahaja untuk bumiputera, bukan bumiputera supaya tidak ada silap faham. Sebab saya rasa dengan kewujudan IPTS, IPTA di negara kita ini sudah lebih daripada mencukupi.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kita tengok dalam belanjawan ini yuran pelajar sekolah rendah dihapus, duit RM100, baucar. Saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Dasar Pelajaran Negara di mana pendidikan percuma kepada pelajar mulai Darjah 1 hingga ke Tingkatan 6 Atas, ini sudah dilakukan tahun lepas lagi terutamanya pelajar-pelajar matrikulasi pun ditanggung kerajaan sepenuhnya.

■1210

Memandangkan sekarang 70% pelajar-pelajar sekolah menengah disasarkan dalam bidang kemahiran, saya minta kerajaan tetapkan dasar baru dengan membiayai pendidikan percuma. Disediakan juga kepada pelajar-pelajar yang ikuti kursus kemahiran tinggi, hantar ke peringkat diploma ke bawah sebagai satu insentif terbaru kerajaan ke arah negara maju. Saya mencadangkan Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi pendidikan lain menyediakan pembiayaan percuma pada dasar ini melalui kerjasama dengan institusi, kolej swasta yang terdapat di seluruh negara di Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menarik perhatian pungutan zakat Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini makin meningkat daripada tahun 2005 ke 2010 lebih daripada 100%. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan dalam institusi pengajian kita iaitu mengenai dengan zakat supaya pada masa depan lebih teratur, maka saya cadangkan mata pelajaran zakat *accounting* sebagai subjek wajib untuk mahasiswa yang *major* perakaunan di semua IPTA. Graduan-graduan yang ada pengetahuan zakat *accounting* dapat membantu institusi zakat supaya lebih efisien, mudah dan telus kerana dijangka pada tahun 2020 jumlah pungutan zakat negeri-negeri akan mencecah RM5 bilion setahun kerana institusi kewangan Islam sudah bertambah. Ilmu zakat *accounting* perlu didedah sebelum jadi akauntan perunding cukai, pegawai kewangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu di bawah belanjawan ini diperuntukkan RM100 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil, Mubaligh, sekolah agama rakyat dan Maktab Rendah Sains MARA. Saya tidak tahu kenapa Maktab Rendah Sains MARA dikategorikan di bawah empat sektor ini. Jumlah peruntukan untuk Maktab Rendah Sains MARA RM100 juta saya rasa tidak mencukupi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Luar Bandar dan Wilayah, yang bertanggungjawab pada MARA, bila hendak bina Maktab Rendah Sains MARA di kawasan Parlimen Pasir Mas yang sudah lama tertangguh dan tapak sudah sedia ada dah naik lalang dah. Saya harap ia dapat dilaksanakan dalam masa setahun-dua ini dan RM100 juta tidak mencukupi.

Begitu juga sekolah agama rakyat. Sekolah agama rakyat dari segi jumlah penduduk orang Islam lebih daripada 60%. Sekolah agama rakyat berselerak di seluruh negara, apakah

cukup dengan RM100 juta? Bagaimana pula dengan sekolah agama rakyat yang tidak berdaftar dengan pihak Kementerian Pelajaran dengan pihak kerajaan? Saya mencadangkan juga walaupun mereka tidak daftar supaya kerajaan memberi bantuan *one-off*, bantuan ala kadar supaya mereka juga dapat menikmati dan dapat juga turut membangun sekolah agama rakyat seperti pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian salah satu masalah yang berlarutan sampai sekarang iaitu pekerja-pekerja kontrak di bawah Kementerian Pelajaran, sekolah-sekolah. Dahulu tukang kebun, jaga yang dihentikan kerana jaga dan tukang kebun telah diambil-alih oleh syarikat-syarikat, diswastakan. Ramai mereka ini sekarang ini sudah tidak ada kerja lagi sesudah 15 tahun bekerja dan mereka tidak diberi apa-apa pampasan. Satu ketika dahulu pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini dan pihak Kementerian Pelajaran, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berjanji untuk memberi perhatian. Akan tetapi sampai sekarang masalah ini tidak selesai dan saya penat melayan SMS yang dihantar oleh mereka yang terlibat ini sebab mereka ada anak, ada keluarga, selepas 15 tahun bekerja yang dijanjikan hendak diserap dalam kerajaan untuk lain-lain jawatan dan tidak ada pampasan langsung diberi kepada mereka ini. Saya berharap pihak kerajaan bersimpatilah. Ini di antara golongan yang tertinggal di dalam belanjawan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak menyentuh soal Kementerian Dalam Negeri. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya baca semua akhbar. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor terkilan mengenai dengan peristiwa yang berlaku di Gereja Methodist, Petaling Jaya, hasil daripada penyerbuan yang dibuat oleh pihak JAIS. Manakala sebelum ini berlaku perjumpaan pastor dengan kalangan pemimpin DAP di Pulau Pinang yang dibuat laporan polis oleh bekas ahli DAP yang bernama Razali. Saya bawa soalan tambahan tidak naik-naik di Dewan Rakyat dulu dan sekarang.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi, saya tidak ada masa, lepas ini.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Penjelasan, soalan ini telah dijawab dalam Parlimen. Jawapan bertulis polis kata.. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nanti selepas ini. Saya belum bagi. Selepas ini saya bagi. Saya tidak ada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, tidak payah bercakap Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biarkan Yang Berhormat Pasir Mas berucap Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sekarang ini ada orang makan cili rasa pedas. Itu dia punya pasallah. Saya hanya hendak bangkit pihak Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan apa yang dipanggil oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Pembetulan, pembetulan. Dia memperkotak-katikan, mempolitikkan perkara sahaja.. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong. Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Timbalan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, tidak payah mendesak Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Peraturan Mesyuarat, Perkara 36(7), nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Raja-Raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Majlis Mesyuarat. [*Dewan riu*] Minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mendengar Yang Berhormat. Dia cuma merujuk kepada siaran akhbar hari ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Menyebut perkara yang baik dan apa yang saya bangkitkan ini untuk hendak memperkasakan lagi kedudukan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu yang bertanggungjawab kepada soal urusan Islam di tiap-tiap negeri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit perkara ini sebab jelas sangat sudah ada gerakan pihak tertentu untuk hendak memurtadkan orang-orang Melayu. Memang kita mengamalkan kebebasan beragama di negara kita tetapi menjadi kesalahan kalau ada mana-mana pihak cuba hendak memurtadkan orang-orang Islam bertukar agama. Saya terima surat daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor, salah seorang individu yang bernama Amin Muhammad menceritakan bagaimana dengan tajuk, "*New church in JB to proselytize Muslim*", hendak memurtadkan orang Islam yang datang daripada Singapura. Peranan golongan daripada Singapura dan ini saya baca sehingga kerajaan Singapura pun mengemukakan undang-undang yang bernama *The Maintenance of Religious Harmony Act, Reverend Rick Seaward agenda in Malaysia is to make all Malays to be Christians*. Ini berlaku.

Jadi cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pihak-pihak ini supaya sedar dan insaf jangan menyalahgunakan kebebasan agama dan mematuhi undang-undang negara kita, itu yang pertama. Kedua, saya minta Kementerian Dalam Negeri supaya bertindak tegas dan lebih proaktif dalam menangani isu yang berbangkit ini. Ketiga, saya minta majlis

agama Islam negeri-negeri, JAKIM supaya berganding bahu menangani masalah ini supaya keadaan tidak bertambah buruk dan isu agama boleh menjadi satu isu yang juga boleh menggugat keamanan negara kerana negara ini 60% lebih adalah negara yang didiami oleh umat Islam dan Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Saya bangkit sebagai satu peringatan supaya setiap pihak mengambil iktibar daripada apa yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, semalam soalan saya nombor 40. Saya bertanya mengenai dengan kenapa tidak ada tindakan diambil terhadap Ambiga yang mengepalai perhimpunan Bersih pada 9 Julai. Jawapannya, apakah Yang Berhormat Menteri sedar – dia jawab, jawapannya Ambiga telah diambil tindakan katanya, iaitu pada hari tersebut dia ditahan. Hari tersebut ditahan tetapi tidak ada tindakan, tidak ada pendakwaan yang dibuat dan dia benar-benar menyalahi dan melanggar undang-undang. Jadi, ini rakyat tertanya-tanya. *Silent majority* tertanya-tanya dan tidak puas hati dan penjelasan yang lebih baik mesti diberi oleh pihak kerajaan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian, memang kerajaan harus sedar, baru-baru ini kerajaan telah beri sokongan kepada Namewee yang membuat filem Nasi Lemak 2.0. Kita tahu beliau sebelum ini pernah menghina lagu *Negaraku* tetapi pihak lain yang meminta maaf. Kemudian ceritanya panjang, akhir sekali dia buat filem Nasi Lemak 2.0 ini. Apakah Tuan Yang di-Pertua sedar filem ini tidak mendapat sambutan. Tidak dapat sambutan ini nyata bahawa rakyat Malaysia tidak senang hati dengan perilaku yang beliau lakukan sebelum ini walaupun kerajaan mengiktiraf kononnya Namewee ini adalah lambang 1Malaysia. Itu pandangan pihak kerajaan tetapi saya menyampaikan pandangan rakyat daripada pihak bawah. Ini perkara-perkara yang memang sukar hendak disebut kalau salah sebut ditafsirkan macam-macam.

■1220

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin iaitu pembelian Sime Darby. Sime Darby membeli saham E&O dengan harga RM776 juta dan ada laporan telah dibuat di SPRM oleh Roslan Kasim dengan mempersoalkan dari segi pertindihan peranan antara Pengerusi Sekuriti dan juga Pengerusi Syarikat E&O, Datuk Azizan Abd Rahman dan pembeliannya 30% sahaja dengan nilai RM776 juta. Harga lebih tinggi, tidak munasabah. Sime Darby sudah banyak tanah, kenapa beli tanah di Pulau Pinang? Tanah dia mana? Mungkin kerana tanah di Pulau Pinang inilah menyebabkan Dato Kalimullah bertemu dengan Ketua Menteri Pulau Pinang di Singapura. Ada laporan dengan saya di mana ECM Libra, saya semak ada 6% dalam E&O dan atas nama nomini ialah 5%. Jumlah saham ialah 100 juta saham. Kalau dibuat *general offer* dengan harga yang dijual 30%, pasti mereka-mereka ECM Libra pun akan mengaut keuntungan sebanyak RM80 juta.

Ia tidak salah. Apa juga transaksi tidak salah. Saya bukan menentang soal transaksi perniagaan mana-mana pihak, tetapi ketulusan, kewajaran kerana ini GLC yang melibatkan juga

duit rakyat. Begitu juga MAS dengan AirAsia. Adakah sudah dibuat *due diligent* ke atas syarikat AirAsia dan juga MAS sebelum berlaku pertukaran saham antara 20% dengan 10%. Itu pun kita hendak tahu sebab perkara-perkara ini akan dieksploitasi oleh pihak pembangkang kalau tidak ditangani dengan betul. Ini kerana perkara-perkara ini ada kena-mengena dengan kepentingan dengan rakyat.

Maka sebab itu, saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang berucap semalam yang menyentuh soal pertindihan antara MAS dengan AirAsia yang mungkin menimbulkan soal dari segi tambang, naik turun naik turun seperti yang ada sekarang ini memberi faedah kepada rakyat, tetapi dengan pertindihan ini tentu apakah nikmat ini akan berterusan. Jadi, perkara ini juga mesti ditangani oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak bertanya, hendak membawa masalah daripada kawasan saya, Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Menteri Kerja Raya. Jalan daripada Tanah Merah ke Pasir Mas adalah jalan JKR yang digunakan – bila daripada Kuala Lumpur hendak ke Kelantan, mesti melalui jalan ini dan jalan ini sudah menjadi jalan maut. Saban hari ada sahaja *accident* waktu malam sebab tidak ada sebatang tiang lampu pun. Sudah banyak kali keluar dalam akhbar, penduduk-penduduk minta lampu jalan dan saya minta ia disegerakan sebab peruntukan RM1 bilion untuk penyelenggaraan di bawah Rancangan Malaysia 2012 ini. Saya harap baik Yang Berhormat Menteri ataupun Ketua Pengarah Kerja Raya dapat melaksanakan lampu jalan antara Tanah Merah ke Pasir Mas ini dengan segera. Begitu juga pembesaran jalan di antara Pasir Mas ke bulatan Pasir Pekan juga begitu sempit dan jalan ini patut sudah dinaiktarafkan ke empat lorong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan sikap keterbukaan Kerajaan Pusat tidak menganaktirikan mana-mana negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Di Pulau Pinang, jambatan kedua diteruskan. Di Kedah, peruntukan RM400 juta untuk membangun pelancongan di Langkawi. Ini satu perkara yang amat saya sanjung tinggi. Akan tetapi bagaimana di Kelantan? Negeri yang 95% penduduknya orang Islam dan kemajuan rakyat Kelantan boleh dijadikan tambahan kepada kekuatan ekonomi orang-orang Melayu di seluruh negara tetapi Kelantan mundur. Sepatutnya ada diumumkan beberapa lebuh raya di bawah peruntukan *rolling plan* kedua. Saya harap sepatutnya ada jalan lebuh raya empat lorong dibuat antara Kuala Krai ke Kota Bharu.

Baru-baru ini seorang ahli Exco kerajaan negeri hendak buat cara swasta, RM1.2 bilion kerajaan negeri hendak buat. *Market* Pasir Mas yang RM3 juta pun tidak terbuat, hendak buat jalan RM1.2 bilion. Hendak terkencing bila saya baca surat khabar. Jadi, projek-projek seumpama ini mestilah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Saya percaya, kalau Kerajaan Pusat laksana, rakyat Kelantan pasti akan menghargainya. Ramai rakyat Kelantan duduk di Kuala Lumpur, di Lembah Klang ini. Setengah juta, balik tiap-tiap kali hari raya, hari besar. Sebelum mereka balik hari raya, hari besar, mereka tahulah ini jalan kepunyaan Barisan Nasional. Tentu

mereka akan menghargai. Saya percaya dan jangan tunggu hendak menang dahulu. Saya percaya sebab ini negeri 98% orang Melayu. Ini jalan lebuhraya daripada Kuala Krai ke Kota Bharu.

Begitu juga masalah air. Masalah air Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan luar bandar pun berjuta termasuk Sabah dan Sarawak, saya sokong tetapi bagaimana air di Kelantan. Tidak terbuatnya Tuan Yang di-Pertua, takkan selesai. Teruk! Air kuning, tidak ada air dan hendak buat ibadat pun tidak boleh. Ini yang timbulnya isu hukum hudud semula ini, hendak tutup cerita air. Tidak ada cerita lain. Hendak tutup cerita-cerita kegagalan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat, maka dibesarkan balik isu hudud. Masalah air ini menghantui rakyat Kelantan.

Oleh sebab itu saya minta supaya Kerajaan Pusat merangka satu pelan komprehensif untuk pembangunan Kelantan. Ini kerana di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, boleh menjadi satu negeri pelancongan yang terkemuka di kawasan bukan sahaja di Malaysia, tetapi di negara Asia ini. Negeri Kelantan ada tujuh pantai termasuk Pantai Cinta Berahi, sekarang ini Pantai Cahaya Bulan tetapi gelap gelita. Ada air terjun, ada Gua Musang, sungainya cantik. Makanan Kelantan sebut sahaja semua ada Yang Berhormat Sri Gading. Budaya semua ada, Makyong, Menora, Kerutup, Rebana, macam-macam. *[Disampuk]* Itu memanglah, tidak boleh dinafikan. Jadi semuanya ada, semua syarat-syarat ada. Cuma malangnya Kelantan, saya pun tidak tahulah, negeri yang berpolitik 24 jam daripada dahulu sampai sekarang sehinggakan rakyat Kelantan berhijrah ke Kuala Lumpur, ke Selangor mencari pekerjaan. Anak-anak Kelantan tidak dapat balik sebab tidak ada peluang pekerjaan.

Jadi, saya harap pihak Kerajaan Pusat sediakanlah *comprehensive plan* untuk Kelantan ini. Hendak masuk dalam manifesto PRU ke-13, masuklah. Saya percaya rakyat Kelantan sudah bersedia untuk melakukan transformasi sesudah 22 tahun memerintah Kelantan Tuan Yang di-Pertua. Pandangan yang saya bawa ini hasil daripada tinjauan saya di kalangan rakyat Kelantan.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, tahun lepas ada masuk RM10 juta saya rasa di bawah kepala Pasir Mas *bypass*, apakah akan dilaksana di dalam Belanjawan 2012? Pasir Mas *bypass* ini yang membabitkan jambatan Pasir Mas - Salor yang satu lorong yang dahulunya diberi oleh Allahyarham Tun Ghafar Baba sewaktu itu tahun 1986. Beliau telah meluluskan jambatan ini dan saya sudah cadang supaya jambatan Pasir Mas - Salor ini. Oleh sebab Allahyarham Tun Ghafar Baba sudah meninggal, beliau banyak jasa bukan sahaja kepada rakyat Kelantan dan juga rakyat Malaysia tetapi khusus untuk Kelantan. Sudah beberapa kali saya cadang jambatan ini ditukar nama kepada Jambatan Allahyarham Tun Ghafar Baba dengan memohon pelaksanaan *bypass* itu dapat dilaksanakan dalam tahun ini juga.

Saya juga telah mencadangkan supaya satu lagi jambatan dibuat di antara Chetok naik ke Politeknik Kota Bharu sebab jambatan yang ada sekarang tidak mencukupi. Pertambahan kenderaan terus meningkat, kesesakan Tuhan sahaja yang tahu Tuan Yang di-Pertua. Bukan

sahaja hari kebesaran, hari raya dan sebagainya, boleh dikatakan saban hari dan kita jangka 5 tahun atau 10 tahun akan datang lagi banyak. Maka oleh sebab itulah kalau dibina sekarang, kosnya lebih murah.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Keselamatan sekali lagi bersabit dengan soal balai polis yang sudah pun ada tapak di Lubok Jong yang patutnya dibina dua tahun yang lalu sampai hari ini tidak dibina. Balai polis yang ada sekarang berada di tengah-tengah bandar Pasir Mas, dekat sekolah, berhampiran dengan stesen kereta api, dekat pasar, itu sudah tidak sesuai, jam dan timbul macam-macam masalah. Jadi saya haraplah, peruntukannya tidak banyak, lebih kurang RM50 juta ke RM60 juta supaya dapat dipindah dan dilaksanakan di bawah Belanjawan 2012 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua - Sudah habis sudah? Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan, baru-baru ini timbul masalah tukar sejarah. Dia sudah biasa sudah parti PAS ini. Tok Guru Haji Hadi tukar amanat, Tok Guru Kelantan tukar fatwa, ubah fatwa iaitu ubah amanat. Jadi Mat Sabu pun ubah sejarah, Menteri Besar Kedah ubah *medical report*. [Ketawa] Tidak tahulah.

■1230

Jadi, apa pun Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu baru *medical report*.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya. Tuan Yang di-Pertua oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan supaya kalau boleh dapat menerbitkan filem-filem patriotik seperti Bukit Kepong dengan teknologi terkini. Sekarang ini macam-macam teknologi ada untuk memberi kesedaran kepada para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga mengenai Kementerian Dalam Negeri saya patut sebut awal-awal, sebab saya hendak mintalah pihak ini supaya jaga sikit perkara-perkara yang boleh menimbulkan sensitiviti. Saya baca dalam akhbar *The Sun - May 10 page 6. Press Digest, Justice for Ling Lian Yoke. Campaign launched*'. Jadi ini saya tahu dibuat oleh Pertubuhan Xiong Dong dan pertubuhan-pertubuhan NGO tertentu yang saya harap perkara ini tidak dibesar-besarkan dan kita menyambut baik apa jua pemberian kerajaan kepada semua kaum, tetapi janganlah menyentuh perkara-perkara sensitif, perkara-perkara yang bertentangan dengan perlembagaan dan perkara-perkara yang bertentangan dengan Dasar Nasional atau Agenda Nasional. Perkara ini boleh memudaratkan perhubungan antara kaum.

Begitu juga satu lagi di bawah Kementerian Pelajaran. Saya baca dalam akhbar bahawa ada permintaan supaya Sijil UEC akan dipertimbangkan agar dapat dimasukkan dan kelulusan ini boleh digunakan untuk masuk dalam *public university*. Memang tidak ada salahnya tetapi saya harap kajian teliti hendaklah dibuat. Jangan terburu-buru sebab *curriculum*nya berbeza. Ia bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan tiba-tiba kita terima sebagai sijil untuk

masuk universiti. Manakala apa kata apabila ia menjadi *precedent* nanti akan ada kolej-kolej lain akan memohon perkara yang sama.

Apa yang saya pentingkan ialah apa juga yang kita hendak buat, baik tuntutan oleh pihak-pihak tertentu oleh kerajaan juga hendak menimbang sesuatu. Jangan sekali-kali bertentangan dengan Aspirasi Nasional dan Dasar Kebangsaan yang telah diwujudkan berpuluh tahun sejak kita merdeka. Apatah lagi jangan bertentangan dengan Perlembagaan yang sudah diterima pakai sejak kita merdeka tahun 1957. Kalau ini kita jaga, pasti negara kita akan harmoni.

Saya percaya belanjawan akan datang pun akan lebih hebat. Orang kata belanjawan ini belanjawan pilihan raya. Biarlah orang hendak kata apa, asalkan rakyat senang. Rakyat pun menjadi kewajipan. Kalau kerajaan berbudi, rakyat pun perlu juga berbudi kepada kerajaan. Itu hakikatnya. Cara terus terang. Kita mestilah kata timbal balik di antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya percaya jika selepas Pilihan Raya ke-13 nanti belanjawan-belanjawan pun dikekalkan prestasi seumpama ini, seboleh-bolehnya. Ia bukan setakat tahun ini supaya rakyat sentiasa diberi perhatian. Inilah yang sesuai dengan tajuk yang disebutkan Belanjawan Membina Rakyat. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan sekali lagi. Apa yang saya bangkitkan ini adalah daripada hati yang ikhlas.

Saya Bebas dan tidak ada apa-apa kepentingan walaupun saya orang politik yang sudah lama berkecimpung dalam politik ini. Saya telah melalui asam garam, suka duka, jatuh bangun, diterajang, disepak, ditendang, dan macam-macam. Akan tetapi apa pun Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita sama-sama dukung ialah hendak pastikan negara kita terus makmur dan mahu ke hadapan. Saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, negara Malaysia akan mencapai matlamat 2020 dengan penuh gemilang. Terima kasih, saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

12.33 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, selamat tengah hari, salam 1Malaysia, dan salam 1Sri Gading.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong dan bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Bajet yang diberi tajuk "Membela Rakyat dan Mensejahtera Negara" benar-benar diterima oleh semua rakyat dan untuk itu Tuan Yang di-Pertua, rakyat bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Biar apa pun atau siapa pun membuat berbagai-bagai tangkapan, sindiran, tafsiran, dan tohmahan lebih-lebih lagi puak pembangkang, yang penting Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan telah membuat sesuatu yang amat menggembirakan rakyat. Saya ulang sekali lagi, yang

menggembarakan rakyat. Bajet ini akan dilaksanakan. Bajet ini bukan janji-janji kosong, bukan angan-angan, bukan tipu daya, bukan helah menghadapi pilihan raya dan jauh sekali daripada tidak realistik kerana bajet ini atau belanjawan ini, belanjawan yang bertanggungjawab.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jenteranya, pihak-pihak yang membantu, pihak-pihak bijak pandai, dan pihak-pihak yang ada kepakaran dalam ekonomi telah menganalisis, berfikir, dan membuat berbagai-bagai pertimbangan secara menyeluruh dan mendalam supaya belanjawan ini benar-benar tepat dan sampai ke segenap kumpulan sasaran yang menjadi nadi dan rakyat akan dapat menikmati belanjawan ini. Ini kerana tujuan asal bagi membela kepentingan rakyat. Ia bukan seperti pembangkang membuat bajet palsu, olok-olok, kepura-puraan dan yang tidak realistik. Ia bajet dongeng, boleh didengar tetapi jangan sekali-kali dipercayai. Saya tidak ulas panjang-panjanglah.

Ada orang kata kita ciplak bajet dia. Bila kerajaan ciplak? Ia sudah 54 kali kita bentang, tidak pernah dan jangan syok sendirilah. Tidak ada! Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kemampuan untuk berfikir secara yang begitu mendalam dan tidak pernah hendak ciplak. Betul ya perkataan ciplak? *[Ketawa]* Allah, memang angan-angan. Mereka tidak sedar dirilah. Jadi, saya harap kawan-kawan pun jangan ulas sangatlah bajet angan-angan dan kosong ini, buang masalah. Budak-budak sekarang kata, buang karan sahajalah, tidak perlu. *[Ketawa]* Ini kerana dia bukan ada kenyataan. Ia tidak boleh dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh. Tadi itu pembukaan kerana saya juga bertanggungjawab menyampaikan terima kasih rakyat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini saya sampaikan kerana ini amanah mereka suruh saya sampaikan. Ini kerana rakyat di Sri Gading mereka tahu berterima kasih dan tahu bersyukur. Jadi itu saya sampaikan. Saya berbahagia sebenarnya mempunyai pengundi-pengundi di Sri Gading yang tahu berbudi bahasa dan tidak menjadi pengundi-pengundi yang lupa darat. Kalau tidak kerana bajet atau pun belanjawan yang saban tahun dibentangkan oleh kerajaan kita, mungkin kita tidak akan mencapai kejayaan seperti yang kita capai hari ini. Jadi saya ada beberapa perkara saya hendak sentuh ini. Pertama sedikit ada persamaan dengan Yang Berhormat Pasir Mas. Sudah keluar Yang Berhormat Pasir Mas? Ia ada persamaan tetapi tidak mengapa ya.

Ini berkenaan dengan jabatan agama negeri-negeri. Khususnya berkaitan dengan Jabatan Zakat itu yang ketidaksamaan sampai masanya. Panjang umur, Yang Berhormat Pasir Mas masuk. Ia sudah sampai masanya. Segala asnaf yang lapan yang berhak kepada wang zakat ini, harus benar-benar sampai. Oleh sebab itu seperti juga Yang Berhormat Pasir Mas, saya menyerulah dikemaskinikan jabatan ini dan kalau penting agaknya seperti Mesir, kita buat Kementerian Zakat kerana wang zakat dan juga perkara seperti tanah-tanah wakaf yang ada juga di negara ini terlalu besar dan terlalu tinggi harganya. Jadi, wang zakat ini supaya benar-benar sampai kepada fakir miskin salah satu daripada asnaf yang lapan ini.

■1240

Jangan sampai ada fakir miskin kita terpaksa minta sedekah dengan orang lain sehingga orang lain mempengaruhi agama kita. Kefakiran mendekati kekufuran. Itu yang diajar oleh agama. Jadi, buatlah daftar kepada fakir-fakir miskin seluruh negara. Kalau perlu kita bersama-sama dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk mencari data-data dan rekod ini disimpan supaya apabila wang zakat yang berbilion-bilion ini dapat kita salurkan dan tidaklah orang-orang miskin kita terpaksa minta sedekah dengan puak-puak yang lain yang ada hasrat dan cita-cita untuk mengkafirkan mereka. Ini kalau boleh disirihkanlah jabatan-jabatan agama dan JAKIM.

Saya harap golongan bijak pandai apa salahnya tampillah golongan bijak pandai dari segi urusan ekonomi yang ada kaitan dengan pelajaran agama untuk mereka, membuat dan mencadangkan bagaimana agaknya satu cara untuk menentukan wang zakat ini dapat kita gandakan, usahakan dan yang penting dapat sampai kepada golongan asnaf yang lapan. Saya menyeru bijak pandai tampillah seperti Ungku Aziz, tampil menjadi anak bangsa yang telah pun mencadangkan Tabung Haji dan Tabung Haji hari ini *Alhamdulillah*. Saya memang menunggu kalau adalah orang bijak pandai tampil untuk ke depan mencari jalan dan ikhtiar, berfikir secara mendalam bagaimana wang zakat yang berbilion ini dapat disalurkan dan sudah tentu dapat memberikan kebajikan kepada golongan sasaran.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sedikit Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ana masa tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh beri atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedikit.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading saya tertarik apabila menyebut tentang menginstitusikan unit ini. Dahulu sebenarnya kita ada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Maknanya urusan-urusan umat Islam berhubung dengan zakat, haji dan juga wakaf sekarang ini diturunkan kepada unit sahaja, tidak mempunyai staf yang cukup duit. Apa kata kita angkat semula menjadi satu jabatan atau pun suatu yang lebih besar bagi staf dan juga idea-idea yang bagus kepada jabatan. Terima kasih, itu sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya setuju dan pihak Jabatan Zakat ini jangan menunggu. Kalau agaknya dia keluar mencari orang-orang yang wajib mengeluarkan zakat, pendapatan tabung ini mungkin akan jauh lebih meningkat dan ini juga barangkali tentu menyelesaikan masalah fakir miskin di kalangan orang-orang Islam, satu.

Kedua, saya hendak tegur ini, caj rawatan hospital swasta tinggi sangat Tuan Yang di-Pertua. Tidak bolehkah, siapa yang boleh agaknya mencegah ataupun untuk menentukan caj-caj rawatan hospital swasta ini? Ia tinggi sangat. Panadol di hospital kerajaan ini, itulah juga panadol yang diberi di hospital swasta. Segala peralatan lebih kurang tetapi kenapa kerajaan boleh percuma walaupun ada kos yang ditanggung tetapi tidaklah perlu dibebankan kepada rakyat yang luar biasa.

Ada kes Tuan Yang di-Pertua, dia pergi rawatan ke hospital swasta baik, dapat bil sakit semula Tuan Yang di-Pertua. Ia sebab tinggi sangat bil, tidak ada siapakah yang boleh memerhatikan? Kementerian Kesihatan Malaysia agaknya yang boleh memerhatikan? Ia jangan dibiarkan, ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betullah, memang ada pilihan hospital kerajaan tetapi kadangkala ada orang hendak. Kalau yang munasabah, rakyat pun boleh terima. Berikutnya, ini harga rumah yang melambung. Saya dengar ada sindiket. Beli rumah yang sudah siap ini selepas itu dijual semula dengan harga yang melambung. Ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia lihat semulalah. Memanglah kita memuji usaha kerajaan kerana skim Rumah Pertama daripada RM220,000 kepada RM400,000. Itu satu pertolongan yang sangat baik tetapi kalau harga rumah tidak dikawal ia akan menyusahkan rakyat lebih-lebih lagi golongan budak-budak muda yang baru bekerja ini menanggung hutang seumur hidup. Jadi kerajaan perlu benar-benarlah. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan perlu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta celahan sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Ambil perhatian tentang tindakan yang sebenarnya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, kawan saya. Ini harga rumah melambung. Ia kebiasaannya berlaku di mana apabila kita membuka ruang kepada orang luar menjadikan negara kita sebagai rumah kedua dan mereka yang datang ini memang kaya raya. Dia nampak satu rumah, *owner* dia naik harga sehingga *triple price*, dia beli dan itulah ukuran pula harga rumah di sekitar itu. Jadi ini merupakan rasa saya satu perkara yang harus dibendung oleh kerajaan supaya tidak menyusahkan mereka yang benar-benar penduduk di sini mahu memiliki rumah tetapi harganya telah melambung tinggi. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak mahu jawablah. Saya masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Senanglah, Yang Berhormat Menteri jawab sekalilah, ya. Ini satu pandangan yang baik. Tuan rumah ini satu, harga satu, kemudian luas rumah dan kadang-kadang luas rumah tidak berpatutan dengan harga. Selepas itu rumah yang sepatutnya menjadi kediaman dan keselesaan bagi mereka, tidak jadi selesa. Rumah bukan jadi syurga. Ini banyaklah perkara yang Kementerian Perumahan perlu...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Sri Gading, sedikit tentang perumahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Ambil perhatian yang berat masalahnya ini soal kehidupan rakyat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading. Apabila kerajaan mengumumkan Bajet 2012 mengenai Rumah Pertama, 1Malaysia People Housing atau PR1MA ini telah ditubuhkan untuk pastikan bahawa sekarang ini pembeli-pembeli dan Yang Berhormat Sri Gading telah bangkitkan tadi bahawa ada unsur-unsur penipuan yang bakal berlaku terutamanya sebelum kerja membina rumah itu dibuat, rumah itu telah dijual.

Akan tetapi mengikut Bajet 2012 ini kebanyakan rumah hanya boleh dijual selepas disiapkan bagi memberi jaminan kepada pembeli mereka tidak ditipu oleh mana-mana pihak atau pun terpaksa menanggung hutang dengan institusi kewangan. Jadi, pandangan Yang Berhormat Sri Gading usaha ini adakah baik, perlu diteruskan, dan perlu diperbanyakkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya Arau itu memang betul. Inilah soalnya. Penipuan-penipuan yang menindas rakyat ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia harus perhatikan daripada segenap segi supaya rakyat benar-benar dapat pembelaan. Kerajaan dengan berhasrat baik tetapi kadang-kadang pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan untung yang berganda dalam sekelip mata ini akan menjalankan tipu helah mereka untuk memperdayakan rakyat.

Berikutnya, harga barang kawalan. Saya pujilah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kementerian ini kawal barang-barang kawasan waktu musim perayaan. Ada lima sahaja musim perayaan ini, harga dikawal. Ayam semasa musim perayaan, RM6.80 sekarang di pasar Gombak sudah RM9 sekilo. Maknanya harga ini boleh diturunkan dan kalau kita kawal hanya hari-hari perayaan, hari perayaan ada lima sahaja. Jumlah lima perayaan itu lebih kurang sebulan. Sebelas bulan lagi rakyat menderita harga yang sengaja ditingkatkan dan saya baca surat khabar hari ini saya dengar cerita di *coffee house* malam tadi, barang sudah mula naik sudah. Ini kerana apabila kerajaan memperuntukkan belanjawan yang boleh meningkatkan dan menambahkan pendapatan rakyat, harga barang sudah naik. Saya tidak tahulah sama ada polisi kita hanya mengawal barang-barang kawalan, barang-barang lain tidak dikawal. Barang-barang lain ini yang rakyat akan dicekik oleh peniaga-peniaga yang tidak bertauliah

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Sri Gading.

■1250

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya harap ini pun menjadi...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup masakah saya ini?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja. Setengah minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 10 minit Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kakanda Yang Berhormat Sri Gading, saya bersetuju dengan pandangan kakanda Yang Berhormat Sri Gading tadi, sebab polisi menaikkan gaji ini sebenarnya bukan satu strategi yang baik untuk kemakmuran di dalam ekonomi negara. Akan tetapi nampaknya strategi yang digunakan ini hanya lah *one-off* – pemberian setengah bulan gaji dan sebagainya – menyebabkan harga barang naik dan akhirnya rakyat akan tertekan dengan polisi yang dibuat oleh bajet ini. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sri Gading. Apakah pandangan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kuala Kedah, anda bermain dengan api yang akan membakar diri anda sendiri. Naik gaji bagus. Itu soal lain. Soal naik barang itu ada orang lain. Kerajaan bertimbang-rasa. Semua pekerja sama ada swasta baik kerajaan, semua hendakkan kenaikan gaji kerana nilai wang sebenarnya sudah semakin turun dan menyebabkan perubahan masa. Dahulu lima sen boleh laku, sekarang? Jadi naik gaji itu satu yang memang diperlukan. Tindakan kerajaan itu betul. Jadi Yang Berhormat Kuala Kedah, berhati-hati sedikit. Anda wakil rakyat.

Berikut, saya tidak mendengar semalam punya perbincangan. Kalau ada puak-puak yang hendak memuliakan komunis, silakan. Itu hak dia. Kalau ada puak-puak yang hendak menjadikan komunis itu wira dia, itu hak dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada, Mat Sabu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau ada puak-puak yang hendak mendewakan komunis, itu hak dia. Kalau Timbalan Presiden PAS hendak berfahaman komunis, itu hak dia. Kalau dia hendak menyokong komunis, itu hak dia. Kita tidak peduli. Itu hak dia. Kalau ada puak-puak dalam PAS pun hendak menyokong Timbalan Presiden PAS berfahaman komunis, itu hak dia. Kita tidak peduli.

Akan tetapi janganlah sekali-kali menghina pasukan keselamatan. Jangan sekali-kali menghina tentera. Jangan sekali-kali menghina polis. Jangan sekali-kali menghina rakyat. Jangan sekali-kali menghina kepimpinan yang telah pun mencorakkan negara ini; Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Dato' Onn, pemimpin-pemimpin yang berjasa kepada bangsa dan negara. Jangan! Tolong! Mat Indera sebagai contoh.

Saya budak Batu Pahat. Mat Indera lahir di Peserai, Batu Pahat, daerah saya. Mat Indera ditangkap di Seri Medan. Ada ceritanya. Saya tidak hendak cerita Mat Indera ini siapa. Cerita-cerita yang kalau saya dedahkan memalukannya. Tidak hendak. Tolong! Mat Sabu apa tahu? Mengapa dia makan kecubung hingga dia pengsan? Mengapa? Apa sebabnya? Apa urutan ceritanya? Cerita sewaktu dia ditangkap oleh pihak polis, sarjan yang menangkapnya ialah Sarjan Shah Jihan Dirhan. Ini cerita-cerita yang saya kecil-kecil dahulu berada di depan

Balai Polis Batu Pahat, dengar orang tua-tua bercerita, yang mengaibkan, memalukan. Saya tidak hendak bercerita di sini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini 'Mat Indera Mahkota'...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah. Anda...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mat Indera memang komunis!

Seorang Ahli: Ini Mat Indera Mahkota.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mat Indera memang komunis!

Seorang Ahli: Ini Indera Mahkota.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buku 'Pengukir Sejarah' itu memang betul dia tulis nama Mat Indera. Itu betul. Buku yang ditulis, yang diterbitkan oleh Yayasan Warisan Johor memang ada nama Mat Indera.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tumpang tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi dalam warna yang hitam, tidak pernah Warisan Johor mengatakan dia pahlawan! Dia komunis!

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Sri Gading bercakap mewakili British.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau begitu, sudah macam mengganggu Yang Berhormat Sri Gading berucap. *Please*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya tidak mengganggu. Saya berdiri sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak beri jalan. Dia beritahu tadi dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah kerana pengukir – memang pengukir ini ialah orang yang mencatatkan sejarah sama ada sejarah baik atau sejarah buruk. Kalau orang PAS anggap Mat Indera ini wira kerana dia ditulis dalam sejarah yang diterbitkan oleh Yayasan Warisan Johor, buku pengukir sejarah dia itu hero, minta maaf. Abu Jahal, Abu Lahab tertulis dalam al-Quran, apakah mereka wira Islam? *[Disampuk]* Firaun ditulis dalam al-Quran sebagai musuh Allah, musuh Nabi, apakah Firaun juga sebagai seorang yang mulia? Janganlah. Dalam al-Quran tercatat nama Abu Lahab, Abu Jahal, apakah Abu Lahab, Abu Jahal itu wira orang yang mulia? Firaun, apakah manusia yang mulia? Betul, dia dalam al-Quran tetapi kita tahu ceritanya – yang menduakan Allah, yang mengaku menjadi Allah. Jadi, jangan kata asal ia diukir dalam buku, dia sudah menjadi hero. Hero apa? Robin Hood pun hero kata sesetengah orang tetapi dia perompak. Itu bezanya. *[Disampuk]*

Hai, ditegur melenting. *[Ketawa]* Janganlah. Oleh sebab itu, Mat Sabu jangan sembarangan. Saya hendak mengingatkan Mat Sabu, ini orang kata bukan saya kata, rakaman-rakaman dalam *YouTube* yang dikeluarkan – rakaman cerita dia dengan perempuan itu kah, saya pun tidak jelas, bukan. Mat Sabu perlu faham yang mengeluarkan ini bukan sahabatnya

yang dahulu musuhnya. Pasal, kadang-kadang hendak mengalihkan cerita. Bukan UMNO buat. Kadang-kadang. Saya tidak tahu, terserahlah. Saya tidak mahu menuduh sesiapa.

Berikutnya Tuan Yang di-Pertua, isu Palestin. Palestin punya cerita, perjuangan rakyat Palestin sudah 60 tahun lebih sejak dari tahun 1948, tidak pernah selesai. Baru-baru ini ada 129 buah negara menyokong kemasukan Palestin dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ada 129 buah negara, bermakna 2/3 negara seluruh dunia menyokong tetapi Amerika Syarikat mengugut dia akan menggunakan kuasa veto. Siapakah sebenarnya Amerika Syarikat? Apakah sebenarnya Amerika Syarikat? Apakah Obama seorang pemimpin yang boleh dipertanggungjawabkan tentang mencari kedamaian? Seorang presiden yang paling menipu di dunia, yang tidak malu-malu membunuh ratusan bahkan ribuan orang tidak yang tidak berdosa, Obama!

Saya tidak tahulah rakyat Amerika Syarikat boleh pilih dia lagi menjadi presiden ataupun tidak. Kalau inilah sikap Amerika Syarikat, bila hendak selesai masalah Palestin? Orang Palestin bukannya berjuang hanya dengan Yahudi tempatan tetapi orang Palestin berjuang dengan orang-orang yang mempunyai kuasa, yang kaya, yang kuat. Bilakah rakyat Palestin yang lemah, yang miskin ini dapat pembelaan? Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak bersikap adil kepada orang-orang Palestin. Kalau orang Islam ada bunuh dua orang atau tiga orang, sudah digelar sebagai pengganas, tetapi Obama? Kalau pakai sifar kau, orang yang membunuh orang sebagai pengganas, engkau? Tolonglah. Bilakah masalah Palestin boleh selesai kalau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun bersifat dayus?

Saya pun tidak tahulah, bolehkah dibentuk lagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain yang boleh membela atau memberikan keadilan kepada negara-negara yang lemah, negara-negara yang mundur. Bangsa-bangsa bersatu apa? Hanya untuk orang-orang yang kaya. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hanya untuk orang-orang kuat. Ini 129 buah negara menyokong, Amerika Syarikat hendak menggunakan kuasa veto. Selesailah masalah Palestin. Hendak berunding, berunding, berapa ribu kali perundingan? Hamas dengan Fatah sudah baik pun sekarang, mengapa? Dahulu katalah Fatah diserang oleh Hamas, Hamas tidak diterima oleh rakyat. Hamas menang pilihan raya pun tidak diiktiraf. Yasser Arafat sampai mati. Pemimpin-pemimpin Palestin dibunuh, pejuang-pejuang ini dizalimi. Selepas itu kita kata runding, runding, runding. Tanah Palestin semakin lama semakin kecil. Orang Yahudi buat tembok pemisah. Tolong. Obama, engkau menjadi manusia yang terzalim bagi abad ini. Engkau sebenarnya bukan orang yang boleh dihormati.

Ini mengenai Parlimen. Terakhir. Saya tidak ada masa. Parlimen baru kita ini. Nombor satu, saya mengucapkan terima kasih, Parlimen kita ini kekal. Sebab itu dibuat di sini. Akan tetapi tolonglah tengok Parlimen yang baru ini, Parlimen yang tidak kekal ini, tetapi dua tahun atau tiga tahun. Kasihan wartawan kita duduk bersimpuh, bersepah di sana itu. *Coffee room* di belakang? *[Disampuk]* *Coffee room* kita pun begitu. Ya lah, yang merokok atau tidak merokok, kecil sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Parlimen berehat pun dalam khemah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudian, bilik rawatan kita pun begitu. Kalau Tuan Yang di-Pertua masuk, kena rawatan buka baju, saya selepas itu hendak masuk, saya nampak badan Tuan Yang di-Pertua. Tolonglah. Kemudian, satu lagi, bilik air. Satu lagi, ini jalan hendak ke bangunan lama kita, buatlah laluan yang ada gajah menyusur, buatlah. Kalau belanja RM2 juta, RM3 juta lagi, buatlah. Ini lagi dua, tiga tahun Tuan Yang di-Pertua, bukan dua, tiga minggu. Sudahlah gaji kami tidak dinaikkan. Pasal Ketua Pembangkang, dia memang tidak perlu gaji naik pasal dia sudah kaya raya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Gombak pun tidak perlu gaji naik sebab dia sudah kaya raya. Akan tetapi kasihan kawan-kawan saya yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia bukan gaji sahaja Yang Berhormat, termasuk *researcher* dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Ketawa]

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Mengapa minta kerjasama pula kat pembangkang?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis masa. Jam 1 petang kita hendak berhenti Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu saya hendak ingatkan, Yang Berhormat Gombak...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak berani, takut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apa, berucap nanti balik. Saya bergurau sahaja dengan anda. Ketua Pembangkang, satu saya hendak ingatkan. Yang Berhormat Gombak tolong beritahu Ketua Pembangkang. Dia telah menzalimi Ahli-ahli Parlimen. Dia sebenarnya telah memutuskan rezeki orang. Tak baik.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi UMNO menzalimi rakyat. Ini bukan waktunya untuk naik gaji. Rakyat susah, harga barang naik, kita tumpu pada rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu politik.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: UMNO yang zalim. [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rakyat tidak pernah sebenarnya. Rakyat tahu berfikir gaji Ahli Parlimen Malaysia adalah yang termurah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kita fikirkan rakyat, bukan fikirkan diri sendiri. UMNO menzalimi rakyat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hipokrit, hipokrit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita berbudi pada rakyat, rakyat pun...
Ini politik pembangkang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia tidak fikir masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading sudah habis berucap, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tunku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading sudah habis tadi kan? Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian pada petang ini untuk membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan pada 7 Oktober yang lalu dan saya kira kita tidak dapat menafikan bahawa ada dua belanjawan yang sedang kita bahaskan di dalam Dewan ini dan juga di luar sana iaitu belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan juga belanjawan yang dibentangkan oleh Pakatan Rakyat pada 4 Oktober yang lalu. Namun daripada maklum balas yang saya terima, rakyat terpanggil dan memberikan perhatian kepada belanjawan yang telah dibentangkan oleh Pakatan Rakyat kerana isunya isu kredibiliti, keupayaan pimpinan untuk melaksanakan belanjawan yang telah dibentangkan kepada rakyat.

Kualiti sesebuah belanjawan dan perencanaan ekonomi dinilai daripada beberapa aspek yang penting. Pertama, kemampuan negara untuk membiayai perbelanjaan dan pelaburan yang dirancang secara berterusan, *sustainable* bukannya *one-off* seperti yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Kedua, kesejahteraan ekonomi dan kemakmuran yang dicapai oleh negara dan diagihkan secara adil kepada semua rakyat. Ketiga, keberkesanan pelaburan masa depan yang dibuat melalui perbelanjaan pembangunan untuk membina kapasiti dan kemampuan ekonomi yang mengguna pakai semaksimum mungkin potensi tenaga kerja, produktiviti dan kecekapan rakyat dan yang keempat nilai-nilai yang diperjuangkan melalui belanjawan dalam menegakkan yang benar dan membanteras yang salah, 'amal ma'ruf nahi mungkar' melalui pelbagai cukai dan langkah yang boleh diambil.

Malangnya, Belanjawan 2012 adalah belanjawan yang tidak ada upaya untuk mencetuskan kesan gandaan bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan kerana tumpuan hanya diberikan kepada perbelanjaan ataupun *expenditures* dan bukannya pembangunan yang merupakan pelaburan jangka panjang dan menjamin pulangan untuk negara seperti pendidikan, R&D dan teknologi-teknologi baru yang perlu dipelopori oleh negara. Saya mohon izin untuk memberi fokus kepada kegagalan Belanjawan 2012 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri untuk membina pelaburan masa depan terutamanya dalam sektor strategik.

Keseluruhan Belanjawan 2012 berkisar kepada sifat *one-off* ataupun *handout* kepada rakyat di mana kita melihat perbelanjaan mengurus mencatatkan paras yang tertinggi di dalam sejarah iaitu RM181 bilion berbanding dengan hanya RM51 bilion yang diperuntukkan bagi tujuan pelaburan masa depan dan pembangunan. Kalau saya melihat statistik yang dikemukakan pada tahun 2000, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan mencatatkan RM56 bilion. Lima tahun kemudian, pada tahun 2005 ia meningkat kepada RM97.7 bilion dan pada tahun 2010 ianya meningkat sebanyak 35% lagi daripada tahun 2009 kepada RM151 bilion. Pada tahun ini Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa belanja mengurus akan mencatatkan satu jumlah RM181 bilion.

Oleh yang demikian, dengan jumlah agihan yang terlalu berat kepada perbelanjaan operasi dan meminggirkan pelaburan masa depan, Belanjawan 2012 seperti yang saya nyatakan tadi tidak akan berupaya untuk mewujudkan kesan gandaan ataupun *multiplier effects* yang diperlukan ekonomi negara khususnya di dalam sektor-sektor yang baru. Saya menerima hakikat bahawa ada keperluan bahawa ada bantuan langsung yang diberikan kepada rakyat dalam masa yang sukar ini tetapi ia perlu diimbangi dengan pelaburan yang tepat, dalam sektor yang strategik untuk membangunkan sektor-sektor masa hadapan yang bersesuaian dengan kelebihan kita sebagai sebuah negara. Ada beberapa sektor dan pelaburan yang seharusnya diberikan perhatian.

Pertama, bidang pendidikan terutamanya pelaburan di dalam latihan kemahiran dan teknikal untuk menaik taraf kemampuan tenaga kerja pada masa hadapan serta pelaburan di dalam *research and development* yang sangat diperlukan. Kedua, sektor yang agak mendesak ialah seperti bioteknologi dan industri hijau sebagai langkah proaktif menyediakan negara berhadapan dengan ketiadaan sumber minyak dan gas dalam sedekad yang akan datang. Sewajarnya Belanjawan 2012 menyenaraikan peruntukan bagi tujuan-tujuan ini serta mengangkat sasaran nasional untuk membangunkan sektor ini. Apakah langkah kerajaan untuk mempercepatkan kadar pelaburan di dalam R&D misalnya supaya ia sampai ke satu sasaran yang menyamai negara-negara maju.

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada satu industri baru yang strategik yang perlu diberikan tumpuan oleh negara. Akan tetapi, mungkin Perdana Menteri terlepas pandang dan

tidak menyentuh di dalam belanjawan yang dibentangkan. Syarikat milik anak Malaysia sekarang sedang giat menjalankan usaha R&D untuk mengkomersialkan penghasilan minyak 'pyrolysis'.

■1440

Untuk pengetahuan Dewan, minyak ini adalah minyak bio ataupun *biofuel* yang dihasilkan dari bahan bio kering ataupun *dried biomass* melalui proses kimia di dalam sebuah reaktor yang menyerupai proses penapisan minyak. Ia boleh digunakan untuk menggantikan petroleum sebagai minyak jet dan beberapa jenis minyak yang lain.

Malaysia sangat berpotensi untuk menjadi jaguh dunia di dalam bidang ini memandangkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah pengeluar kelapa sawit terbesar di dunia. Malaysia mengeluarkan kira-kira 70 juta tan *biomass* setiap tahun, kira-kira 28 juta tan adalah dalam bentuk tangkai kelapa sawit ataupun *empty fruit branch* yang berpotensi diproses menjadi minyak bio.

Tidak ada sebarang insentif dalam bentuk pelepasan cukai khas untuk mempercepatkan pembinaan loji pemprosesan atau insentif untuk menggalakkan pengeluaran minyak *pyrolysis* ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh sahaja mengarahkan Petronas atau FELDA melalui anak-anak syarikat bekerjasama untuk menghasilkan teknologi ini. Malangnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pelepasan cukai terbesar yang pernah dicatatkan kepada pemaju hartanah bagi projek yang ada kaitan dengan kroni-kroni UMNO iaitu *Kuala Lumpur International Financial District* yang tidak menjamin kesan gandaan kepada ekonomi di dalam jangka masa panjang atau membina sektor strategik yang mendesak akibat ketiadaan sumber minyak. Pelepasan cukai yang diumumkan kepada pemaju hartanah yang tidak pernah berlaku sebelum ini dianggarkan berjumlah RM1.3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak kesal kerana ada yang berhujah di dalam Dewan ini bahawa belanjawan defisit yang besar dan hutang negara yang tinggi adalah perkara biasa yang tidak dapat dielakkan. Hujah Ahli-ahli Parlimen UMNO setelah diberikan latihan ataupun taklimat, hujah mereka mesti berasaskan bahawa kita tidak dapat mengelakkan defisit yang besar kerana faktor luaran. Semalam berulang kali kita mendengar istilah *external factors* termasuk cuaca, malapetaka, banjir di Thailand menyebabkan kerajaan tidak dapat mengelak daripada defisit yang besar termasuk import bahan makanan.

Bagi saya ini adalah jalan yang singkat untuk menjustifikasikan kegagalan pengurusan ekonomi dengan menyalahkan cuaca di negara lain ataupun masalah ekonomi dunia. Saya mohon ruang untuk membidas kenyataan yang dangkal dan tidak bertanggungjawab ini kerana ia bertujuan memberi gambaran yang salah kepada rakyat. Masalah defisit negara dan hutang yang tinggi adalah disebabkan kelemahan pengurusan ekonomi pimpinan UMNO dan tabiat berbelanja boros yang tidak terkawal. Menteri Kewangan yang bertanggungjawab boleh sahaja memberikan fokus untuk mengurangkan masalah defisit ini. Kalau Yang Berhormat Rembau menyalahkan cuaca di Thailand sehingga menyebabkan kos import beras meningkat, ini mendedahkan

kegagalan kerajaan UMNO menghapuskan pergantungan kepada import makanan sedangkan puluhan bilion ringgit telah dicurahkan sepanjang 10 tahun yang lepas untuk mengurangkan import makanan.

Misalnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan RM11.4 bilion untuk Dasar Jaminan Makanan (*Food Security Program*) bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan melalui pelbagai program dan peruntukan yang berterusan dan kalau kita campurkan dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan, bagi tujuan ini kerajaan telah memperuntukkan RM20 bilion dalam tempoh 10 tahun. Malangnya matlamat program ini untuk mengurangkan import telah gagal, sebaliknya import makanan telah meningkat hingga mencecah RM30 bilion dalam tahun 2010 sedangkan sasaran pengurangan adalah kepada RM14.3 bilion menjelang tahun 2010 seperti yang terkandung di dalam RMKe-9. Lebih membimbangkan apabila import makanan ini meningkat pada kadar 10.2% setiap tahun iaitu RM17.7 bilion pada tahun 2005, RM26.7 bilion pada tahun 2009 dan RM30 bilion pada tahun 2010.

Kita bersyukur Malaysia mempunyai tanah yang subur, cuaca yang baik, pengairan yang mencukupi dan seharusnya dengan peruntukan RM20 bilion ini, kita tidak mempunyai masalah untuk mengurangkan import makanan. Akan tetapi apabila pimpinan di dalam kerajaan UMNO dan Barisan Nasional itu tidak mengamalkan tata kelola yang baik, pengurusan yang cekap, memberikan kontrak kepada kerabat keluarga dan kroni seperti apa yang berlaku dalam penganugerahan kontrak *National Feedlot* yang menelan belanja lebih RM250 juta, namun projek-projek yang diberikan tanpa asas yang kukuh menyebabkan projek-projek ini terbengkalai kerana tiada seperti yang saya nyatakan tadi, tata kelola yang baik dan ketirisan masih berleluasa dan rakyat serta negara kehilangan RM20 bilion tanpa ada hasil yang munasabah.

Kebergantungan negara kepada import makanan adalah berpunca daripada kegagalan pengurusan dan penjagaan wang amanah rakyat. Kalau Yang Berhormat Rembau ingin menyalahkan ketidaktentuan ekonomi global sebagai punca masalah defisit negara, mereka perlu insaf bahawa masalah defisit negara telah berlanjutan selama 14 tahun berturut-turut. Kita boleh maafkan kalau kerajaan UMNO mengamalkan belanjawan defisit untuk tempoh satu atau dua tahun tetapi sudah tentu rakyat tidak boleh memaafkan kepada kerajaan UMNO yang meneruskan tradisi dan amalan belanjawan defisit sepanjang 14 tahun berturut-turut. Kali terakhir rakyat mendapat belanjawan yang berimbang dan berhema ialah ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan dalam negara ini. [*Tepuk*]

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sejak tahun 1998 hingga 2011, ekonomi dunia turun naik.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ada ketika...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat gombak, saya minta penjelasan Yang Berhormat Gombak sebab biasanya apabila rakan-rakan daripada Barisan Nasional berhujah mengatakan apa contohnya kerajaan Pakatan Rakyat membentangkan belanjawan yang sama juga defisit. Akan tetapi dua tahun selepas kita ambil alih kerajaan Pulau Pinang, Kedah dan Selangor, kita membentangkan belanjawan yang berimbang dan di kedah kita membentangkan belanjawan defisit tetapi akhirnya selepas kita melaksanakan pengurusan belanjawan yang berhemah, yang *transparent* akhirnya Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2010 berjaya mencatat lebih daripada perbelanjaan tersebut sebanyak RM19 juta. Ini contoh bagaimana kerajaan negeri pakatan. Jadi, ini hujah yang digunakan oleh BN. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Kuala Kedah saya bersetuju, ini mitos lama UMNO termasuk rakan-rakan seperti Yang Berhormat Pasir Salak. Di mana kononnya hanya UMNO yang boleh tadbir, hanya UMNO yang boleh perintah tetapi terbukti pengalaman dan pengurusan kita di negeri Selangor khususnya, membuktikan bahawa Keadilan dan Pakatan Rakyat dalam tempoh yang begitu singkat, empat tahun dapat mentadbir jauh lebih baik daripada pengurusan UMNO selama 50 tahun. [*Tepuk*]

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa dalam suku tahun kedua 2011 Selangor telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM5.2 bilion dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, negeri Selangor merupakan penyumbang utama kepada FDI negara Malaysia ini.

■1450

Sepatutnya kerajaan di Putrajaya berterima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor kerana pelabur yakin kepimpinan di negeri Selangor yang tidak rasuah, yang telus, yang bertanggungjawab yang mengamalkan prinsip *value for money* yang dipimpin oleh Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyanggah tuduhan Yang Berhormat Rembau semalam bahawa ini fenomena ekonomi global yang tidak menentu. Seperti yang saya nyatakan tadi mereka lupa bahawa faktor ekonomi global ini bukanlah faktor yang dominan untuk menangani masalah defisit. Apatah lagi apabila sumber pendapatan negara kita ini bergantung pada hasil minyak yang melindungi pendapatan negara daripada ketidaktentuan ekonomi global.

Saya mohon merujuk kepada Statistik Pendapatan Negara bagi tahun 2008, 2009, 2010 jelas menunjukkan bahawa sumber dari hasil petroleum baik dari cukai pendapatan petroleum, dividen Petronas, duti import dan eksport adalah penyumbang utama kepada pendapatan negara. 2008, RM65 bilion sumbangan Petronas. 2009, meningkat kepada RM74 bilion, 2010 RM67 bilion dan 2011 dianggarkan RM64 bilion atau pun 39% daripada keseluruhan pendapatan.

Harga minyak mentah sepanjang tahun 2011 adalah antara yang terbaik dalam sejarah. Minyak mentah gred tapis yang dikeluarkan negara berada pada harga purata sekitar USD119 setong dalam tempoh Januari hingga September 2011 yang menjamin keuntungan besar bagi Petronas dan syarikat-syarikat minyak dalam tempoh 2011 dan 2012.

Ini bermakna pendapatan negara akan terus stabil untuk tahun-tahun yang akan datang walaupun ada ketidaktentuan ekonomi global. Ini menyanggah alasan mudah yang cuba diberikan oleh Barisan Nasional bahawa masalah defisit negara adalah di luar kawalan kita kerana faktor luaran. Malaysia mempunyai sumber kewangan yang stabil dari hasil minyak. Punca sebenar masalah defisit sekali lagi kerana kegagalan pentadbiran Putrajaya hari ini untuk berpegang kepada prinsip tata kelola yang baik membanteras rasuah dan ketirisan dan menghentikan amalan boros yang berlaku secara berleluasa.

Sebab itu rakyat hari ini menuntut disiplin fiskal yang lebih baik, pengurusan yang cekap dan lebih bertanggungjawab dan pengurusan kewangan yang berhemah dengan memberi nilai tambah kepada wang rakyat. Dalam konteks ini, Dewan perlu memberi perhatian kepada kecurangan sumber kewangan negara jika pentadbiran wang tidak berdisiplin dan telus seperti sekarang. Walaupun sumber pendapatan negara kita adalah stabil dalam masa yang terdekat kerana hasil daripada petroleum, ianya tidak akan kekal lama.

Rizab negara akan terhad dan dalam masa sedekat rizab ini akan turun secara mendadak. Saya ingin memberikan hipotesis. Daripada RM186 bilion pendapatan negara yang diunjurkan, sumbangan dari sektor petroleum mencecah purata 40% atau pun RM75 bilion. Jika negara tidak mempunyai hasil petroleum, pendapatan sebenar negara dari semua aktiviti ekonomi yang lain hanyalah RM112 bilion sedangkan perbelanjaan belanja mengurus kerajaan yang diumumkan oleh Perdana Menteri berjumlah RM181 bilion.

Ini bermakna daripada RM181 bilion ini, RM52 bilion diperuntukkan untuk gaji dan RM129 bilion bagi tujuan kos operasi. Tanpa sumber petroleum, dengan pendapatan sekitar RM112 bilion, kerajaan tidak mampu untuk membayar gaji kakitangan awam mahupun menjalankan operasi kerajaan. Sebab itu anggota perkhidmatan awam jangan terlalu ghairah dengan pengumuman Perdana Menteri kerana belum tentu UMNO dapat melaksanakan tanggungjawab ini. Hanya belanjawan Pakatan Rakyat yang akan menjamin masa depan anggota pentadbiran awam dengan lebih sejahtera *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, golongan pekerja banyak mengeluh kerana Belanjawan 2012 ini langsung tidak memberikan perhatian kepada masa depan mereka. Perjuangan menuntut gaji minimum telah berlangsung lebih empat dekad di dalam Dewan yang mulia ini. Pelbagai janji telah ditaburkan, namun setiap kali belanjawan dibentangkan perkataan gaji minimum langsung tidak pernah dizahirkan oleh Menteri Kewangan. Tidak pernah ada komitmen untuk melaksanakan gaji minimum.

Saya juga ingin menegur ahli Dewan yang mempunyai kefahaman yang salah tentang konsep gaji minimum. Ada suara sumbang yang menuntut kononnya gaji minimum perlulah dilaksanakan dengan jaminan peningkatan produktiviti oleh pekerja. Seolah-olah selama ini pekerja Malaysia curi tulang dan tidak mampu membantu perkembangan ekonomi negara. Konsep gaji minimum sebenarnya bukanlah dibina berasaskan pertimbangan produktiviti. Gaji minimum mengambil kira kos sara hidup di dalam sesebuah negara dan menetapkan gaji paling rendah untuk menjalani kehidupan secara bermaruah dan adil.

Oleh itu, perkiraan gaji minimum mengambil kira faktor kos sara hidup dan kemampuan membayarnya. Misalnya berapakah kos rumah sebulan, kos makanan, kos pendidikan dan kos perubatan serta kos-kos kehidupan yang lain. Berdasarkan konsep inilah maka...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: LALUAN YANG BERHORMAT GOMBAK.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya peringatkan Yang Berhormat. Hanya ada enam minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Satu minit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Gombak, mengulas kembali Rang Undang-undang Akta Kerja yang telah dibentangkan, diluluskan di dalam Dewan pada hari Khamis yang lalu penyebab kepada beberapa agensi-agensinya yang telah boleh diwujudkan walaupun syarikat itu RM2.

Adakah dengan demikian kemampuan kerajaan untuk meminimumkan gaji ini menjadi satu kenyataan atau sebagai igauan yang telah diperjuangkan semenjak tahun 1947 lagi yang mana tetapan gaji minimum telah diwujudkan. Adakah ini membolehkan seperti mana kekuatan Pakatan Rakyat yang boleh memberi keyakinan RM1,100 gaji minimum? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya telah mengatakan dalam mukadimah tadi bahawa ada dua belanjawan yang sedang dibahaskan oleh rakyat hari ini. Satu belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri mewakili UMNO. Satu lagi Belanjawan Pakatan Rakyat.

Akan tetapi yang menggamit perhatian rakyat hari ini ialah Belanjawan Pakatan Rakyat kerana rakyat yakin kepimpinan Pakatan Rakyat mampu melaksanakan apa yang terkandung di dalam Belanjawan Pakatan Rakyat. Sebagai contoh, saya akan buktikan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi.

Saya ada statistik yang menunjukkan bahawa produktiviti negara ini meningkat tetapi produktiviti *gain* itu tidak dinikmati oleh pekerja kerana pulangan serta keuntungan itu dipungah oleh golongan maha kaya, kroni UMNO dia lupa masalah pekerja-pekerja di bawah. Saya beri contoh, ini statistik yang saya keluarkan daripada Bank Dunia, Tuan Yang di-Pertua. Purata gaji sejam bagi restoran dan kantin hanyalah RM3 tetapi produktiviti mencecah RM20,000 setahun.

■1500

Bagi sektor perkilangan IT, purata gaji sejam adalah RM4 sedangkan produktiviti adalah RM35,000 setahun. Ini menyangkal dakwaan Ahli Yang Berhormat daripada UMNO seolah-olah menghina golongan pekerja apabila mengaitkan tuntutan gaji minimum dengan kenaikan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung masalah hutang negara, saya ingin menarik perhatian serius kepada masalah beban hutang negara yang semakin meruncing. Dewan ini bertanggungjawab untuk menggubal beberapa rang undang-undang bertujuan mengawal paras hutang negara.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun tetapi Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tinggal berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tiga minit.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sekejap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak. Sebenarnya Yang Berhormat Gombak menyebut tentang perhatian orang ramai sekarang kepada belanjawan ataupun cadangan belanjawan yang dikemukakan oleh Pakatan. Saya juga dapat reaksi yang banyak mengatakan ini pertama kali rakyat berpeluang untuk ada perbandingan, ada mana satu yang di rasa boleh dilihat mana lebih elok. Saya rasa ini juga pertama kali dalam masa 14 tahun apabila kita semua mengalami defisit, kita kemukakan suatu yang lebih baik daripada apa yang ada secara tradisi dikemukakan dalam Dewan ini. Saya rasa ini satu perkara yang agak besar maknanya pada kali ini. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak dalam hal ini?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya setuju Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebab itu pada hari Ahad yang lalu ketika saya pergi minum di sebuah restoran. Ada rakyat yang berjumpa saya dia menangis, dia menangis dan berterima kasih kerana Pakatan Rakyat berjaya mengemukakan satu belanjawan yang sifatnya berjiwa rakyat. *[Tepuk]* Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit dalam hubungan pekerja ini tentang perjanjian kerjasama yang dinamakan *Comprehensive Collaboration Framework (CCF)* di antara MAS dan AirAsia yang menjadi isu nasional semenjak kebelakangan ini.

Kebimbangan rakyat dan khususnya pekerja-pekerja MAS adalah satu perkara yang berasas yang tidak boleh kita ketepikan. Pertama, MAS ini adalah satu institusi nasional, *national carrier* yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Kerajaan telah melakukan pelbagai rombakan sejak penglibatan Tan Sri Tajuddin Ramli yang sekarang mendapat perlindungan daripada Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kemudiannya diikuti dengan penstrukturan *Wide Asset Unbundling (WAU)* yang diterajui oleh Tan Sri Azman Mokhtar. Kemudian Kempen

Perang Harga yang dipimpin oleh Dato' Idris Jala. Namun sepanjang tempoh 15 tahun ini pelbagai pengorbanan telah dibuat oleh pekerja-pekerja MAS untuk mengangkat maruah negara kita melalui sumbangan mereka kepada perkhidmatan MAS.

Sementara saya ingin memberi peluang kepada pengurusan baru MAS melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan melalui CCF ini. Saya hendak tanya dan saya hendak minta Menteri Kewangan memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini. Ini kerana rakyat mempersoalkan mengapa Tony Fernandez diberikan permaidani merah untuk memiliki 20% saham MAS melalui pertukaran saham ini. Kementerian bertanggungjawab. Dalam keadaan dia hanya memiliki 10% saham AirAsia tetapi bila berpindah milik dan melalui *swapping* skim ini sekarang dia menguasai 20% saham MAS. Jadi, rakyat berhak untuk mendapat penjelasan.

Keduanya, banyak syarikat gergasi dunia yang memeterai perjanjian kerjasama dengan saingan mereka. Akan tetapi ia tidak melibatkan perpindahan hak milik saham seperti yang berlaku di antara MAS dan AirAsia. Sebab itu sentimen ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Satu minit Tuan Yang di-Pertua. Sentimen pekerja MAS dan rakyat Malaysia yang mahukan integriti dan warisan MAS sebagai tunggak penerbangan Malaysia dikekalkan wajib dihormati oleh kerajaan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyarankan tiga perkara dalam Dewan yang mulia ini dan saya menuntut Menteri Kewangan untuk memberikan jaminan berikut:-

- (i) penstrukturan MAS di bawah CCF tidak boleh mengambil jalan pintas. Jangan membuang pekerja-pekerja sementara rompak-rompak lain yang melibatkan kroni tidak dihentikan;
- (ii) untuk mengelakkan wujudnya monopoli penerbangan domestik yang dikawal oleh Tony Fernandez. Kerajaan mesti memberi hak kepada MAS untuk menentukan harga tiketnya mengikut kesesuaian dan kepentingan komersialnya dan tidak dipaksa dan didesak oleh Tony Fernandez. Termasuklah untuk terus menawarkan tiket rendah yang mampu ditanggung oleh rakyat walaupun MAS beroperasi sebagai sebuah penerbangan premium;
- (iii) pengurusan MAS mesti diberikan sepenuh kebebasan untuk melakukan semua reformasi pentadbiran dan perniagaan untuk menghentikan semua kontrak atau campur tangan politik yang tidak menguntungkan MAS.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau.

3.06 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2012. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2012 hanya sekadar menawarkan peruntukan *one-off* bagi meringankan beban hidup sesetengah rakyat buat jangka masa pendek sahaja. Tanpa sebarang impak negara buat jangka masa panjang. Saya selaku seorang Ahli Parlimen dari negeri Sabah amatlah kecewa dengan ketiadaan keprihatinan sama sekali tentang masalah-masalah mendesak yang dihadapi oleh rakyat Sabah dalam pembentangan belanjawan kali ini. Isu pendatang asing tanpa izin (PTI) yang kini melebihi 25% dari jumlah penduduk Sabah tetap tidak diberi perhatian langsung dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari.

Demikian juga perbelanjaan hidup yang makin meningkat di kawasan Sabah khususnya kawasan luar bandar dan pedalaman pun tidak diberi layanan yang diharap-harapkan. Masalah penyediaan peluang pekerjaan bagi kaum belia Sabah terus tercicir dari Belanjawan 2012. Kemiskinan tetap berakar umbi di negeri Sabah namun ianya terus memiliki sumber minyak dan gas yang cukup lumayan serta potensi eko-pelancongan tersendiri yang boleh menjana kekayaan. Di samping itu pengeluaran 35% produk minyak sawit dari bumi Sabah juga tidak sekali-kali dapat mengatasi masalah kemiskinan di Sabah.

Sebaliknya, Belanjawan 2012 juga tidak menyentuh sama sekali tentang projek loji jana kuasa gas asli berkapasiti 300 megawatt yang pernah diuar-uarkan sebelum ini. Walaupun masalah gangguan bekalan elektrik telah hampir memuncak kini di Sabah. Tidakkah keadaan sebegini tidak akan menjejaskan daya saing negeri Sabah dalam usaha menarik pelabur asing khususnya bila usaha Kerajaan Persekutuan melaksanakan *Economy Transformation Program* semakin terserlah. Pada masa yang sama, Dasar Kabotaj yang pada zahirnya telah dilonggarkan pelaksanaannya terus membebankan rakyat Sabah dengan harga barangan yang lebih tinggi. Kini walaupun terdapat pelbagai pemberian *one-off* yang jelas disediakan untuk memancing undi. Namun saya tetap meragui bagaimanakah keluarga-keluarga miskin tegar di Sabah khususnya di luar bandar di Tawau dapat mengecapi kemudahan pemberian yang berkenaan. Cuba bayangkan kanak-kanak daripada keluarga lain yang tidak mampu bersekolah, bagaimana pula mereka boleh memanfaatkan daripada pemberian RM100 itu.

■1510

Demikian juga keluarga yang berpendapatan yang kurang daripada RM500 sahaja sebulan tidak pernah membayar cukai, malangnya tidak pernah menerima juga sebarang bantuan kebajikan, apakah mereka juga akan tersisih dari senarai penerima pemberian sebanyak RM500 itu? Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawa beberapa isu yang penting di sini.

Isu yang pertama pengumuman pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA oleh Perdana Menteri pada 15 September 2011 telah diperhatikan sebagai satu transformasi ke arah liberalisasi dan demokrasi yang lebih menyeluruh. Namun pengharaman siaran *Undilah*

dan *Edisi Cina Siasat, I want to go to School NTV7* adalah satu amalan dua standard dan satu langkah kebelakangan dari segi liberalisasi dan demokrasi. Saya mendesak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan MC-MC memberi penjelasan kepada rakyat khususnya rakyat Sabah. Apakah sebab-sebabnya siaran filem-filem pendek *Undilah* dan *I want to go to School* telah diharamkan untuk ditonton oleh orang awam. Rakyat sangat hairan mengapa *Undilah* yang merupakan sebuah iklan yang bertujuan baik untuk menggalakkan pengundi-pengundi Malaysia untuk keluar berundi dengan penyertaan ahli-ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang tanpa sebarang berat sebelah atau kempen politik telah dianggap sebagai tidak sesuai untuk ditonton oleh orang awam.

Lebih teruk lagi filem pendek *I want to go to school* bertujuan untuk menunjukkan kadar pembangunan perlahan di Sabah walaupun 48 tahun selepas penubuhan Malaysia. 20% rakyat Sabah tidak pernah bersekolah terutama sekali di kampung-kampung luar bandar. Cerita-cerita benar berkenaan kanak-kanak *at native* atau di kawasan pedalaman Sabah yang terpaksa mula berjalan kaki pada pukul 3 pagi setiap hari ke jeti supaya sempat pergi ke sekolah dengan perjalanan bot. Kanak-kanak dari keluarga-keluarga yang terlampau miskin untuk bersekolah dan kerajaan gagal untuk menyediakan guru-guru bagi sekolah mubaligh. Akan tetapi semua ini dianggap sebagai merosakkan imej Sabah. Apakah rasional di belakang ini? Manakah yang lebih penting, penjagaan imej Sabah ataupun penyertaan orang-orang *native* dan anak-anak mereka dan mengapakah kerajaan masih cuba sembunyikan kesemua salah laku melalui gangguan politik dan kawalan media di Sabah.

Saya ingin bertanya, masih adakah demokrasi yang adil, saksama untuk orang-orang *native* serta anak-anak mereka di Sabah? Apakah masa hadapan yang akan bagi kanak-kanak rakyat Malaysia di Sabah? Juga ingin saya mendesak kementerian agar tidak mengorbankan keperluan pendidikan dan kebajikan kerana ingin melindungi imej politik sahaja. Saya berharap Kementerian Pelajaran bertanggungjawab terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik itu dan menyediakan semua bantuan yang perlu kepada mereka. Juga saya berharap Kementerian Pelajaran akan menyediakan guru-guru untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah di Serudung Laut iaitu satu kawasan yang sangat jauh dari Kuala Lumpur. Walaupun sekolah-sekolah itu adalah sekolah mubaligh namun kesemua kanak-kanak yang bersekolah di situ adalah rakyat Malaysia. Kebanyakannya adalah orang *native* Murut dan mereka telah mengikuti kurikulum Jabatan Pelajaran yang rasmi sejak tahun 2005.

Adalah sangat kurang adil bagi kanak-kanak itu kerana tidak ada guru terlatih yang dihantar ke sekolah selepas sekolah-sekolah itu beroperasi selama enam tahun, tidak ada mana-mana sekolah yang lain di kampung itu dan bantuan kerajaan tidak pernah diberikan pun. Baru-baru ini Perdana Menteri telah mengumumkan RM15 juta daripada sumbangan Tabung Komuniti untuk 15 buah sekolah di Pulau Pinang. Mengapa sekolah-sekolah keperluan pendidikan kebajikan kanak-kanak *native* di Sabah diabaikan berterusan. Kerajaan mengiktiraf peranan

komuniti Cina dalam bidang pendidikan dan menggalakkan or-orang bumiputera dan Melayu mempelajari bahasa Cina seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 September sebagai sebuah Program Transformasi Malaysia yang diperlu untuk meningkatkan daya saing Malaysia di rantau ini.

Saya mendesak Kementerian Pelajaran memberi penjelasan kepada orang ramai bagaimanakah kementerian akan menghadapi cabaran jika terdapat peningkatan bilangan murid SJK(C) yang mendadak memandangkan kekurangan guru-guru Bahasa Cina dan Sumber Manusia sekarang. Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk melatih lebih ramai guru-guru Cina berdasarkan peningkatan keperluan yang diramalkan? Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memberi peruntukan yang sama atau menambah peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan, sekolah-sekolah Cina, Tamil dan mubaligh? Apakah keputusan penyiasatan berkaitan aduan-aduan bahawa peperiksaan bahasa Cina sekolah rendah dan menengah adalah terlalu susah untuk murid-murid mencapai gred A? Saya berharap kerajaan sesungguhnya ingin melaksanakan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mempercepatkan pelaksanaan pelan tindakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua prasarana asas bekalan kuasa elektrik dan air, jalan, lebuhraya akan diabaikan di Sabah terutama sekali di Tawau. Walaupun janji-janji telah diberi berulang kali gangguan bekalan kuasa elektrik dan air terus berlaku di Sabah terutama sekali di Tawau. Semasa Hari Raya baru-baru ini, ingin saya mendesak Kementerian Teknologi Hijau dan Air memberitahu rakyat Sabah bilakah derita-derita mereka akan berakhir. Saya juga ingin mendesak kementerian memberitahu rakyat Sabah bilakah tempoh sah kontrak-kontrak IPP di Sabah, ARL di Teluk Sepanggar, Sandakan IPP *Power* dan Tawau Serudung IPP akan tamat. Berapa banyak kuasa dijangkakan oleh setiap IPP dan apakah setiap jangka hayat setiapnya dan sama ada IPP itu masih membekalkan kuasa elektrik sepenuhnya kepada Tenaga Nasional Berhad atau Sabah Electricity Sdn Bhd atau SESB sekarang? Jika tidak, apakah pelan-pelan atau *emergency plan* kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan elektrik bagi sekarang dan dua tahun akan datang.

Tawau telah lama menderita kerana jalan-jalan yang kurang standard. Contohnya lebuhraya ke Lapangan Terbang Tawau dan jalan utama di Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu. Lebuhraya itu digunakan oleh lori-lori untuk mengangkut barangan dan produk-produk sawit ke Tawau akibat kelemahan perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan Tawau. Saya mendesak Kementerian Kerja Raya membina semula lapisan asas lebuhraya tersebut oleh kerana sebarang kerja penyelenggaraan tidak tahan lebih lama daripada tiga bulan dan lebuhraya itu akan membahayakan kenderaan-kenderaan kecil.

Juga ingin saya mendesak kementerian untuk mengkaji semula keperluan sebatang lebuh raya pantai padahal kesesakan lalu lintas di bandar sudah sampai ke tahap yang tidak tahan lagi.

Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, reformasi sistem pilihan raya (*electoral reform*) walaupun sudah banyak kali janji-janji yang diberi oleh SPR bahawa senarai pengundi akan dibersihkan. Saya ingin memaklumkan kepada SPR bahawa saya minta satu penjelasan berkenaan, mengapakah masih terdapat 666 nama pengundi pada senarai pengundi kawasan Parlimen P.190 Tawau yang kononnya berusia melebihi 90 tahun dan pengundi yang tertua sekali berumur 127 tahun. Mengapakah masih ada banyak nama pengundi yang sudah meninggal dunia dan sebahagiannya masih memegang kad pengenalan MyKad dan mengapakah ada peningkatan bilangan pengundi yang mendadak di kawasan-kawasan tertentu dengan MyKad yang latar belakangnya diragui.

Adakah pihak SPR berkuasa untuk...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Menyiasat pengundi-pengundi tersebut ataupun kita hanya biarkan kedaulatan Malaysia reput di depan mata kita sahaja.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Tawau. Sedikit Yang Berhormat Tawau. Sedikit sahaja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Saya ada banyak..

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Okey.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Adakah Yang Berhormat Tawau bercadang untuk membawa isu yang Yang Berhormat Tawau sebutkan tadi dalam Jawatankuasa Khas yang diwujudkan untuk pilihan raya yang bersih ini? Pandangan Yang Berhormat Tawau tentang ini. Adakah Yang Berhormat Tawau hendak masukkan repot ini ke dalam jawatankuasa tersebut?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ya, oleh kerana kita ada menawarkan diri untuk *represent* parti kita untuk masuk ke jawatankuasa atau *Special Select Committee for electoral reform*, tetapi kita tidak ada peluang untuk memberi suara kita di dalamnya. Mungkin kita akan guna cara yang lain. Terima kasihlah.

Isu yang keempat, Program Pengampunan 6P dan 5P di Sabah. Semasa pendaftaran PTI dalam Program 6P, pihak yang berkuasa mengumumkan bahawa dijangka satu juta orang PTI akan didaftarkan selepas pihak berkuasa sudah mendaftar dua juta PTI yang bekerja atau yang tidak bekerja atau yang tidak berdokumen. Adakah ini bermaksud bahawa masih ada 700,000 orang PTI di antara jumlah 2.3 juta orang PTI yang belum didaftarkan lagi? Adakah ini bermaksud dengan rekod pendaftaran dua juta orang pekerja asing di Kementerian Sumber Manusia, Malaysia mempunyai sejumlah lima juta orang asing yang masuk secara sah, yang masuk secara haram, yang menjadi lebih kurang 18% daripada jumlah populasi negara kita?

Apakah tindakan segera yang akan dirancang dan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dan di peringkat mana-mana kementerian berada dalam proses pembangunan rancangan tersebut, di mana kementerian sedang menangani proses menghantar balik orang-orang PTI ke negara-negara asalnya. Adalah sangat membimbangkan bahawa di antara 60,000 PTI yang didaftar di bawah Program 6P terdiri daripada orang-orang di bawah umur dengan 40,500 orang kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun dan 21,656 orang berusia di antara umur 13 dan 18 tahun. Di antara mereka berapa orang berada di Semenanjung Malaysia dan berapa orang berada di Sabah? Di antara mereka itu berapa orang ada budak-budak tidak bernegara, berapa orang adalah generasi kedua atau generasi yang ketiga kepada PTI itu? Apakah langkah-langkah menyeluruh untuk menyelesaikan kesemua masalah-masalah rumit ini terutama sekali pada hal ke semua itu terlalu lama belum diselesaikan di Sabah. Masalah-masalah ini adalah tertunggak terlalu lama di Sabah.

Ingin saya mendesak Kementerian Dalam Negeri dalam mengenalpastikan dan kategorikan kanak-kanak PTI supaya mencari pendekatan yang lebih menyeluruh untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Kebanyakan kanak-kanak ini telah diperalatkan oleh sindiket-sindiket untuk mengemis di jalan-jalan di Tawau. Mereka memperalatkan bayi-bayi yang separuhnya tidak berpakaian untuk menarik simpati dan mencari sedekah derma orang awam. Tiada pihak-pihak berkuasa yang mengambil sebarang langkah untuk mencegah atau menyelesaikan penyalahgunaan itu. Ini telah mengakibatkan lebih ramai kanak-kanak yang mengemis di jalan.

Saya mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, dan Masyarakat serta pihak-pihak berkuasa tempatan supaya mempercepatkan tindakan-tindakan untuk menyelesaikan masalah pengeksploitasian kanak-kanak asing atau PTI sedemikian di jalan-jalan Tawau. Laporan banci berkaitan populasi dan perumahan baru-baru ini dijalankan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi tahun 2010 di Sabah jelas sekali mengenalpastikan dan membuktikan tahap keterukan masalah PTI di Sabah. Di antara jumlah *population* 3.2 juta orang di Sabah terdapat 2.3 *million* orang atau 72.3% adalah warga Malaysia dengan lebih dekat 900 juta atau 27.7% orang asing termasuk kebanyakannya PTI.

Adalah lebih mengejutkan lagi bahawa 73% daripada jumlah *population* 100,000 orang di Kinabatangan adalah orang asing dan Tawau mempunyai bilangan populasi asing yang tertinggi iaitu 171,409 orang atau 41.6% dari jumlah *population* 412,000,409 orang. Sudah banyak kali saya bangkitkan di Parlimen yang mulia ini isu-isu yang saya sebutkan tadi yang berkenaan ancaman kepada keselamatan, risiko-risiko kesihatan, pemerdagangan dadah dan manusia, penyaliran sumber-sumber kita seperti makanan bersubsidi. Saya ingin memberitahu di sini juga satu pulau di kawasan Tawau adalah Pulau Sebatik. Di kawasan Malaysia ini adalah 7,000 penduduk tetapi penduduk Indonesia di Pulau Sebatik ini adalah 70,000. Inilah masalahnya.

Ingin saya mengetahui berapa lama lagi rakyat di Sabah masih kena menunggu sebelum kerajaan mengambil tindakan keras untuk menjalankan penguatkuasaan keselamatan tempatan dan juga penghalauan PTI dan menyelaraskan pekerja-pekerja asing yang sah.

Isu yang kelima, Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mencadangkan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempercepatkan pembelian empat buah bas serba guna yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan bilik air untuk menampung keperluan mahkamah bergerak di Sabah. Kini khidmat inovatif dapat menangani lebih kurang 300 kes di Pantai Barat negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu.

Namun di Tawau, Sandakan pedalaman seperti di Tanam dan Keningau masih boleh belum ditawarkan khidmat yang sama. Adalah didapati bahawa kes-kes seperti pendaftaran, kelahiran dan permohonan MyKad mencecah 50,000 di kawasan luar bandar dan pedalaman dan masih menunggu. Saya berharap khidmat bergerak yang dimaksudkan itu akan diperluaskan kepada kawasan-kawasan luar bandar agar banyak kes lapuk itu dapat diselesaikan.

Sebenarnya ramai dari kalangan mereka yang terbabit telah dewasa. Selagi mereka itu masih belum didaftar kelahirannya atau keluaran MyKadnya, maka selama itu mereka akan terus dinafikan hak mengundi dan memandangkan keadaan sedemikian sebarang usaha *electro reform* tidaklah akan membawa pengertian yang bermakna kepada mereka. Tidakkah itu satu gambaran kepada amalan demokrasi sistem kita?

Tentang kenaikan gaji dan saraan untuk Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin tahu mengapa Menteri di Pejabat Perdana Menteri hendak menarik balik cadangan sebelum mendengar pandangan-pandangan dan perbincangan-perbincangan semua Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini. Hari ini hanyalah hari yang kedua untuk kita berbahas dan saya tidak nafikan masih ada ruang untuk kita meningkatkan kualiti dan prestasi tentang kualiti perbincangan, rang undang-undang dan juga menaikkan perkhidmatan di kawasan-kawasan kita dan khususnya untuk kemajuan negara kita.

Di sini saya juga ingin tahu apakah cara, apakah rasional untuk memberi sasaran atau insentif untuk Ahli-ahli Parlimen memanglah kita hendak guna kemudahan-kemudahan yang lengkap untuk kita berkhidmat di kawasan dan juga memberi satu kemajuan untuk pembangunan negara kita dalam segi Parlimen Malaysia dan dengan keperluan dan keadaan masa kini. Ramai Ahli Parlimen seperti saya dari Sabah dan Sarawak perlu saraan yang mencukupi untuk berkhidmat di kawasan Tawau. Kawasan Tawau adalah mungkin setengah saiz negeri Melaka. Kita perlu kenderaan yang cukup dan juga minyak diesel yang lebih dan juga saya tidak nafikan saya perlu juga *assistant* atau pembantu. Saya tahu saya diberi maklumat di negara Jerman, mereka ada empat atau lima pembantu dan negara Amerika mereka ada dua puluh pembantu dan ini kalau kita mahu jadi satu Parlimen yang *first class* kita tidak menafikan saraan yang membawa kemajuan dalam Dewan yang mulia ini. Dengan itu sekian terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangr]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat ucapan kepada siapa itu Yang Berhormat? Yang Berhormat Putatan.

3.35 ptg.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Jangan bikin sakit kepala Yang Berhormat Gombak, pelik-pelik pula. Bajet yang olok-olok itu yang ada gambar, yang poster kempen bajet yang merah itu dan yang hijau itu Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini bukan bercakap dalam kedai Yang Berhormat. Cakap di depan saya Yang Berhormat. Saya hendak dengar juga cerita Yang Berhormat itu.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya menyokong Bajet 2011 dalam Rang Undang-undang Akta Perbekalan 2012 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu bersamaan dengan 7 Oktober. Kita turut mengalu-alukan bajet yang begitu menyeluruh dan *inclusive* dan *very realistic* Yang Berhormat Gombak, jangan lari Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Keluar meninggalkan Dewan]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Mengambil kira juga desakan-desakan daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang berasal daripada luar bandar.

Inilah bajet dasar transformasi nasional, bajet yang membela nasib rakyat dan seterusnya menyejahterakan negara. Dengan ekonomi negara yang kekal utuh, sistem kewangan yang teguh dan kukuh sampai mencatat rizab RM414.1 bilion di peringkat antarabangsa Tuan Yang di-Pertua. Pendapatan per kapita ini dijangka meningkat dan juga pertumbuhan ekonomi juga akan terus baik dengan unjuran 5% hingga 6%.

Walaupun kita hanya menyediakan peruntukan RM232.8 bilion bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan khususnya memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat dan ianya kepada kerajaan Barisan Nasional kerana bukan sahaja dapat menaikkan pertumbuhan ekonomi namun dapat mengurangkan defisit dari 5.4% pada tahun lalu kini hanya menjangkau 4.7% pada tahun hadapan selepas mengira anggaran hasil kutipan dan pendapatan kerajaan pada tahun hadapan.

Ini bajet dirumuskan oleh pakar-pakar ekonomi negara dan dirangka oleh mereka yang pakar dan bukannya dirangka atau dirumuskan bagi tujuan politik. Bajet ini sungguh realistik dan bukan bajet olok-olok seperti yang dibuat oleh pihak pembangkang yang membuat bajet yang

tidak mempunyai duit. Ini seolah-olah berniat menipu dan membohongi rakyat dan *very mysteries*.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Putatan, sedikit Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Bajet seperti ini jelas bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri prihatin dengan bebanan rakyat terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah dan rakyat daripada luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ampang bangun.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikitlah.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini baru mukadimah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tadi baru buka itu yang hendak tanya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya akan bagi laluan nanti.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit sahaja hendak puji Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya percaya bahawa keluhan dan rintihan rakyat yang selalu di bawa oleh wakil-wakil rakyat kita atas kenaikan harga barang makanan yang melambung tinggi secara mendadak, ini disebabkan krisis ekonomi global dan ini adalah fenomena global. Misalnya iklim, *global warming, climate change*, perubahan iklim dunia antara salah satu sebab kenaikan kekurangan pengeluaran bahan-bahan makanan misalnya baru-baru ini kita dengar berita banjir di negara Thailand yang menjejaskan pengeluaran beras begitu banyak.

■1540

We have to save the people. [Disampuk] We have to give handout, ease their burden Yang Berhormat, dengan izin. Ini bukanlah bermaksud untuk memberi undi sebagaimana yang dikatakan oleh pihak di sana. *This is a very sincere budget and very-very realistic and not* secara bajet olok-olok yang tiada duit. *What is the meaning?* Ini satu helah penipuan rakyat yang *very-very mischievous* sebagaimana yang saya perkatakan tadi. *And yet*, mereka kata kerajaan *copy*, tiru bajet olok-olok mereka. Mana yang betul? Kalau mereka kata bajet ini *not realistic*, apa artinya? Maknanya mereka punya bajet lebih lagi *not realistic*. Bermakna, bajet yang mereka tonjolkan itu seolah-olah bajet yang bergambar pemimpin-pemimpin PR (Pakatan Rakyat).

Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu Ketua Pembangkang tidak bersetuju elaun Ahli Parlimen, itu satu petanda bahawa pucuk pimpinan Yang Berhormat Permatang Pauh ini sudah macam bercelaru. Maka kawan-kawan Ahli Parlimen dari pembangkang itu bersetuju supaya elaun Ahli Parlimen itu *direview*. Saya sebagai ahli kepada *Parliamentary Review Committee* ini telah pun juga melihat justifikasi supaya elaun Ahli Parlimen ini *direview*. Ini kerana kalau kita melihat Tuan Yang di-Pertua, gaji-gaji Ahli Parlimen di persekitaran kita, jiran-jiran kita,

lebih-lebih tinggi daripada kita. Kita punya standard ini sama dengan Christmas Island dan Fiji di peringkat antarabangsa. Paling rendah.

Bukan pasal itu Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh menjalankan tugas kita tetapi kita hendak prestasi Ahli Parlimen ini ke peringkat *world class*. Jadi ertinya, kita memerlukan pembantu-pembantu yang ramai, yang berkualiti. Dengan adanya elaun yang kita bagi pada pembantu kita, pegawai perhubungan kita dengan setakat RM1,000, RM2,000. siapa yang hendak kerja dengan kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Parlimen Putatan mempunyai lapan kakitangan dan tiga pegawai perhubungan yang saya gajikan lebih daripada RM2,500. Dari mana duit itu? Itu bukan daripada kerajaan. Itu sumber daripada pendapatan daripada syarikat saya sendiri. Saya bukan minta dipuji tetapi ini sebenarnya yang berlaku. Gaji drebar, pemandu. Siapa yang hendak bekerja gaji pemandu RM1,200? Kerja Ahli Parlimen sampai pukul empat pagi, pukul tiga pagi. Kalau dipanggil kecemasan, banjir, orang meninggal, *accident*, Ahli Parlimen juga turun padang. Siapa yang memandu? Kita cari pemandu yang bersedia untuk bekerja dengan jam yang tidak menentu. Ahli Parlimen bekerja 25 jam sehari, betul. Kadang-kadang tidak pernah bercuti. Ada? Mungkin Ahli Parlimen pembangkang selalu bercutilah, kami tidak bercuti. Kami diarah turun padang pada setiap hari berjumpa dengan rakyat. Masalah sekolah, hujung minggu enam hingga 12 majlis perkahwinan. Orang meninggal belum lagi. Bawa RM50? Tolonglah. Yang Berhormat Permatang Pauh, jangan zalamkan Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang juga merasai bebanan ini.

Dahulu kalau 10 sen mungkin kita boleh beli sebungkus mi. Sekarang tidak ada sebungkus mi harga 10 sen. Sekurang-kurangnya RM1.50 satu bungkus. Hendak belanja kopi di kedai, hendak berhenti untuk bagi minuman orang-orang yang ikut-ikut pergi turun padang. Tuan Yang di-Pertua, kita singgah di kedai kopi, takkan engkau bayar engkau punya kopi sahaja, engkau tidak bayar yang lain. Orang datang bersalam tangan dengan kita, dia bukan minta kita belanja kopi dia. Syukurlah kita bayar. Satu kali bayar berapa? Siapa punya duit? Engkau pakai duit kerajaan, kena rasuah. Kita mahu projek, tidak boleh, SPRM cegah. Akaun kita diaudit selalu, buat repot tiap-tiap bulan.

Jadi inilah saya rasa Yang Berhormat Permatang Pauh ini sungguh zalim. Tiada seorang pun Ahli Parlimen pembangkang yang berjumpa ataupun bermesra dengan saya yang tidak bersetuju elaun Ahli Parlimen ini dinaikkan. Saya ingat Yang Berhormat Sungai Petani pun sudah bersetuju berkali-kali dengan saya soal...

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Boleh beri laluan Yang Berhormat Putatan?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi sekarang mungkin dia sudah tukar pendapat ini, Yang Berhormat Sungai Petani ini. Ya.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Putatan kalau saya katakan bahawa yang sepatutnya diminta bukan kenaikan

elaun Ahli Parlimen tetapi yang diminta ialah perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang sepatutnya diberikan oleh Parlimen kepada Ahli Parlimen seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi? Apa yang kita minta bukan kenaikan gaji kita ataupun elaun kita tetapi diminta *researcher* tiga orang, pejabat untuk bekerja, komputer untuk bekerja, *driver* dan sebagainya, tetapi bukan menjurus kepada Ahli Parlimen tetapi perkhidmatan keseluruhan. Setujukah Yang Berhormat Putatan kepada saya?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu memang saya bersetuju. Itulah yang saya katakan tadi. Akan tetapi bos Yang Berhormat Sungai Petani itu tidak setuju. Jadi tidak perlulah kita sama-sama tidak setujulah. Kalau bos itu tidak setuju, jadi kita luahkanlah, perelaskan apa yang sebenarnya niat ataupun hasrat Yang Berhormat Permatang Pauh untuk tidak bersetuju dengan apa yang kita bangkitkan selama ini dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi setakat itu sahajalah Yang Berhormat Sungai Petani. Kalau dia tidak bagi, apa boleh buat. Jadi ini luahan daripada Ahli-ahli Parlimen yang lain pun ada juga tetapi saya rasa saya punya kawan-kawan seperti Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Indera Mahkota juga bawa perkara yang sama. Terima kasih.

Jadi saya terus kepada...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tidak cukup masa. Nanti Tuan Yang di-Pertua suruh...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebab dia sebut Indera Mahkota tadi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tetapi saya mahu membaca ini, yang saya sedia ini banyak ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, boleh saya bagi pendapat sedikit? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dinaikkan gaji itu dibuat di dalam Dewan ini, dikemukakan di dalam Dewan. Saya tidak tahu kenapa Yang Berhormat Putatan sebut kata Ketua Pembangkanglah dan sebagainya. Tidak ada satu ayat dikemukakan di dalam Dewan ini yang mengatakan tidak bersetuju atau sebagainya. Reaksi yang diberi itu reaksi *ad hoc* yang dibuat dan saya rasa cerita berkenaan dengan pembatalan ini dikemukakan oleh Menteri yang menjaga Parlimen di luar Dewan, bukan di dalam Parlimen. Kenapa Yang Berhormat Putatan cepat buat keputusan seolah-olah macam perkara itu telah pun rasmi dibuat secara rasmi di dalam Dewan ini?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, okey. Ertinya Yang Berhormat Indera Mahkota bersetuju dengan cadangan kerajaan ini untuk...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya bersetuju kepada konvensyen yang selalu diamalkan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi tidak setujulah dengan kenyataan Ketua Pembangkanglah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kita mesti akur kepada konvensyen yang kita amalkan. Setiap satu keputusan dibuat mesti dibincangkan dalam Dewan ini kerana keputusan itu adalah keputusan yang dibentangkan melalui pembentangan belanjawan. Kalau Yang Berhormat Putatan kata perkara itu...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, okey..

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Perkara itu dibuat secara di luar dan dianggap sah dan perlu dipakai, saya rasa itu membelakangkan konvensyen.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak buat pun sewaktu perbahasan Yang Berhormat Permatang Pauh dalam Dewan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ketua Pembangkang tidak ada sebut pun dalam Dewan, tidak ada.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Indera Mahkota, tak apalah, tak apalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Itu *misquoted*, kita mana tahu?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okeylah, saya beralih kepada perkara lain. Minta maaf Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita berbincang dekat luar, okey?

Okey, peruntukan bagi semua sekolah rendah. Ini yang paling hebat sekalilah. Peruntukan RM500 juta yang diberi untuk sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh, sekolah-sekolah ini, saya alu-alukanlah ini. Ini bajet yang betul-betul menyenangkan hati rakyatlah terutama sekali murid-murid sekolah kita. Terutama sekali menghapuskan fi-fi.

■1550

Ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ini dalam sejarah kitalah. Kita ada *free education*. *Thank you very much to the Prime Minister*. Kita mendapat *free education*, pengecualian cukai bagi sekolah-sekolah swasta yang boleh memainkan peranan untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti. Ini juga baik dan menggalakkan pihak syarikat-syarikat besar membantu sekolah-sekolah swasta, intensif *training* dan sebagainya.

Satu lagi yang agak mungkin terlepas pandang di sini Tuan Yang di-Pertua adalah usaha-usaha badan-badan sukarela tidak kira daripada badan sukarela keagamaan atau NGO-NGO yang lain yang menubuhkan sekolah-sekolah yang memberi latihan, kemahiran terutama sekali budak-budak yang tergugur ataupun *dropout* daripada sekolah yang memerlukan latihan secara teknikal dan praktikal yang ada di tempat kawasan saya dinamakan *Montfort Boy School* yang memerlukan banyak bantuan daripada syarikat-syarikat yang ingin menyumbang dan juga daripada orang perseorangan. Wakil-wakil rakyatlah sering ditemui untuk meminta bantuan. Ya, *you* sebut mahu berkaitan apa. Bagi peluang Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tidak berdiri pun dia panggil, *alhamdulillah*. Okey, saya hendak sebut tadi Yang Berhormat Putatan sebut tentang puji-pujian tentang belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat sedangkan Yang Berhormat Tawau daripada Sabah tadi baru sebut sekolah tidak cukup, infrastruktur tidak cukup. Ini Yang Berhormat Putatan puji-puji ada ini dan itu, perkara asas lagi tidak mampu dilaksanakan. Selepas itu beri fi sana, fi sini. Jadi apa kedudukan Putatan, di kawasan Putatan okey ke sekolah semua, *steady* semua?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, masalah memang ada tetapi kita sentuh dengan bajet yang betul-betul menyentuh hati rakyat yang memberi *handout one-off* ini mesti kita puji. Akan tetapi namun, ada yang belakang ini 'namun', tunggulah Yang Berhormat, sabar. Ya, jadi menghulurkan sumbangan daripada wakil-wakil rakyat yang sekolah-sekolah yang digerakkan oleh pihak-pihak NGO ini. Jadi saya mohon jugalah kalau pihak kerajaan dapat melihat sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh pihak NGO ini supaya di mana kerajaan boleh dapat membantu.

Sekolah-sekolah yang uzur ini, Yang Berhormat Ampang, memang ada, memang wujud. Jadi setakat ini, peruntukan yang besar yang diberi melalui Kementerian Pelajaran sedang melaksanakan pembaikan-pembaikan sekolah di luar bandar termasuk kawasan saya Yang Berhormat. Ada juga sekolah dulu saya bising-bising, soal tidak ada elektrik dan sebagainya. Sekolah yang tidak cukup kelas atau bilik darjah...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya bergotong-royong dengan orang kampung telah pun dilaksanakan, baru siap.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Putatan, sedikit Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Selesai, Timbalan Menteri Pelajaran pergi ke tempat saya melawat tanpa saya bersama-sama dengan beliau, *check* sekolah itu, kelas itu sudah siap. Yang Berhormat Balik Pulau, boleh Balik Pulau dulu. Aku belum pergi pulau ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan, tambahan boleh, sedikit sahaja. Yang Berhormat Putatan bakal Timbalan Perdana Menteri II.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [Ketawa]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Putatan, sebab itu hari dia minta masa mesyuarat APCO, saya cakap dalam Dewan. Di kawasan saya, setuju kah Yang Berhormat Putatan sebab saya tengok Pasti yang dibuat oleh PAS berkembang amat baik sehinggakan ada sembilan Pasti, lima ratus lebih pelajar. Pasti ialah sekolah *pre*, tadika tetapi diuruskan oleh pihak PAS dengan baik tetapi tidak mendapat bantuan kerajaan. Akan tetapi, memandangkan ianya juga diyakini malah ramai anak-anak pekerja-pekerja daripada jabatan

kerajaan pun menghantar anak mereka ke sana. Setuju dengan saya bantuan pendidikan seperti yang diisytiharkan...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, faham dulu.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Oleh kerajaan agar membantu mereka juga kerana mereka telah menjayakan agenda pendidikan yang baik di dalam masyarakat. Setuju kah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih. Tidak ada masalah, kalau saya jaga tidak ada masalah. Asalkan sekolah ini tidak dipolitikkan, tidak ada masalah. Saya rasa pihak kerajaan boleh bantu kalau betul-betul niatnya murni, betul-betul meningkatkan modal insan kepada golongan anak-anak kita, tidak ada masalah. Saya masukkan dalam teks supaya Menteri boleh jawab, Menteri ada dengar. *[Ketawa]*

Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Luar Bandar di sini, saya lompat kepada luar bandar. Program transformasi luar bandar ataupun *Rural Transformation Program* ini sudah lama kita tunggu. Ini saya rasa oleh sebab menterinya sendiri berasal daripada Sabah maka program ini dirancang dan timbalannya pun dari Sarawak yang memerlukan yang lama dahaga dengan pembangunan luar bandar ini. Jadi saya alu-alukan, terima kasih bagi pihak masyarakat luar bandar, Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi walau bagaimanapun saya harap yang dijanjikan itu yang diutarakan dalam bajet ini hanya untuk mempertingkatkan balai raya, klinik, perbankan di luar bandar. Selain itu, kita juga mendorong generasi muda kita untuk terdedah dalam bidang keusahawanan. Ini amat baik sekali sebab di negeri Sabah dan Sarawak begitu luas tanah terbiar. Alangkah baik kalau kementerian boleh merancang syarikat-syarikat yang tertentu ataupun GLC-GLC kerajaan yang membantu penduduk-penduduk luar bandar ini terutama sekali golongan muda supaya golongan muda ini tidak berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan, cara hidup mereka.

Jadi inilah saya mengharap tanah-tanah yang terbiar dilaksanakan bentuk keusahawanan seperti mengenal pasti kesesuaian bidang yang terbaik bagi kawasan-kawasan yang tertentu. Misalnya, kawasan sayur-sayuran satu kampung, kawasan perikanan air tawar satu kampung dan dikenal pasti beberapa orang muda kita dibantu, dipantau untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut. Ini amat baik sekali dan kalau soal perbankan ini, soal pinjaman ini, nampaknya dalam dasar kita ini cantik tetapi apabila dilaksanakan, pegawai-pegawai bank ini terlalu suka memberi syarat-syarat yang sukar untuk dipatuhi oleh pemohon-pemohon. Jadi saya mengharap pinjaman ini dapat dipermudahkan lagi. Infra-infra luar bandar ini banyak lagi harus dilaksanakan terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Banyak lagi perkara-perkara yang perlu di perhebatkan terutama sekali *ecotourism* dan pembuatan *downstream*, hasil-hasil pertanian yang boleh kita perkasakan di kawasan luar bandar. Projek-projek kecil harus diberi kepada generasi muda tetapi malang lesen kontraktor F Tuan Yang di-Pertua, belum lagi dibuka semula untuk pendaftaran. Ramai golongan muda kita

yang mahir, yang terlatih dalam bidang pembinaan dan sebagainya tidak mendapat sebarang lesen sebab lesen-lesen yang dulu ini di *control* oleh orang-orang tertentu terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan. Ini saya tidak nafikan, banyak *complaint* yang saya dengar. Orang bekerja dengan kerajaan, bukan bumiputera tetapi mempunyai empat, lima syarikat F *contract declaration*. Di Sabah saya tahu tetapi saya tidak berani *complaint* sebab ini kawan saya juga, saya tahu. Bekerja dengan kerajaan, *engineer-engineer*, minta maaf saya sebut dalam Dewan ini.

■1600

Jadi, saya mengharapkan kerajaan mengkaji semula pendaftaran kelas F ini untuk memeriksa apabila Kelas F ini memeriksa siapa sebenarnya pemiliknya, siapa sebenarnya yang mengurus, yang melaksanakan projek ini, siapa dia? Adakah pemilik itu sendiri? Saya telah membawakan perkara ini beberapa kali dalam Dewan yang mulia tetapi setakat ini, keluhan dan rintihan daripada golongan muda yang berkemahiran, yang berbakat dalam seni pembinaan tidak mendapat lesen. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan terutama sekali melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk melihat perkara ini sekali lagi. Perkara lampu, air. Kita telah pun meluahkan masalah-masalah air yang kena rawat untuk penduduk-penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak. Bukan setakat memberi tangki untuk menadah air hujan sahaja. Negara kita ini ke arah negara maju. Sudah sampai masa untuk kita melihat bentuk apa kita dapat merawat air kita untuk penduduk-penduduk di luar bandar.

Banyak kaedah-kaedah yang boleh diguna pakai. Satu, air hujan tetapi kalau kita menggalakkan syarikat-syarikat swasta untuk *localize* pembedungan air untuk dirawat, pasti ini akan dilaksanakan, pasti ada orang yang memberi reaksi supaya bil-bil ini dapat juga dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang mengeluarkan bil-bil air. Lampu elektrik misalnya, masih luas lagi kawasan Sabah dan Sarawak ini belum mempunyai elektrik-elektrik yang betul. Ada yang menggunakan solar hibrid misalnya, bateri solar.

Saya rasa kawasan Tambunan. Ya, Yang Berhormat Kota Marudu dengar ya, orang yang pakar sains dan teknologi yang membuat *wheel, dynamo*. Saya terbaca di *newspaper*. Takkan kerajaan tidak melihat kepakaran orang kampung ini yang boleh menjanakan 10 buah ke 20 buah rumah dalam satu pengairan, satu sungai yang kecil. *Wheel* yang boleh menjana beberapa watt untuk menjana beberapa rumah di kampung. Kenapa kita tidak buat perkara yang sekecil macam ini, yang tidak memerlukan perbelanjaan yang begitu besar?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua jika Menteri Sains ini telah berjumpa dengan orang yang di Tambunan itu. Sudah? Jadi ini kenapa tidak dilaksanakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tenom bangun tetapi Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Oh, tidak boleh begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tiga minit Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh bagi sikit? Banyak ini Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Boleh kah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tadi Yang Berhormat Putatan ada menyentuh pasal solar. Saya memikirkan bahawa hari ini kalau di tempat kita, di negeri Sabah untuk kampung-kampung yang tidak mendapat bekalan elektrik talian grid. Saya rasa, setujukah Yang Berhormat Putatan sekiranya kita memberi tumpuan kepada sistem solar bagi kampung-kampung yang sukar untuk dicapai dengan talian grid dan satu lagi Yang Berhormat Putatan, berkenaan dengan solar tadi, penggunaan bateri.

Sedarkah Ahli Yang Berhormat, masa sekarang ini kita mempunyai satu bateri yang begitu baik yang dipanggil bateri litium polimer, yang lebih baik daripada bateri plumbum yang digunakan. Jadi Ahli Yang Berhormat setuju atau tidak?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Setuju Yang Berhormat, masukkan dalam teks ucapan saya sebab di Sabah dan Sarawak ini, grid ini belum cukup. Kalau kita mendesak atau menggalak *private sector* untuk membuat *biomass production, gas generator, localize*. Apa yang saya setujukan *localize*. Tidak perlu kita *contribute* pergi hibrid dan sistem pengeluaran bil itu boleh dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang mengeluarkan bil-bil yang tertentu seperti 'SESB'. Tidak perlu kita... sebab duit belum ada. Kalau kita minta kerajaan sediakan duit itu mungkin 10 tahun pun belum tersedia lagi. Saya tidak pasti sebab grid ini bukan murah dan mungkin dilaksanakan oleh TNB.

Jadi, agenda yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, yang tercatat dalam bajet ini, agenda penting adalah Orang Asli. Melihat Menteri pun kira setuju dengan saya ini. Tanah rayau, tanah saka, tanah adat Orang Asli ini, seharusnya kita adakan satu jawatankuasa supaya Orang Asli rasa juga terlibat dan terikut dengan arus pembangunan. Selalu yang disentuh oleh Orang Asli apabila berjumpa dengan Orang Asli ini, Artikel 153 dalam perlembagaan kita. Melayu, bumiputera dari Sabah dan Sarawak, *native* dari Sabah dan Sarawak sahaja. Jadi, mereka terasa terpinggir. Adakah mereka ini digelar sebagai bumiputera? Saya mengharap kementerian dapat melihat perkara ini supaya rintihan dan keluhan daripada Orang-orang Asli ini dapat meyakinkan mereka bahawa mereka juga tergolong daripada orang-orang bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa dah habis Yang Berhormat, masa dah habis.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya *cover* Orang Asli ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat, tak payah, tak payahlah.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tak adil kalau saya tidak *cover* Orang Asli ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat, tak payahlah. Tak payah berdebat dengan saya sebab dah *time* ini Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Seminit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tolong Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Seminit. Saya juga ingin isu tebatan banjir ini Tuan Yang di-Pertua sebab isu banjir ini sering berlaku di kawasan saya. Jadi, saya memujilah kehebatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini kerana serba sedikit membantu saya dalam masalah banjir di kawasan Putatan. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua tetapi tak dapat *cover*. Saya sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon untuk menyokong Bajet 2012 ataupun Rang Undang-undang Akta Perbekalan 2012. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Baling.

4.16 ptg.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil peluang dalam perbahasan Belanjawan 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 7 hari bulan, hari Jumaat yang lepas. Dalam pembentangan Yang Amat Berhormat dimulai dengan mengetengahkan ayat Suratul Quraisy, ayat yang ketiga dan keempat di mana Allah SWT berfirman. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya "Maka, hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Kaabah ini yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan."

Ayat Surah Quraisy ini seharusnya dilihat serentak dengan apa yang telah didedahkan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Fiil yang mengisahkan bagaimana kerakusan tamak dan haloba Raja Abrahah untuk menakluki Mekah dengan meroboh Kaabah. Saya cuba mengambil ini dalam ucapan dasar perbahasan ini ialah untuk kita dalam Bajet 2012, walaupun dilihat secara umum dan mungkin diakui oleh sesetengah mengatakan bahawa ini bajet sama rata dan bajet untuk memberi kemudahan yang sebegitu rupa yang dirasai dan dinikmati bersama oleh seluruh lapisan masyarakat.

■1610

Pun begitu, kita juga tidak harusnya lupa bahawa apa yang telah diberi kepada kita oleh pakar-pakar ekonomi yang meletakkan kedudukan suasana di mana tahun hadapan dan seterusnya adalah tahun-tahun yang kita akan menempuh kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, ayat Suratul Quraisy adalah hasil daripada salah satunya doa Nabi Allah Ibrahim a.s. Allah memperkenankan doa Nabi Allah Ibrahim a.s. [*Membaca sepotong doa*] Nabi Allah Ibrahim a.s. berdoa kepada Allah di ketika mana bumi Mekah yang begitu tandus, kering kontang yang jauh penghasilannya yang boleh diterjemahkan sebagai bumi subur, bumi yang boleh membawa suatu kekuatan dari segi ekonomi. Maka Nabi Allah Ibrahim a.s. berdoa supaya bumi Mekah ini Allah menjadikan pertama sekali bumi yang aman damai dan juga bumi Mekah ini disuburkan dengan hasil buah-buahan.

Hasil daripada doa Nabi Allah Ibrahim a.s. maka, kesuburan itu dinikmati oleh masyarakat Mekah atau masyarakat Quraisy pada ketika itu sehinggalah mereka menjadi suatu kebiasaan. Perniagaan mereka begitu maju dan memuncak sehingga perniagaan-perniagaan di musim sejuk dan juga perniagaan-perniagaan di musim panas. Di musim sejuk, mereka tumpukan perniagaan-perniagaan mereka menghala ke Yaman sementara di musim-musim panas, mereka menghalakan perniagaan mereka dari arah kawasan yang lain. Jadi disebabkan itu, maka kedudukan bumi Mekah yang pada ketika dahulunya tandus, kemelesetan berlaku dan ekonomi tidak tumbuh, akhir sudahnya menjadi sebuah negara atau sebuah kawasan yang begitu makmur.

Di sana berlakulah masyarakat Quraisy lupa daratan. Mereka sudah jadi rakus, mereka sudah jadi tamak dan mereka lupa jalan kebenaran sehingga mereka dalam keadaan yang cukup bebas sedangkan mereka telah pernah dibebaskan oleh Allah SWT daripada dicengkam dengan kuasa-kuasa pemerintah yang zalim. Mereka tinggal dalam keadaan aman sentosa walaupun sebenarnya di sekeliling mereka sentiasa diancam ketakutan sehingga sampailah kepada zaman di mana penduduk-penduduknya sebagaimana yang dikatakan tadi mereka menyeleweng daripada jalan-jalan kebenaran.

Ini membawa suatu keadaan di mana Abrahah sebagaimana yang telah dikenali, diperkenalkan oleh Allah dalam Al-Quranul Karim khususnya kepada kita umat Islam. Abrahah begitu cenderung dengan jiwa rakus dan tamaknya melihat pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat, yang begitu ampuh di Mekah itu sendiri. Maka ketamakan Abrahah dan begitu juga dengan kuasa yang ada kepadanya seolah-olah tidak ada sesiapa yang boleh mengatasi kekuatan yang ada pada bala tentera Abrahah. Itulah maka Abrahah menyediakan suatu angkatan tentera untuk merobohkan Kaabah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, punca Abrahah untuk ke Mekah bukan semata-mata kerana Baitullah tetapi yang tersirat jauh oleh Abrahah itu ialah kekayaan yang ada di Mekah sebab ramai pengunjung-pengunjung dari luar ataupun pelancong-pelancong dari luar sama ada dalam siri-siri peribadatan mereka, datang ke Kaabah menyebabkan pertumbuhan ekonomi melonjak begitu jauh daripada apa yang ada. Pelaburan asing masuk, *currency* mereka kukuh disebabkan kekuatan ekonomi yang ada di bumi Mekah pada ketika itu. Lalu, berlakulah keadaan di mana pertarungan, ketamakan dan kezaliman ini terhadap bumi Mekah itu sendiri. Inilah yang Allah

tegaskan dengan sebab keadaan yang sebegitu aman dan damai sedangkan di sekeliling Makkatul Mukaramah telah tidak aman. Negara-negara lain, negeri lain pada ketika itu berada dalam keadaan huru-hara. Inilah yang Allah tegaskan. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Tidakkah kamu dapat melihat bagaimana kedudukan tanah haram Mekah ini berada dalam keadaan Amina, aman dan damai sedangkan...” [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “...rompak, samun dengan begitu rakus dan ganas. Kacau bilau berlaku di sekeliling.”*

Jadi dengan sebab itu, peristiwa serangan bala tentera bergajah ini memberi kesan yang amat besar untuk menambahkan lagi kehormatan Kaabah di seluruh pelosok Semenanjung Arab. Apabila gagalnya Abraham menawan Kaabah, maka imej masyarakat Arab Quraisy makin naik ataupun nama baik mereka makin menyerlah yang dengan ini menyebabkan apabila sahaja usaha perniagaan dan perdagangan yang dilakukan oleh Quraisy, maka mereka telah dapat keyakinan dan kepercayaan di mana-mana negeri dan di mana-mana sahaja yang mereka pergi untuk memperdagangkan barang-barang dagangan mereka. Kabilah perniagaan yang menuju ke Yaman di musim sejuk, begitu jugalah kabilah perniagaan yang menuju ke Syam di musim panas, semuanya mendapat tempat dan menghasilkan kedudukan yang sebegitu hebat.

Saya sebutkan ini kerana untuk *elaborate* atau untuk diselaraskan dengan perkembangan-perkembangan dalam negara kita yang pernah kita tempuh pada satu ketika dahulu dengan begitu melonjak kedudukan ekonominya dan makin hari sampai kepada peringkat ini. Kita melihat berbagai-bagai audiens dan berbagai-bagai lapangan membahaskan tentang kemelesetan. Ini diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin negara kita yang ada semalam dikaitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan urutan yang berlaku juga di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Cuma, apa yang saya ingin tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kehidupan, nikmat Quraisy selepas kebangkitan Nabi Muhammad SAW ini, Allah memperingatkan. Sebelum ini kamu susah, kemudian itu kamu berjaya dan kamu maju tetapi setelah kamu berjaya, kamu maju dan kamu senang lenang, maka kamu lupa kepada keadaan siapakah yang memberi kesenangan dan kemenangan kepada kamu.

Maka itulah Allah tekankan. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kita tidak mahu Bajet 2012 kita, kita mulakan dengan suatu Quraisy yang cukup cantik tetapi *content*, pengisiannya kita bimbang kalau tidak memenuhi kehendak-kehendak itu tadi. Itulah nikmat rezeki yang mewah hasil daripada perjalanan ataupun hasil daripada apa yang telah dinikmati oleh Quraisy Mekah itu sedangkan pada waktu sebelumnya, negeri mereka dan negara mereka berada dalam keadaan yang kering kontang. Allah mengingatkan kaum Quraisy dengan nikmat-nikmat itu supaya mereka berasa malu kerana mereka telah menyimpang dari jalan kebenaran.

■1620

Mereka telah menjadi tamak, mereka telah jadi ganas, pecah amanah, rasuah dan sebagainya. Sedangkan kesenangan yang diberi kepada mereka itu, oleh penaung rumah suci ini iaitu Allah SWT, mereka hidup aman dan mereka berada dalam keadaan yang bahagia. Tuan

Yang di-Pertua, kalau saya boleh kaitkan sedikit di sini, dalam sejarah bangsa Arab sebenarnya satu bangsa yang tidak pernah memainkan peranan penting di dunia, malah tidak mempunyai identiti sebelum kedatangan Islam. Di Yaman, mereka meringkuk di bawah penjajahan Parsi atau Habsyah, Kerajaan Arab yang berdiri di sana, kadang-kadang berada di bawah naungan Parsi, di Utara negeri Syam, berada di bawah penjajahan Rom, baik secara langsung atau secara tertubuhnya sebuah Kerajaan Arab di bawah naungan Kerajaan Rom. Tiada wilayah yang terselamat daripada penjajahan asing, melainkan wilayah tengah Semenanjung Arab tetapi wilayah itu berada dalam keadaan hidup padang pasir dan mereka berpecah belah, tidak dapat melupakan satu hakikat dalam percaturan kuasa dunia.

Peperangan antara kabilah berlaku selama 40 tahun tetapi kabilah-kabilah itu baik secara berasingan mahupun secara berkumpul, tidak pernah mempunyai kekuatan yang disegani oleh negeri-negeri jiran yang kuat. Apa yang telah berlaku dalam Tahun Gajah yang disebutkan itu, merupakan ukuran kekuatan kabilah-kabilah itu apabila terdedah kepada serangan asing. Tuan Yang di-Pertua, di bawah panji-panji Islam sahaja, bangsa Arab bagi pertama kalinya dalam sejarah memainkan peranan antarabangsa dan mempunyai kekuatan kerajaan yang digeruni iaitu kekuatan yang menyapu kerajaan-kerajaan, menghancurkan singgahsana-singgahsana dan memimpin umat manusia setelah dihapuskan pimpinan-pimpinan jahiliah yang sesat. Akan tetapi yang menyediakan kebangkitan bangsa Arab bagi kali pertama dalam sejarah mereka, ialah mereka lupakan diri mereka sebagai bangsa Arab, mereka lupakan semangat kebangsaan dan perkauman mereka, yang mereka ingat hanyalah mereka adalah orang-orang Islam sahaja dan yang dikibarkan mereka hanya panji-panji Islam sahaja.

Mereka membawa satu akidah raksasa yang kuat kepada manusia sebagai rahmat dan kebajikan untuk mereka. Mereka tidak membawa gagasan kebangsaan dan perkauman, mereka membawa gagasan dari langit ajaran Allah untuk diajarkan kepada manusia, bukannya membawa 'isim' dari bumi untuk menundukkan manusia di bawah pengaruhnya. Mereka keluar dari negeri mereka semata-mata untuk berjihad pada jalan Allah, bukan untuk membina sebuah empayar Arab yang mewah, makmur, angkuh dan takbur. Bukan untuk mengeluarkan umat Arab daripada penjajahan Rom dan Parsi kepada pemerintahan bangsa Arab sendiri, malah mereka keluar untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang tunggal. Sebagaimana ucapan-ucapan yang antara lain pernah diungkapkan oleh tokoh pimpinan Rabai'e Ibnu Amir dalam suatu utusan di suatu majlis, di mana beliau menekankan bahawa Allah SWT mengutus kami untuk mengeluarkan umat manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang tunggal.

Ketika inilah bangsa Arab yang mempunyai kewujudan, miliki kekuatan dan memegang teraju kepimpinan dan semua itu adalah untuk Allah dan untuk jalan Allah. Mereka terus mempunyai kekuatan dan memegang teraju kepimpinan selama mereka berjalan lurus di atas jalan Islam. Tuan Yang di-Pertua, malangnya apabila mereka telah menyimpang dirinya dan

mengingatkan kembali semangat kebangsaan dan perkauman mereka. Mereka berjuang di atas kabilah Arab, mereka berjuang di atas kebangsaan Arab. Mereka tinggalkan panji-panji Islam untuk mengibarkan panji-panji kebangsaan dan perkauman. Maka, mereka telah dibuang oleh bumi dan dipijak oleh bangsa-bangsa yang lain. Inilah kalau kita renung dalam sejarah bagaimana tamadun umat Arab sebagaimana sehingga sudahnya, sebagaimana yang kita lihat hari ini kerana Allah telah tinggal dan lupakan mereka setelah mereka tinggal dan lupakan Allah.

Apakah nilai umat Arab tanpa Islam? Apakah buah fikiran yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia apabila mereka tinggalkan buah fikiran Islam? Apakah nilai satu bangsa yang tidak menyumbangkan sesuatu fikiran kepada umat manusia? Setiap bangsa yang pernah memimpin umat manusia dalam mana-mana tempoh sejarah, adalah mewakili suatu fikiran. Sedangkan bangsa-bangsa yang tidak mewakili sesuatu fikiran seperti mana bangsa Tatar yang menyerang negeri Timur dan bangsa Barbarian yang menyerang Kerajaan Rom di Barat, tidak dapat hidup lama. Mereka telah larut dalam bangsa-bangsa yang mewakili mereka. Satu-satunya buah fikiran yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia ialah akidah Islamiah. Akidah inilah yang pernah mengangkat mereka ke mercu kepimpinan, andainya mereka tinggalkan akidah ini, maka tidak ada lagi satu fungsi dan peranan untuk mereka di bumi ini.

Inilah yang patut diingat baik-baik oleh umat Arab jika mereka mahu hidup, begitulah juga kalau kisah Arab ini kita terjemahkan dengan kita di Malaysia. Terutama sekali bagi kita umat Melayu, apa makna Melayu dengan kemelayuan, kalau tidak bersama dengan Islam. Inilah yang pernah diingatkan oleh Sayidina Umar al-Khattab ketika beliau menjadi *amirul mukminin*. Di ketika itu beliau datang untuk menerima penyerahan kunci *Baitulmuqaddis* yang pada ketika itu dipegang oleh orang lain. Maka, apabila kedatangan Sayidina Umar, dalam ucapan itu sendiri, inilah Saiyidina Umar menekankan, [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] "*Kami ataupun kita ini adalah kaum yang kemuliaannya terletak pada Islam. Kalau kita mencari kemuliaan selain daripada kemuliaan Islam, maka pasti akan menerima kehinaan*".

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2012, walaupun saya tidak mengambil kesempatan ini untuk membincangkan satu persatu yang pada hemat saya, *insya-Allah*, kalau berkesempatan di peringkat Jawatankuasa. Cuma kita ingin mengingatkan bahawa dalam suasana yang sebegini, walaupun mungkin ratus-ratus bilion, kita boleh letak dalam angka-angka bajet ini yang, *wallahualam*, banyak dipersoalkan, mana *source*, mana sumber kita boleh dapat.

Angka ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua, angka biasalah, boleh diubah-ubah tetapi yang penting kepada kita ialah kalau negara kita ini tidak menuju kepada satu kebajikan yang dikehendaki oleh Allah SWT, kerana dikaitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara kebajikan yang kita ketengahkan ialah negara yang mengisi dengan kehendak-kehendak *baladun toyibbah warabbun raffur*, sebagaimana yang telah ditekankan oleh Allah dalam Surah Saba, ayat ke-15.

■1630

Walaupun masa tidak mengizinkan untuk saya meneruskan penjelasan-penjelasan daripada apa yang telah difirmankan oleh Allah dalam Suratus-Saba' yang ke-15 tetapi ingin saya bawa ayat Allah dalam Suratus-Muzammil ayat yang ke-10 yang ke-11 di mana, di ketika kekayaan, kesenangan yang berlimpah-ruah dinikmati oleh penduduk di bumiputera Makkah itu sendiri mereka telah mengingkari ajaran Allah SWT, mereka mencemuh Islam, mereka mencemuh Nabi SAW. Mereka mencemuh *al-Quranul Karim*, maka Allah turunkan ayat dalam Suratus-Muzammil;

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Wahai Muhammad, hendaklah kamu bersabar dengan tohmahan-tohmahan dan cemuhan-cemuhan terhadap kamu ini wahai Muhammad."

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dan kamu jauhilah puak-puak yang mencaci Islam ini yang menghina Islam ini dengan cara yang baik"

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Biarkanlah, kata Allah, Aku sahajalah yang akan bertindak terhadap pendusta-pendusta ini dan terhadap orang-orang yang mempunyai kemewahan tetapi lupakan jalan kebenaran, kamu berilah tangguh kepada Aku sekejap."

Dalam tempoh dua tahun dalam sejarah, bumi Makkah yang begitu subur terus datang bala daripada Allah, kemarau bertahun-tahun sehingga keadaan ekonomi Makkah begitu tergugat. Saudagar-saudagar tidak lagi dapat menjual barang-barang mereka kerana kuasa membeli telah pun tidak ada di bumi Makkah. Akhir sekali, Abu Jahal yang angkuh itu tadi terpaksa membawa kabilah-kabilah Arab untuk pergi berniaga di *Madinatul-Munawwarrah* setelah mereka nampak bagaimana bukan sahaja kebenaran Islam itu subur di Makkah tetapi ketelusannya, amanahnya dan kebaikannya berlaku di bumi Madinah.

Sayangnya Abu Jahal membawa masuk dagangan ke *Madinatul-Munawwarrah* pada tahun kedua Hijrah dengan secara yang tidak baik dan secara jahat iaitu mereka menyeludup. Berlakulah penyeludupan yang dipimpin oleh Abu Jahal dengan barang dagangan untuk bawa masuk ke *Madinatul-Munawwarrah*. Sebaik sahaja Rasulullah mengetahui hakikat ini, Rasulullah menghantar para sahabat untuk pergi berunding tetapi keangkuhan Abu Jahal tetap angkuh dan mereka rasakan mereka satu kejayaan dan inilah titik awal di mana berlakunya Peperangan Badar sebagaimana yang kita tahu dalam sejarah Islam.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengingatkan diri saya dan juga kita semua sebagai ahli-ahli Dewan yang telah dimandatkan oleh rakyat untuk mencerikan atau memikul satu tanggungjawab dan amanah yang besar dalam masyarakat dan negara ini sama ada kita umat Islam lebih-lebih lagi ataupun orang bukan Islam. Kemanusiaan kita harus kita tingkatkan. Janganlah kita meracuni jiwa-jiwa kita yang baik ini dengan racun-racun yang lain, dengan pemikiran-pemikiran yang tamak haloba yang ada pada kita tanpa kita mempersoalkan sama ada itu sesuai atau tidak sesuai, halal atau haram, bercanggah dengan lunas-lunas kemanusiaan

ataupun tidak. Inilah yang perlu diketengahkan kerana walaupun berlaku di bumi Makkah ini, Allah SWT tetapi Allah itulah daripada dulu, sekarang dan Allah Qadim.

Inilah Tuan Yang di-Pertua dalam kesempatan ini dengan masa ada satu dua minit ini terutama sekali kepada Yang Berhormat sahabat saya daripada Menteri Kerja Raya ini. Pertama sekali ingin saya mengambil perhatian supaya Yang Berhormat Menteri melihat bagaimana kedudukan-kedudukan jalan antara Pekan Tawar di Baling melalui Kuala Ketil dan ke Sungai Petani yang dijangka untuk disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-10 ini. Begitu juga Jalan Baling ke Durian Burung Selatan Thailand yang masih terbengkalai sehingga hari ini. Yang ketiganya ialah bagaimana kedudukan jalan Baling ke Butterworth yang sekarang ini begitu pesat kedudukan lalu-lintasnya ataupun kenderaan-kenderaan tetapi keadaannya - keadaan jalan masih pada kedudukan yang lama.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya teringat kepada ucapan yang pernah disampaikan oleh bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini Tun Abdullah Badawi yang mengatakan bahawa kerajaan bersungguh-sungguh serius untuk membangun kawasan-kawasan di perbatasan Malaysia termasuklah kami di Baling, di Pengkalan Hulu dan sebagainya tetapi sampai hari ini kawasan-kawasan tersebut masih belum dibangunkan. Ini kerana kawasan-kawasan perbatasan ini kalau dapat dimajukan, saya yakin serta saya percaya hubungan kedudukan terutama sekali aliran ekonomi antara perbatasan di Selatan Thai dengan Malaysia dapat dirancarkan lagi atau dapat dipergiatkan lagi. Dengan itu setakat itu dahulu ucapan perbahasan ini dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Pasir Salak.

4.37 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian perbahasan Rang Undang-undang Belanjawan pada tahun 2012 ini dan terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi penghargaan dan juga tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu belanjawan yang saya kira telah mengambil pertimbangan yang sebaik mungkin bagi kepentingan negara dan rakyat kita Malaysia. Saya tidak percaya kalau ada mana-mana pihak meragui ke atas kejujuran dan niat baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal ini.

Walaupun mungkin ada perkara-perkara yang boleh diberi pandangan, diberi pendapat tetapi nawaitu penting di sisi Allah SWT. Niat itu penting walau apa pun kita tuturkan, gunakan ayat Al-Quran, firman Allah Taala, Hadis Nabi apa juga tetapi kalau niat tidak jujur, tidak ikhlas, ada maksud-maksud tertentu saya kira ianya tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Dalam hal ini kita tidak boleh tengok sama ada seseorang itu pemimpin besar atau pemimpin kecil atau seorang tokoh ulama atau tidak ulama kerana Allah sahaja yang mengetahui

nawaitu seseorang itu. Jadi saya ingin komen sedikit, sindiran-sindiran yang dibawa oleh Yang Berhormat Baling iaitu yang mengatakan bahawa... [*Dewan riuh*] Tolong diamlah, hendak bercakap. Kita sudah bagi peluang bercakap. Kalau tidak bagi peluang bercakap saya duduk. Tidak ada masalah. [*Dewan riuh*] Bila tegur sedikit sudah melenting, tegur sedikit melenting. Itu baru tegur perlahan-lahan. Ya atau tidak? Dia tegur orang boleh.

■1640

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada saya rasa niat untuk kita mengetepikan, lari daripada tuntutan Allah SWT dalam pembentangan bajet ini. Saya rasa kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan ianyalah yang telah meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi dalam negara kita ini. Walaupun banyak agama, berbagai-bagai agama kebebasan agama kita berikan kepada agama-agama lain. Akan tetapi agama Islam tertegak sebagai agama rasmi. Ini usaha siapa? Perjuangan siapa? Ini kalau hendak bercakap hal agama belum bercakap hal bajet lagi. Kalau hendak bercakap hal agama dan orang mungkin mengatakan bahawa itu mungkin di atas kertas. Pengisiannya, perjuangannya apa? Apa yang kerajaan Barisan Nasional telah buat untuk mengisi perjuangan Islam. Ini sepatutnya diperincikan dan dinilai. Kalau sekiranya terdapat kekurangan diberi pandangan.

Akan tetapi untuk menafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi, tetapi juga mengisi perjuangan itu dengan perjuangan Islam yang sejati. Apa dia perjuangan Islam yang sejati? Apa dia? Pertama sekali membebaskan bangsa ini daripada penjajahan. Kalau orang bukan Islam dia tidak faham, dalam Islam membebaskan satu hamba sahaya pun Allah Taala terima sebagai satu ibadah dan mendapat ganjaran. Inikan pula membebaskan satu umat. Umat satu bangsa, berbagai-bagai bangsa daripada penjajahan. Orang yang tidak menerima bahawa negara kita ini pernah dijajah dia buta sejarah. Dia tidak belajar sejarah.

Beberapa Ahli: Profesor...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah masalah. Itu hak mereka, hak mereka untuk mengatakan bahawa kita tidak pernah dijajah. Biar rakyat yang mengadili sama ada negara kita ini dijajah atau tidak. Pilihan raya akan datang yang akan menentukan. [*Sorak*] Siapa yang dipercayai oleh rakyat. [*Sorak*] Betul, betul. Tuan Yang di-Pertua, kita telah membebaskan satu bangsa, satu umat, inilah perjuangan Islam. Apa perjuangan Yang Berhormat Baling dalam membebaskan satu bangsa, satu umat? Apa perjuangan PAS? Apa perjuangan PKR yang baru ditubuhkan? Apa perjuangan DAP untuk membebaskan rakyat daripada penjajahan Inggeris? Tidak ada, daripada Jepun, daripada Bintang Tiga.

Seorang Ahli: Keluar tajuk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keluar tajuk. Tadi Yang Berhormat Baling cerita hal itu Madinah, Mekah apa semua tidak keluar tajuk. [*Ketawa*] Yang ini keluar tajuk. Porah! [*Ketawa*] Porah! [*Ketawa*] Porah! Ketua Wanita PKR. Jadi kita sudah melihat - kalau

berani dengar sahaja. Kalau berani dengar. Kalau buat bising itu pengecut namanya. *It is a coward* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, orang yang mengacau orang berbahasa *is a coward*. Pengecut! Dah saya seorang begitu ramai hendak kacau saya pengecutlah namanya. *[Ketawa]* *What about one to one?* Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya cukup marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak dia tidak perlu diganggu Yang Berhormat. Jangan diajuk dengan ucapannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya. Kalau - sabarlah. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sabarlah. Ini hendak berucap. Sijil pun tidak ada. Permit tidak ada, duduk, duduk.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: 54 tahun kita tunggu sudah sabarlah itu. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi selain daripada itu – sebelum pergi kepada bajet. *I can talk about budget, I can talk about economic but I want to comment.* Saya hendak komen tadi syarahan agama tadi. Syarahan agama itu. Saya hendak komen syarahan agama itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* diamlah dengar dahulu apa saya hendak komen.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ada permitkah?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Permit ada Tuan Yang di-Pertua bagi. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau boleh terima, dengar selain daripada membebaskan satu bangsa dan umat, saya cabar alim ulama untuk mengatakan bahawa perjuangan membebaskan umat itu bukan perjuangan Islam. Tolong datang seorang tokoh agama.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* bukan tokoh agama, duduk, duduk, duduk. *[Ketawa]* Yang Berhormat Shah Alam bukan tokoh duduk.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payah tokoh agama sudah boleh cabar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payah tokoh agama sudah boleh cabar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Permit pun tidak ada.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Berilah, tadi kata pengecut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: JAIS tidak mengiktiraf.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini *one on one*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi kata *one on one*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *One on one out side*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *Out side* pula. [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya. Di sini kita kena berbahas. Sebab masa tidak ada 15 minit. *You want to show the issue go outside. We can spend one day one night.* [Ketawa]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *I don't want to spend my days and night with youlah. Sorrylah.* [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itulah bercakap orang bodoh. Orang bodoh Tuan Yang di-Pertua. *No, I consider this injury time.*

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia? Patutlah tidak dapat permit. Bercakap macam orang bodoh tidak ada akal.

Seorang Ahli: Ha, ini mana boleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Selain daripada itu kita telah mengangkat martabat bangsa kita. Dalam bentuk apa? Dalam pendidikan, pengetahuan. Dahulu bangsa Melayu, bangsa India, bangsa Cina, berbagai-bagai bangsa di mana letaknya taraf ilmu pengetahuan kita. Melalui program pendidikanlah makanya dalam tempoh sekian lama kita telah mengangkat satu bangsa Malaysia yang berpengetahuan, berpelajaran, berkemahiran dan boleh mengurus serta mentadbir negara kita sendiri. Bukankah ini satu perjuangan Islam? Mengangkat satu orang yang berilmu dan tidak berilmu tidakkah sama? Satu bangsa yang tidak berilmu dengan satu bangsa yang berilmu tidak sama. Tuan Haji.. [Ketawa]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bangun lagi ini. Apa hal ini?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sebab panggil Tuan Haji. Saya Tuan Haji. Saya sudah naik haji. Tadi tanyakan. Boleh saya jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa hal ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, tidak saya tidak bagi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bagilah jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No.* Masa 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam sila duduk.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Okeylah. Lain kali janganlah tanya Tuan Haji. Tuan Haji saya bangun. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No.* Tidak kita perjuangan - saya ada sebut mengangkat martabat bangsa. Ini semua yang di depan ini kalau tidak kerana ilmu dan pengetahuan boleh duduk di sini?

Beberapa Ahli: Tidak boleh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kami pun tidak boleh duduk di sini kalau tidak kerana ilmu dan pengetahuan. Di mana datangnya ilmu dan pengetahuan ini? Daripada program pendidikan, pembelajaran yang dilaksanakan oleh kerajaan. Lagi apa dia perjuangan Islam? Perjuangan Islam ialah untuk...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa ini sekejap-sekejap bangun ini? Sudah gilakah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak. Sebab duk tanya soalan, saya hendak jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Are you mad?*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tanya soalan saya hendak jawab Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Are you mad?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biar Menteri jawab Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *Are you mad.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia? *No, I'm not* - saya tidak takut dengan cabaran itu tetapi masa suntuk.

Seorang Ahli: Bagi sahajalah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* tidak tahu. Tanya Yang Berhormat Gombak ini. Kita bukan hendak bercakap besar, jangan hendak – *[Ketawa]* nanti kita bercerita cakap kita bercakap besar. 10,000 kalau *you* letak depan ini saya tidak takut. Betul. *You* tanya Yang Berhormat Gombak, tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang. *You* tidak wujud pun dalam politik Malaysia ini. *[Ketawa]* Betul saya cakap. 30,000 pun letaklah. *You* jangan hendak acah dengan tiga, empat orang sepuluh orang, 20 orang. *You pick the wrong guy you know.*

Beberapa Ahli: Ya, ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengangkat martabat umat ini melalui program pendidikan. Hari ini negara kita buat jalan, buat

jambatan, buat kereta, buat bangunan, buat segala-galanya, semuanya diuruskan oleh bangsa kita sendiri yang tidak mampu dilakukan semasa dahulu sebelum kita merdeka. Bukankah ini satu perjuangan besar. Siapa boleh kata bahawa perjuangan ini tidak di - *insya-Allah* tidak diterima oleh Allah SWT. Siapa berani cakap? Saya hendak tanya. Ini perjuangan ini *insya-Allah* kita doakan kepada Allah SWT supaya diterima sebagai amal ibadah kita.

■1650

Apa yang menjadi masalahnya yang hendak *diconfusekan* dibawa cerita dalam konteks yang salah.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Pasir Salak, sedikit sahaja sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no.* Duduk.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Mana-mana kerajaan pun buat, China pun buat, Vietnam pun buat, Thailand pun buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, sekarang saya hendak masuk tajuk ekonomi.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yalah, tidakkan hendak bagi orang tampar-tampar kita. Kita pun bukannya anak-anak hendak ditampar. Betul tidak? *You all* ingat boleh tampar-tampar kita? Ingat kita tidak ada tuankah? Dengar sahaja dia bercakap suka hati dia sahaja. Bukan ini khutbah Jumaat kalau tidak boleh jawab. Ini dalam Dewan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini lebih kurang macam khutbahlah [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya selain daripada mengucapkan tahniah saya juga ada sedikit sebanyak pandangan yang ingin saya berikan. Satu daripadanya ialah dari segi pelaburan untuk terus menjana ekonomi negara kita ini. Pelaburan FDI kita perlukan tetapi sebagaimana yang kita tahu dalam keadaan negara atau dunia pada hari ini krisis ekonomi di peringkat global, kita tidak boleh terlalu bergantung kepada FDI sebab ada persaingan yang begitu hebat di antara negara-negara di dunia ini untuk mendapatkan FDI yang begitu terhad dalam ekonomi global yang tidak menentu ini.

Jadi dengan sebab itu strategi yang paling penting ialah bagi kita melihat kepada *domestic investment* (DDI) ataupun pelaburan dalam negara. Saya percaya Malaysia ini mempunyai pelabur-pelabur yang mempunyai kewangan yang begitu besar yang bersedia untuk melabur dalam berbagai-bagai projek dan mereka kalau dibenarkan, diluluskan akan membantu menjana ekonomi negara kita ini dengan lebih hebat sekali. Jadi yang menjadi masalah saya

harap teguran yang ikhlas daripada saya ialah dari segi kelulusan, dari segi pertimbangan oleh pihak kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi yang berkenaan.

Kita ada GTP di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan perubahan ingin melihat jentera kerajaan menjadi lebih efisien, lebih cekap. Namun begitu masih lagi ada terdapat birokrasi terdapat *red tape* yang menjejaskan pelaburan untuk mendapat kelulusan secepat mungkin dan dilaksanakan bagi menjana ekonomi negara. Jadi saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk melihat kepada ketua-ketua jabatan, untuk melihat kepada peringkat bawahan, setiausaha-setiausaha bahagian, pegawai-pegawai pelaksana supaya benar-benar memahami cita rasa ataupun kehendak kerajaan untuk memacu ekonomi negara kita ini sebagaimana yang telah disasarkan. Peranan mereka itu perlu kita dapatkan sebaik mungkin. Ini dari segi pelaburan.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan sekali lagi iaitu di peringkat luar bandar. Pelaburan daripada luar negeri FDI mahupun DDI perlu kita salurkan ke luar bandar bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang perniagaan dan sebagainya. Jikalau hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu maka jurang di antara luar bandar dengan bandar tidak akan dapat diselesaikan.

Oleh sebab itu kita lihat pada hari ini produktiviti di luar bandar, tenaga kerja di luar bandar produktivitiya begitu rendah sekali sama ada lelaki ataupun perempuan, sama ada muda ataupun tua, sama ada mereka mempunyai pekerjaan yang tidak begitu memberikan produktiviti, tidak memberikan pulangan dari segi pendapatan yang lumayan. Ramai daripada mereka yang tidak punyai pekerjaan yang tetap, pendapatannya tidak menentu dan ini perlu kita beri perhatian.

Saya kira memang pelabur-pelabur dari luar mungkin tidak begitu minat untuk pergi ke luar bandar tetapi bagaimana dengan pelabur-pelabur daripada dalam negeri kita ini? Mereka mengetahui bahawa luar bandar kita pada hari ini sudah mempunyai infrastruktur yang lengkap, yang cukup untuk melaksanakan apa juga projek ekonomi, projek perindustrian, kemudahan dari segi air, api, jalan dan sebagainya. Semuanya cukup. Jikalau jauh pun dari pelabuhan keadaan jalan raya dibina begitu cantik tidak menjadi masalah untuk mengangkut barang keluaran daripada luar bandar ke pelabuhan-pelabuhan ataupun ke lapangan-lapangan terbang.

Kos penghantaran boleh di*offset*kan dengan kerendahan dari segi perbelanjaan ataupun operasi kos (*cost operation*) pengilangan atau perindustrian di luar bandar jauh lebih rendah dibandingkan kalau ia di Lembah Kelang ataupun di Johor Bahru sahaja, ataupun di Pulau Pinang. Kos dari segi perjalanan kilang ataupun industri itu jauh lebih rendah. Perumahannya, makanannya, gaji pekerjaanya semuanya murah berbanding mungkin 30% lebih rendah daripada kos operasi di kawasan-kawasan bandar seperti Lembah Klang dan sebagainya ini.

Jadi apa sebabnya yang menjadi kemusykilan kepada saya yang tidak boleh pihak pelabur ini didorongkan kepada kawasan luar bandar yang saya lihat pertumbuhannya begitu lambat sekali. Jikalau ini dapat kita lakukan *insya-Allah* maka kita akan mencapai satu

transformasi luar bandar sebagaimana yang diharapkan ataupun yang disasarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inilah caranya saya kira kalau kita hendak melonjakkan, meningkatkan pendapatan luar bandar kepada satu pendapatan tinggi pada tahun 2020 sama tahapnya dengan pendapatan mereka di bandar-bandar. Jangan nanti penduduk di bandar pendapatannya tinggi manakala pendapatan di luar bandar rendah. Kita tidak hendak mahu wujud keadaan yang begini. Kita mahu keadilan diberikan kepada kedua-dua sektor sama ada luar bandar ataupun bandar. Bagaimana caranya kalau kita tingkatkan daya produktiviti mereka, peluang pekerjaan yang baik kepada mereka dan sebagainya. Ditingkatkan juga dari segi kemahiran dan latihan untuk mereka.

Pada hari ini saya seorang Melayu, saya berasa sedih apabila membaca satu artikel di dalam akhbar dalam ruang hiburan, seorang *writer* yang memberi komen tentang filem-filem hantu. Dia kata filem-filem hantu yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar filem tidak ada kualiti bukan ada dari segi sainskah, dari segi rasionalkah, cuma untuk bagi sedap ditonton dan sebagai hiburan sahaja. Tidak ada pengajaran, tidak ada apa yang dapat ditimba daripada menonton filem hantu itu. Akan tetapi yang menjadi masalah, menyedihkan yang saya juga turut sama sebagaimana yang ditulis oleh penulis itu kebanyakan yang menonton ini orang Melayu, anak-anak muda Melayu.

Katanya inilah menggambarkan kualiti pemikiran anak-anak Melayu yang hanya melihat kepada filem-filem yang berkualiti rendah dan kerendahan itu melambangkan kerendahan dari segi keadaan budak-budak kita sendiri. Ini tidak membawa kepada satu ketamadunan, kemajuan kalau sekiranya ini merupakan satu tahap kualiti yang ada pada bangsa kita.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita perlu membuat sesuatu bagi mengubah kalau kita bercakap soal transformasi ini, transformasi bukan sahaja dari segi ekonomi, pendapatan tetapi juga transformasi dari segi budaya, jati diri dan juga nilai-nilai hidup di kalangan rakyat kita sama ada Melayu, India, Cina ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang tidak begitu banyak lagi tinggal saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan dua, tiga perkara berhubung dengan kawasan saya sendiri.

■1700

Pertamanya iaitu kita ingin melihat projek menaik taraf pengairan Sungai Manik untuk meningkatkan produktiviti petani-petani padi di sana dilaksanakan dengan jayanya. Dahulu saya telah bercakap di dalam Dewan ini dan mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan sebanyak RM130 juta untuk pelaksanaan projek itu. Akan tetapi malangnya, saya diberitahu bahawa duit ataupun peruntukan yang sebenarnya setakat hanya RM70 juta. Kita dapati disebabkan kekurangan peruntukan ini, makanya projek itu telah dilaksanakan dengan begitu tidak memuaskan sama sekali.

Banyak petani-petani mengadu kepada saya, air tidak masuk sawah, air masuk sawah pada masa yang tidak tepat dan pelbagai masalah di mana kontraktor-kontraktor membuat kerja-kerja sambil lewa sahaja, tidak mengikut *spec*, tidak mengikut standard yang ditentukan dalam dokumen-dokumen tender. Inilah menyebabkan satu contoh pelaksanaan projek yang mempunyai niat yang baik di pihak kerajaan tetapi apabila sampai kepada pelaksanaan, ia tidak mencapai matlamat sebagaimana yang diharapkan.

Jadi di sini, di Dewan yang mulia ini sekali lagi saya menuntut dan meminta serta merayu bagi pihak petani Sungai Manik yang menjadi sebuah jelapang padi yang telah lama berjasa kepada negara kita ini, iaitu mintalah kepada kerajaan untuk memberikan peruntukan secukupnya. Pada masa ini mungkin kosnya telah bertambah tinggi sebab kenaikan harga barang-barang dan sebagainya. Jadi, saya tidak tahulah sama ada RM130 juta masih cukup atau perlu lebih daripada itu. Akan tetapi sebagai wakil rakyat, yang saya inginkan bukannya jumlah wang, yang saya inginkan ialah satu projek pengairan yang efisien, yang cekap, yang boleh membantu meninggikan produktiviti petani-petani supaya pendapatan mereka juga dapat ditingkatkan.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedang membantu generasi kedua FELCRA dan orang-orang kampung di Changkat Lada, Seberang Perak, dalam kawasan saya dalam masalah membina rumah-rumah untuk mereka. Saya telah pun mendapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri sebelum pilihan raya 2008. Kalau selepas pilihan raya 2008 yang lalu, mungkin tidak dapat, 11 bulan itu tidak dapatlah. Akan tetapi sebelum itu, saya telah dahulukan usaha saya, saya telah dapat 400 ekar tanah di Changkat Lada, Seberang Perak, DUN Kampung Gajah, Parlimen Pasir Salak untuk memberikan lot-lot perumahan kepada generasi kedua FELCRA seramai 1,500 orang. Sebanyak 1,500 lot untuk 1,500 orang generasi kedua.

Bagi memastikan mereka ini mendapat tapak rumah yang luas, kita dengan persetujuan Pejabat Daerah tempoh hari telah mendapat persetujuan setiap lot kita berikan satu banglo lot seluas 5,400 kaki persegi. Kalau di Kuala Lumpur ini harganya mungkin RM2 juta atau RM3 juta, tetapi di Changkat Lada, Seberang Perak, ia berharga jugalah RM30,000 atau RM40,000. Akan tetapi kerajaan kita kerajaan yang pro rakyat, prihatin kepada rakyat, hanya dikenakan bayaran minimum sahaja, beberapa ratus ringgit. Inilah saya rasa yang kita buat.

Akan tetapi untuk memastikan projek ini berjaya Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai contoh pilot projek yang ingin saya ketengahkan untuk membantu generasi kedua FELCRA di seluruh negara di mana kos pembinaan rumah-rumah ini amatlah mencabar sekali. Ini kerana ia melibatkan kos bukan sahaja pembinaan rumah, tetapi juga infrastrukturnya sekali. Kalau dikenakan harga yang mengandungi semua kos ini, ianya membebankan kepada rakyat.

Jadi saya memohon kepada Kementerian Kewangan supaya mempertimbangkan bukan sahaja rumah-rumah yang dibina oleh SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) itu diberikan RM20,000 setiap satu rumah sebagai subsidi atau bantuan, saya juga ingin mencadangkan

bukan sahaja kepada generasi FELCRA tetapi juga kepada semua projek perumahan rakyat di seluruh negara demi kepentingan untuk rakyat yang miskin ini terutamanya di luar bandar. Maka kalau boleh, kerajaan juga memberikan bantuan sebanyak RM20,000 ataupun beberapa ribu yang mencukupi untuk membiayai kos infrastruktur seperti jalan, parit, bekalan air dan sebagainya yang juga sama banyaknya, sama mahalnyanya dari harga membina rumah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa lagi inisiatif-inisiatif untuk membantu rakyat yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan nasional sama ada di negeri ataupun di pusat. Akan tetapi selalu kita mendapat kritikan mengatakan bahawa kita tidak mementingkan rakyat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita juga mendengar ada pihak-pihak tertentu yang pergi ke kawasan-kawasan FELDA dan FELCRA menjual borang-borang RM10 kepada orang-orang yang dijanjikan akan dapat tanah daripada Tanah Rancangan FELCRA dan juga daripada Tanah Rancangan FELDA kalau mereka berjaya membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya ke-13 yang akan datang ini.

Saya merasa hairan. Kalaulah puak-puak ini begitu prihatin – dan mereka ini seolah-olah mewakili satu badan parti politik yang sudah pun membentuk kerajaan di negeri-negeri tertentu. Kalaulah mereka betul-betul prihatin untuk membantu mereka yang tidak bertanah untuk mendapat tanah dalam bentuk tanah rancangan, hendak ditanam kelapa sawit atau getah, mengapa tidak dimulakan di negeri Kelantan?

Di negeri Kelantan mempunyai tanah beratus ribu hektar. Mengapa tanah-tanah ini tidak dibuka menjadi ladang-ladang rakyat dan diberikan kepada orang-orang kampung? Tidak kiralah orang Kelantankah, orang Perakkah, orang Selangorkah, kerana FELCRA dan FELDA pun pesertanya bukan orang Perak sahaja ataupun di Pahang bukan untuk orang Pahang sahaja. Kita terima peserta daripada semua negeri untuk menjadi peserta dan mereka mendapat tanah lima ekar, enam ekar, 10 ekar. Mengapa tidak buat oleh kerajaan PAS di Kelantan yang sudah memerintah lebih 20 tahun? Hendak tunggu menang pilihan raya akan datang baru hendak buka, hendak rampas tanah FELDA, tanah FELCRA hendak beri kepada orang ramai. Mengapa sekarang tidak bina? Saya pun hairan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya. Saya gulung. Ini berlaku. Mengapa? Hari itu saya sudah sebut, saya beri balik 10,000 ekar tanah FELCRA kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Minta sangat. Ugut, ugut. Tidak beri, ugut masuk kawasan FELCRA hendak kutip buah sendiri, hendak bergaduh dalam kawasan FELCRA. Kita tidak laratlah hendak bergaduh-gaduh macam itu, bergaduh dalam Parlimen bolehlah. Betul tidak? Beri balik 10,000 ekar yang mereka tuntutan, tetapi sampai hari ini 10,000 ekar itu berdemonstrasi rakyat Kelantan bertanya mana tanah itu. Mengapa tidak diberi kepada rakyat sampai hari ini?

Jadi ini yang menjadi masalah. Bersyarah bukan main lagi, perjuangan Islam ad-din, perjuangan membela ummah, perjuangan itu, macam-macam, keadilan. Syarahan itu tuju ke sebelah sana dahulu sebelum tuju ke sebelah sini. Betul tidak? Hendak mengingatkan... *[Disampuk]* Sudah keluar pun. Jadi inilah yang menjadi masalah. Itu saya kata tadi, kalau betul-betul prihatin, buatlah. Mengapa hendak tunggu bila menang pilihan raya pula? Mungkin tidak menang, sudah tidak dapat.

■1710

Sekarang ini tengah menang di Kelantan itu buatlah! Tengah menang di Selangor buatlah! Saya hendak bagi tahu tadi puji sangat kerajaan Selangorlah, kerajaan Kelantanlah, Kedahlah. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Gombak, tadi sebut nama saya kan? Akan tetapi usik sikit-sikitlah. Sekarang saya usik sikit. Saya dapat *feedback* laporan balas daripada rakan-rakan saya daripada peniaga-peniaga, bukan Melayu tahu? Orang bukan Melayu.

Di Selangor sudah berkali-kali ini kerajaan Pakatan Selangor hancur dia kata. Pilihan raya akan datang. Eh! Saya kata pasal apa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia kata pasal apa? Saya kata eh! Janganlah macam itu. *[Ketawa]* Saya – janganlah dibuat macam itu. Saya dengar bagus kerajaan ini.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Itu peniaga Cina MCA.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidaklah tidak guna. *[Dewan riuh]*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Itu Cina MCA.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia kata kelulusan, hendak kelulusan...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Itu Cina MCA!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hendak dapat kelulusan...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ada menangis tidak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Enam bulan tidak cukup...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menangis, menangis.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Setahun tidak lulus.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Tidak ada, tidak ada itu, reka itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Gombak, tolonglah ambil alih cepatlah. Ya tidak? Tidak adil macam ini. Jadi cakap ini yang duduk di Parlimen bukan berniaga, bukan buat *business*. Boleh bercakap sana sini berceramah, cuba pergi majukan satu projek untuk bina satu perumahan kah, satu perindustrian kah. Tengok berapa lama boleh dapat kelulusan. Menteri Besar semua dia hendak tengok, semua fail dia hendak tengok. Eh! Tahu

tidak? Ini Yang Berhormat Gombak setuju, dia pun menunggu masa sahaja hendak ambil alih itu. Akan tetapi, tidak boleh cakap bising-bising ya tidak? Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah usik sikit-sikit cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, saya usik sikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi itulah saya ingat ini bab kroni-kroni jangan bangkit lagilah. Sebab kalau saya – malas saya hendak cakap bab kroni. Esok kalau saya buka dia cacing tahu? *It's a* apa orang kata apa? Dia ada tutup itu. Kalau buka dia banyak cacing di bawah itu dan termasuklah di sebelah sana. Itu yang teruk itu. Saya lama 30 lebih tahun.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan-tuan tidak tahu, kita sudah tahu sangat politik di sebelah sana itu. Jangan sebut bab kroni ini. Saya UMNO, saya tidak ada kroni siapa. *You think I'm a crony to anybody?* *[Dewan riuh]* Tidak ada kroni-kroni. Nanti saya cakap satu, ini kroni si anu. Ini kroni si anu. Susahlah kan. *[Disampuk]* Tidak ada timbul, tidak wujud bab kroni ini, tidak ada. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib tidak ada kroni. Ini Kabinet-kabinet tidak ada kroni.

Saya hendak tanya, itu kroni apa? Buat universiti berapa puluh universiti. Yang pergi belajar berpuluh ribu setahun. Anak siapa yang pergi? Anak siapa? Anak Dato' Najib kah? Anak Timbalan Perdana Menteri kah. Yang pergi itu anak saudara-saudara, tuan-tuan Yang Berhormat semua. Ini anak buah semua pergi. Betul tidak kawasan masing-masing, beratus-ratus pergi ke universiti. Kroni siapa itu, kroni *you* lah! Kroni sebelah pembangkanglah. Jadi, sekian terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong.

5.13 ptg.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Terlebih dahulu saya bercadang untuk merakamkan lafaz takziah kepada keluarga Biduan Negara, Allahyarham Datuk Ahmad Jais. Walaupun jasadnya yang pergi akan tetapi lagu-lagu dan juga seni muzik yang ditinggalkan oleh Allahyarham sentiasa menusuk hati kita.

Saya dan arwah bapa saya pun merupakan peminat kepada Datuk Ahmad Jais. Lagu-lagu seperti Di Ambang Sore, Budi Setahun Segunung Intan, Kucupan Azimat, kalau masih ingat

Mengharap Sinar, Menelan Kabus. Kalau tidak silap itu. Juga tidak ketinggalan lagu Selamat Hari Raya pun. Jadi semoga Allahyarham dicucuri, diletakkan pada orang kumpulan yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk kepada perkara-perkara yang spesifik, terlebih dahulu saya ingin menangkap sedikit *snap short* yang sempat saya kumpulkan setelah menelaah bahan-bahan bacaan yang diedarkan kepada semua Ahli Parlimen. Persepsi pertama saya ialah sementara Perdana Menteri menggalakkan semua pemimpin negara supaya kita tidak cuma menumpukan semua rancangan pembangunan kepada kawasan luar bandar, akan tetapi dengar ura-ura ramai juga Menteri Besar Barisan Nasional yang memperkatakan bajet ini ialah satu bajet orang kampung.

Tidak tahulah, itu yang berkumandang semasa Majlis Mesyuarat Raja-Raja semalam. Terdapat juga satu kutipan saya mengenai golongan pertengahan yang mendapat pendapatan keluarga yang tidak melebihi RM3,000 yang akan diberikan sumbangan RM500 sekali gus. Walaupun itu ialah satu gagasan yang prihatin namun setakat ini masih kita belum diberikan maklumat mengenai mekanisme bagaimana definisi keluarga sebegitu akan dikategorikan dan juga akan didaftarkan supaya wang sumbangan itu dapat disampaikan ke dalam tangan mereka tanpa ianya tercipir pada orang-orang yang tidak berhak menerimanya.

Kedua pula dari segi Jaksa *position*. Kalaulah rancangan perumahan pertama yang bernilai RM400,000 itu ditujukan kepada kumpulan yang lebih kurang sama, katakan dalam sesuatu keluarga itu hanya mendapat seorang sahaja pencari rezeki, jadi bagaimana pula golongan dengan pendapatan RM3,000 sebulan. Bagaimanakah mereka mampu untuk membeli rumah RM400,000 sedangkan mereka ialah kumpulan yang akan diberikan sumbangan sumbangsih RM500itu.

Jadi saya kata itu ialah satu Jaksa *position* yang agak mendatangkan konflik. Saya juga tidak tahu bagi mereka yang bermastautin di kawasan bandar seperti di Lembah Klang, bagaimana pula kepada mereka ataupun keluarga yang mendapat rezeki tidak lebih RM3,000. Katakan RM3,000.10. Adakah mereka dianggap sebagai orang kaya yang miskin ataupun orang miskin yang kaya. Ini kerana mereka tidak tergolong dalam golongan yang akan diberikan sumbangan RM500 itu. Jadi itu ialah polemik yang saya dapat kutip menerusi teras-teras untuk belanjawan untuk tahun akan datang.

Dalam pada itu dari segi pemberian kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah jenis kebangsaan Tamil yang masing-masing diberikan sumbangan RM100 juta. Saya rasa ini tidak membayangkan bilangan dan nisbah sekolah-sekolah SJK(C) dan juga SJK(T) yang ada di sini. Saya diberitahu nisbah di antara SJK(C) dan SJK(T) lebih banyak sekolah SJK(C). Lebih kurang sekolah SJK(T) dalam lingkungan lima kali ganda.

Jadi kalau kedua-dua cabang persekolahan itu diberikan RM100 juta *average* maka maksudnya wang yang akan disalurkan kepada SJK(T) memanglah akan jauh melebihi bilangan yang akan menikmati sumbangan itu di kalangan SJK(C). Saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua,

supaya kategori yang sedang diguna pakai sekarang seperti sekolah bantuan penuh dan juga sekolah bantuan modal dihapuskan sekali gus.

Oleh kerana saya rasa kalaulah kita sempat untuk menjadikan negara kita untuk mengamalkan persekolahan percuma terus dari sekolah rendah ke sekolah menengah, adalah baik kalaulah dasar yang berunsur diskriminasi itu yang mengasingkan sekolah-sekolah Cina kepada sekolah bantuan penuh dan bantuan modal itu dapat dikikirkan terus menerus.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin hendak pandangan Yang Berhormat. Perdana Menteri telah mengumumkan RM100 juta diberi kepada SJK(T), SJK(C) dan juga SABK dan juga sekolah-sekolah mubaligh. Akan tetapi, tiada sebarang peruntukan diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1720

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Bagi saya itu ialah sifat diskriminasi. Itu sahaja. Saya harap ucapan Yang Berhormat dapat dimasukkan ke dalam ucapan saya juga. Satu perkara lagi yang sempat saya ungkapkan daripada bahan-bahan bacaan itu ialah mengenai dasar 'pergolongan' dana sebanyak RM2.1 bilion di bawah rancangan Amanah Ikhtiar Malaysia. Itu ialah satu gagasan yang baik. Akan tetapi dan sayang sekali kerana pengambilan dan juga peruntukan Amanah Ikhtiar Malaysia itu masih berteraskan ras dan kaum. Agaknya ia bertentangan sama sekali dengan hasrat-hasrat 1Malaysia. Saya harap Menteri Kewangan dapat ambil perhatian dan berprihatinlah tentang perkara ini.

Snapshot yang terakhir yang sempat saya ambil ialah perasan resah gelisah di antara Pergabungan Pengusaha-pengusaha Kedai Runcit Se-Malaysia menerusi pengerusinya Encik Lian Sing Chuan yang mengatakan rancangan Kedai Rakyat 1Malaysia yang akan mendapatkan sumber barang-barangan mereka menerusi *Mydin Supermarket* itu akan membawa cabaran yang begitu besar kepada semua pengusaha kedai-kedai runcit yang tradisional.

Mereka itu seramai 50,000 pekedai yang seumpama itu. Antara itu terdapat tidak kurang daripada 20,000 ialah pekedai-pekedai barang runcit tradisional yang datangnya dari kaum orang-orang Cina. Jadi, saya sebagai seorang wakil rakyat daripada Jelutong yang banyak pertubuhan-pertubuhan seperti kedai-kedai runcit tradisional orang Cina, saya cuma membawakan aspirasi mereka supaya ia dapat didengari oleh semua penggubal dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada teks ucapan Menteri Kewangan *paragraph* yang ketujuh yang mengatakan bahawa dan saya petik. "*Pelaburan langsung asing (FDI) berkembang enam kali ganda kepada RM29 bilion pada tahun 2010. Mencatat pertumbuhan yang tertinggi di Asia.*"

Saya waswas dengan gagasan begitu oleh kerana kalaulah saya sempat menunjukkan laporan daripada UNDP iaitu *ESCAP 2011* yang diterbitkan hanya dua bulan yang lepas, pada bulan Ogos yang mengatakan FDI itu bukanlah sesuatu yang wujud secara tunggal. Oleh kerana

saya petik muka surat nombor 11 pada dia punya prakata. Dia kata *“Trade is closely linked with Foreign Direct Investment (FDI). In the past in flows to Asia Pacific countries came from develop countries but currently an increasingly larger proposition is coming from other countries in the region. Notably China, India, Malaysia, the Russian Federation and Singapore as this country have companies that can offer much needed investment and technological expertise to lower income countries”*.

Walaupun kita puas mendengar *jokes* dan sebagainya daripada Yang Berhormat Pasir Salak akan tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi adalah betul. Ini kerana dia mengatakan ada dua bentuk pelaburan. Pertama ialah pelaburan terus daripada luar negeri dan satu lagi pelaburan *direct*, secara langsung daripada dalam negeri.

Gejala di mana Malaysia telah menjadi satu negara yang mantap ekonominya di mana modalnya telah mengalir keluar dalam bentuk *capital flight* dan syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai keupayaan pelaburan dan juga pengalaman dan kepakaran teknologinya mengalir keluar daripada Malaysia. Ini menunjukkan peluang untuk *Domestic Direct Investment (DDI)* ke dalam Malaysia itu akan terjejas, tergugat.

Jadi, saya harap Menteri Kewangan dapat mengambil teladan daripada apa yang dikatakan oleh saya dan juga Yang Berhormat Pasir Salak supaya berhati-hati apabila mengambil unsur-unsur yang ‘diperkirakan’ dalam olahan belanjawan seperti ini. Saya ingin merujuk kepada laporan *ESCAP* yang sama, muka surat empat, yang telah mengukir tentang *“Real GDP trends in selected Asian developing economies”* antara tahun 2008 hingga 2010.

Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih jauh di belakang *Republik of Korea*, Singapura dan juga Thailand sebagai sebuah negara yang mantap dari segi pertumbuhan GDP. Satu lagi laporan *ESCAP* ini menunjukkan trend dalam bidang eksport di ekonomi-ekonomi terpilih di Asia, antara tahun 2008 sehingga Februari 2010. Jelas sekali Malaysia terletak pada tahap yang ke tujuh dari segi kemantapan kita di belakang negeri China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, *Republic of Korea* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kluatir sekiranya andaian yang telah menjadi pengasas kepada perkiraan belanjawan kita itu tidak mengambil kira tentang kebarangkalian wujudnya akan *slowdown* dalam pertumbuhan ekonomi. Dalam laporan yang sama yang dibekalkan oleh *UNDP ESCAP* yang mengatakan, *“kalaulah terdapat satu slowdown kerana berlakunya malapetaka di Jepun ekoran gempa bumi dan juga kebocoran nuklear di Fukujima, 1% point slowdown di Jepun relatif dengan based line growth akan mengakibatkan 0.1% point slowdown di negara-negara membangun di Asia Pasifik secara keseluruhannya.”* Ini tidak boleh tidak akan melibatkan Malaysia dan impak negatif yang akan melanda Malaysia adalah di belakang Singapura, Indonesia akan tetapi kita mendahului Thailand dan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua saya sengaja mengutip semua laporan daripada *UNDP ESCAP* yang baru, yang terkini kerana saya khawatir tentang apa yang dilaporkan dalam makalah ini anggaran hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2012, muka surat tujuh yang mengatakan, “*kita akan mempunyai hasil yang agak lumayan untuk menjana bilangan atau kuantum belanjawan yang begitu banyak, yang jauh melebihi kuantum yang telah diperuntukkan pada tahun semasa.*”

Kebarangkalian akan terjadi dan menggugat jejas ketiga-tiga andaian telah disebut dalam anggaran hasil kerajaan untuk tahun depan. Terdapat tiga andaian. Andaian pertama ialah belanjawan untuk tahun 2012 dianggarkan berjumlah RM186.9 bilion itu adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak lima hingga enam persen dalam tahun 2012.

Andaian yang kedua, jangkaan purata harga minyak mentah tapis yang lebih tinggi daripada tahun ini iaitu sebanyak USD110 setong berbanding USD108 setong dalam tahun semasa. Andaian ketiga, dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM2.8 bilion.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir sebab andaian pertama dan juga andaian kedua saya rasa oleh kerana ekonomi dan juga pertumbuhan ekonomi negara berpautan dengan ekonomi global, jadi kita terdedah pada kebarangkalian yang bukan dalam kawalan kita. Pertama ialah pertumbuhan GDP. Kedua ialah jangkaan purata harga minyak mentah. Saya ingin petik maklum balas daripada sebegitu ramai sekali *economists* daripada bank-bank terulung di seluruh dunia. Umpamanya, *Merrill Lynch Bank of America* telah mengatakan GDP untuk Malaysia pada tahun ini hanya setakat 4% dan untuk tahun hadapan 2012 hanya sebanyak 4.2%. Unjuran daripada *United Overseas Bank* (UOB) Singapura meletakkan GDP pertumbuhan ekonomi bagi Malaysia pada tahun ini, 2011 hanya setakat 4.8%. Malah, untuk tahun hadapan, 2012, hanya setakat 4.9%.

Kesemuanya di bawah daripada andaian Menteri Kewangan kita yang meletakkan pertumbuhan kita antara 5% hingga 6% untuk tahun hadapan. *Goldman Sachs* hari ini pun telah mengeluarkan unjuran mereka, pertumbuhan ekonomi untuk Malaysia pada tahun hadapan hanya diletakkan 4.2% sama dan sekata dengan, *Merrill Lynch Bank of America*. Oleh yang demikian, saya khawatir kalaulah kita hanya membuat satu andaian dan andaian itu banyak terdedah pada kebarangkalian dan juga *the variables* yang tidak dalam kawalan kita, saya khawatir kita tidak akan tercapai matlamat yang begitu.

Saya memetik juga daripada soalan cendekiawan yang telah mengirimkan satu e-mel kepada saya dan dia mengatakan kalaulah terjadinya rombakan perubahan oleh kerana andaian itu tidak dapat berpangkalan dengan tegas, maksudnya kita juga akan dilanda mendapan defisit belanjawan yang lebih tinggi dan defisit kita mungkin tidak sejajar dengan apa yang telah diunjurkan oleh Menteri Kewangan yang meletakkannya pada 4.7% daripada GDP.

Kebarangkalian yang telah diambil kira oleh cendekiawan yang mengutus e-mel kepada saya, dia kata, dia pilih tiga senario.

Kalaulah terdapat penurunan unjuran GDP nominal untuk tahun ini dan tahun hadapan pada kurangnya 1% ataupun kurangnya 1.5% ataupun kurangnya 2.0% dalam tiga senario, ini akan mendatangkan gejala. Kalaulah senario yang pertama yang mana terdapat *decrease in nominal GDP projection* sebanyak -1%, maksudnya kita punya *projected nominal GDP* untuk tahun hadapan hadnya sebanyak RM902 bilion dan defisit itu ialah boleh diambil kira sebagai RM48 bilion. Ini bermaksud kita punya defisit sebagai satu peratusan GDP akan meningkat daripada 4.7% sebagaimana yang diunjurkan oleh Menteri Kewangan yang akan naik pada 5.3%. Itulah saya hendak kata. Kalaulah belanjawan itu merupakan satu permainan statistik, saya ingin mengutip kata-kata hikmat daripada Benjamin Disraeli; *there is always lies, damned lies and statistics*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk pada satu perkara lagi yang saya rasa kalaulah Malaysia ingin menggalakkan FDI ke mari, masuk ke Malaysia, saya rasa ada tiga perkara yang harus kita buat. Saya rasa di Malaysia walaupun kita tekadkan hati hendak mengurangkan ataupun membasmi kejadian rasuah, namun begitu, kita tidak begitu berjaya. Ini disebabkan terdapat banyak skandal yang berlaku. Ada skandal yang dieksport. Ada skandal yang diimport dan ada juga skandal yang bermaharajalela dalam domestik.

Saya terdengar di sini yang mana mengikut laporan akhbar yang telah mengatakan bahawa pihak berkuasa India telah memfailkan kes terhadap Ananda Krishnan dan juga Ralph Marshall bersama seorang bekas Menteri Telekomunikasi negara di India dan adiknya berhubung tuduhan konspirasi jenayah membabitkan urusan telekomunikasi Maxis, Aspro dan Sun TV dari India. Saya rasa itu bukanlah satu gejala yang boleh membanggakan reputasi kerajaan kita ataupun nama baik Malaysia. Saya mintalah kerajaan buat juga siasatan dalaman supaya nama baik Malaysia terus berkumandang di seluruh dunia dan tidaklah skandal-skandal sedemikian dieksport ke India.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga satu skandal rasuah yang melibatkan *Alcatel-Lucent* yang mana seorang bekas pekerjanya didakwa memberikan sogokan kepada seorang pegawai Telekom Malaysia (TM) lima tahun yang lepas. Kes ini sedang diuruskan di mahkamah tetapi menurut laporan akhbar ia mengatakan syarikat Amerika *Alcatel-Lucent* telah bersetuju untuk membayar lebih daripada USD137 juta untuk menyelesaikan tuduhan-tuduhan Amerika Syarikat bahawa ia membayar berjuta-juta dolar dalam bentuk rasuah kepada pegawai-pegawai asing untuk memperoleh *business* di Amerika Selatan dan Asia termasuk Malaysia, Telekom Malaysia. Itu ialah apa yang saya ibaratkan sebagai skandal yang diimport.

Terdapat juga skandal yang berkumandang di dalam negeri. Ini saya terpaksa kutip daripada Perkasa. Ini sumbernya datang daripada Perkasa. Saya diberitahu menerusi laporan berita yang mengatakan *Perkasa Information Chief*, Roslan Kassim, "*Question the motive behind*

the dinner that was attended by Malaysia Airline board members, Datuk Mohamed Azman Yahya; businessman, Dato' Khalimullah Masirul Hassan; dan Penang Minister Lim Guan Eng with several seniors leaders of Singapore People's Action Party". Saya minta kalaulah itu satu tuduhan yang boleh berdiri tegak, maka *prosecution* harus dijalankan. Kalau tidak, saya rasa Perkasa harus meminta maaf. Walau bagaimanapun, *a person is innocent until proven guilty* dan saya ingin kutip apa yang diminta oleh Roslan Kassim dari pada Perkasa ialah dia minta Datuk Mohamed Azman salah seorang, orang kuat di *Malaysia Airlines* untuk memberitahu sama ada Dato' Khalimullah Masirul Hassan benar-benar menjadi seorang dalang dalam potensi kes ini.

Sebut tentang Dato' Khalimullah Masirul Hassan...

Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]: Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat maklum bahawa saudara Roslan Kassim ini sudah pun memohon maaf?

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak sempat baca yang mana Roslan Kassim telah meminta maaf. Akan tetapi saya rasa lebih baik kita serahkan kepada Perkasa untuk menjelaskan kepada seluruh dunia apakah yang sebenarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengaitkan sebab disebutkan nama Dato' Khalimullah Masirul Hassan. Ini orang kuat semasa zaman Yang Berhormat Kepala Batas. Jadi, di situ saya rasa ada satu *blog entry* yang agak baru. *Blog entry* yang agak baru yang diterbitkan pada tahun 2010, tahun lepas.

■1740

Ini bersangkutan dengan apa yang dibawa-bawa oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi yang mengatakan *Securities Commission Chairman*, Tan Sri Zarina Anuar harus membuat penjelasan apa yang sebenarnya berlaku apabila syer-syer di E&O Property telah bertukar tangan dan terdapatnya baur-baur *insider trading*. Jikalau itu benar dan Pengerusi E&O Property ialah *husband* ataupun suami kepada *Securities Commission Chairman*, Tan Sri Zarinah Anwar, saya minta MACC masuk terus menegakkan fakta demi kebaikan negara Malaysia.

Satu lagi disebut di dalam blog ini dan blog ini ditulis oleh orang kuat UMNO juga, Mohd Zakhir ataupun "Bigdog". Dia tulis pada 26 Mac 2010 yang mengatakan "*Many Malaysians may conveniently have forgotten the scandal that looms the merger of two financial houses, Avenue Capital Bhd. and ECM-Libra Bhd, which was first proposed sometime in early December 2005. It started when Bumiputera Securities was hived off by Khazanah Holding Bhd. to some ex-Hong Leong Securities people during PM 'Flip Flop' Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi and the new owners and promoters of the securities firm decided to bring in then NSTP Deputy Chairman, Kalimullah Hassan and then the recently resigned Deputy Chief of Staff in the Prime Minister's Office...*". Tidak perlu saya sebutkan nama.

Saya rasa episod ini harus dibuka semula kerana ia melibatkan perkara-perkara semasa yang melibatkan Zarinah Anwar juga, sebab dalam pertukaran syer melibatkan E&O Property yang dikatakan berbaur *insider trading* juga melibatkan Kalimullah Hasan dan ECM-Libra kerana beliau merupakan *chairman* kepada ECM-Libra dan beliau telah pun mengumpul banyak syer dalam pertukaran syer yang melibatkan skandal sebegini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya telah kumpulkan tetapi sempatlah sahaja saya membentangkan beberapa perkara yang saya minta kalaulah kita sayang pada negara, kalaulah kita mahu Malaysia terus nama baiknya berkumandang di pentas dunia di mana *the cost of doing business, the transparency* dan juga gejala-gejala seperti mengeksportkan rasuah, mengimport rasuah ataupun di *domestize* kan rasuah itu dapat diberhentikan sekali gus, agaknya itulah satu perkara yang baik. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ranau.

5.43 ptg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 7 Oktober 2012 di Dewan yang mulia ini. Bagi pihak rakyat kawasan Parlimen Ranau, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyediakan belanjawan dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan yang dijangka mengurangkan defisit kepada 4.7% berbanding 5.4% pada tahun 2011.

Bajet 2012 adalah belanjawan yang dapat merungkai sejarah tanah air sebagai yang terbaik dan tersohor merentasi keseluruhan pelosok bandar-bandar dan kampung-kampung ataupun luar bandar. Ia juga meliputi semua sektor untuk pelaksanaan dasar program dan pembangunan untuk semua rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk antara projek utama yang akan dilaksanakan dalam *Rolling Plan* kedua yang terdapat di kawasan saya yang merupakan projek berimpak tinggi ialah pembinaan lebuh raya jalan Kota Marudu ke Ranau. Sebenarnya pelaksanaan lebuh raya Ranau ke Kota Marudu sudah bermula pada fasa satu dan fasa dua daripada Ranau. Pelaksanaan fasa satu yang sedang berjalan dengan baik yang sejauh 10 kilometer daripada simpang Jalan Bongkud ke Tarawas oleh sebuah syarikat Perwira Sdn. Bhd. Sementara di fasa kedua yang dikendalikan oleh syarikat Juta Jaya Sdn. Bhd iaitu dari Kampung Tarawas ke Kampung Turuntungun, Kampung Manggis yang menuju ke Kota Marudu.

Walau bagaimanapun tiba-tiba pembinaan, pelaksanaan jalan raya fasa dua ini menghadapi masalah. Kerja-kerja sudah berhenti dan syarikat telah meninggalkan projek tersebut. Perkara ini disahkan oleh JKR Daerah Ranau dan saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tentang kedudukan sebenarnya. Jika mengikut penglihatan saya sendiri semasa melalui jalan raya tersebut, sekurang-kurangnya dua kali semasa lawatan ke Kampung Turuntungun dan Kampung Manggis, nilai pelaksanaan

sebenarnya jalan raya fasa dua ini merupakan bukan lebuhraya berimpak tinggi jika dibandingkan dengan nilai pelaksanaan jalan raya fasa pertama.

Saya memohon supaya masalah yang dihadapi projek ini diselesaikan dengan cepat agar kerja-kerja pembinaan jalan tersebut dapat diteruskan dengan secepat-cepatnya iaitu untuk kemudahan-kemudahan jalan raya ataupun pengangkutan kepada rakyat di luar bandar atau penduduk-penduduk kampung di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan status terkini permohonan menaik taraf jalan utama dari Kampung Simpang, Kampung Tarawas ke Timbua seterusnya ke Kampung Kaingaran di Ulu Sugud, Ranau daripada Kementerian Kerja Raya sama ada projek ini dapat dilaksanakan dalam *Rolling Plan* kedua kerana projek ini adalah termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon juga untuk membawa dan seterusnya mengemukakan pertanyaan melalui Dewan yang mulia ini agar kementerian dan Menteri yang berkenaan, yang saya maksudkan Kementerian Kerja Raya, untuk memberikan penjelasan yang memuaskan demi faedah rakyat. Saya ingin tahu siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih Lebuhraya Timur-Barat atau Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap tentang status jalan raya ini yang dipanggil Lebuhraya Timur-Barat Sabah, saya juga menyedari bahawa Kementerian Kerja Raya banyak membuat kerja-kerja pembaikan terutama sekali cerun-cerun yang menggunakan dana yang begitu banyak dan saya sangat berterima kasih tentang perkara ini.

■1750

Saya juga pernah menyentuh keadaan jalan raya tersebut sebelum ini dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas. Walaupun ada peningkatan keadaan yang lebih baik namun keadaan sekarang agak lebih semakin teruk keadaannya. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua juga mengetahui keadaan jalan ini kerana jalan juga dilalui oleh Tuan Yang di-Pertua apabila balik ke kawasan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan mana-mana lebuhraya yang terdapat di Semenanjung Malaysia rasanya Menteri yang berkenaan turut sependapat dengan saya bahawa ia sedikit menyakitkan hati. Ia layak dipanggil jalan raya berturap atau beraspal yang biasa dan sudah tua dan uzur. Lebih menyakitkan hati apabila terjumpa adanya kawasan-kawasan tanah mendap dan seterusnya membentuk lubang-lubang yang besar di sepanjang jalan raya terutamanya di antara Jalan Tamparuli – Ranau – Telupid. Jika seorang pemandu yang tidak biasa menggunakan jalan raya ini membawa keretanya laju dan dengan tiba-tiba terjunam ke dalam lubang yang terdapat di atas jalan raya tadi sudah tentulah ia mendatangkan kecederaan kepada penumpang dan kerosakan kepada kenderaan. Tanah mendap itu kadang-kadang terbiar begitu lama tanpa tindakan baik pulih. Contohnya, di tempat antara Tamparuli dan Kg Gaya Ratau hingga kini belum dibaiki. Walaupun ada kerja-kerja baik pulih ianya tidak lebih daripada korek lubang, tampal lubang. Keadaan seperti ini menyebabkan pemanduan tidak

lancar dan banyak halangan. Bahaya kepada pemandu atau pengguna lebuhraya yang memandu dalam kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, anehnya hamba ingat istilah tampal-menampal itu hanya sesuai dipakai kepada kerja-kerja menampal baju dan seluar yang koyak sahaja. rupanya di Sabah istilah ini lebih sinonim kepada kerja-kerja baik pulih lebuhraya, Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini Lebuhraya Timur Barat di Sabah merupakan laluan utama pelancong yang datang ke negeri itu. Ia dilihat sebagai jalan raya yang menumpu menjana ekonomi rakyat luar bandar khususnya rakyat yang mendiami di sepanjang jalan raya sejauh lebih kurang 500 kilometer itu. Untuk makluman selanjutnya jalan raya daripada Pekan Tamparuli ke Ranau ini adalah jalan raya yang paling penting untuk pelancong-pelancong sama ada pelancong dari luar negara ataupun domestik iaitu ke pusat pelancongan yang terkenal di Sabah ini iaitu Gunung Kinabalu ataupun *World Heritage Site*.

Sehubungan dengan ini, saya merayu dan memohon kepada kerajaan agar dapat mengambil tindakan untuk melakukan naik taraf jalan raya tersebut sesuai dengan statusnya sebagai lebuhraya utama di Sabah. Saya mencadangkan penurapan semula. Biarlah bukan sekali gus dan biarlah berfasa atau berperingkat-peringkat asalkan tidak berterusan dengan tampal-menampal kerana yang tampal mudah rosak semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh yang terkandung dalam Bajet 2012 ialah saya amat tertarik dan merasa bangga dengan usaha kerajaan Barisan Nasional untuk menyediakan kemudahan asas termasuk memperluaskan projek bekalan air terawat serta penajaan pendapatan Orang Asli. Dalam Bajet tahun 2012 Orang Asli diperuntukkan sebanyak RM90 juta dan RM20 juta lagi bagi pemindahan penduduk ke kawasan perumahan baru. Berasaskan tindakan yang begitu mulia melalui Gagasan 1Malaysia kepada Orang Asli saya yakin dan percaya mereka akan lebih kuat lagi menyokong kerajaan dan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang.

Sebagai pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang dan pernah bersama-sama dengan Presiden Persatuan Graduan Orang Asli. Presiden Persatuan Hal Ehwal Orang Asli dan juga seorang profesor iaitu Profesor Madya Hidup. Itu namanya dan ada lagi pemimpin-pemimpin Orang Asli yang lain yang saya ketahui yang berkecukupan pada masa sekarang. Di antara hasrat yang mereka utarakan ialah mereka inginkan ruang atau peluang untuk melibatkan dalam pentadbiran di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kerana setakat masa ini hanya terdapat lebih kurang 20% Orang Asli yang bertugas di jabatan mereka sendiri. Itu pun di peringkat kakitangan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya Orang Asli diberi lebih banyak peranan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Itu pertama.

Yang kedua, saya juga mengetahui difahamkan bahawa Orang-orang Asli ini terutama sekali yang tinggal di negeri Pahang mereka tidak begitu senang hati kalau dipanggil orang sakai sebagai bangsa mereka. Mereka lebih senang kalau dipanggil sebagai Orang Asli sahaja. Ini sebagai pengetahuan dan saya harap ada tindakan daripada kerajaan untuk membetulkan keadaan supaya Orang Asli ini lebih dekat lagi, lebih kuat lagi menyokong kerajaan pada hari ini termasuklah Barisan Nasional.

Begitu juga ada saranan ataupun hasrat daripada Orang Asli ini kalau kerajaan ataupun Barisan Nasional memberi peluang kepada mereka untuk diberi peluang sebagai calon dalam pilihan raya akan datang. Ini kerana setakat masa ini Orang Asli ini belum pernah pun diberi peluang sebagai calon dalam pilihan raya sama ada pilihan raya Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan kata-kata demikian, saya sudahi perbahasan saya ini dengan menyokong Bajet 2012. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

6.01 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salah sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai untuk turut serta berbahas di dalam belanjawan yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat kali kedua dengan satu Pakej Rangsangan 2009 dan dua Perbekalan Tambahan 2010 dan 2011 walaupun belum diberikan mandat oleh rakyat Malaysia.

Kemungkinan besar kerana tidak adanya mandat, belanjawan kali ini juga boleh diibaratkan selaku belanjawan untuk menyelamatkan Barisan Nasional 2012. Saya percaya kalaulah kita daripada Pakatan Rakyat tidak pantas menyelamatkan keadaan dengan menabur idea empat hari sebelum pembentangan belanjawan Perdana Menteri sehingga tema asal. Tema asalnya "Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi" dalam Laporan Ekonomi 2011, 2012 ditukar meniru perbelanjaan Pakatan Rakyat kepada "Dasar Transformasi Nasional, Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara".

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Mimpi di siang hari Yang Berhormat Lembah Pantai ini.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *Alhamdulillah*, sekurang-kurangnya tajuk pun dia faham. Pakatan Rakyat lebih tahu macam mana hendak memikirkan kesejahteraan rakyat. Setelah 54 tahun Tuan Yang di-Pertua berkuasa dengan tenaga kerja kakitangan kerajaan setakat ini berjumlah RM1.3 juta, nisbah 4.56% kakitangan kepada rakyat tertinggi di Asia Pasifik ditambah lagi dengan Unit Perancang Ekonomi termasuklah dengan *the all powerful* (KIJA) Kementerian Idris Jala dengan nilai RM6.19 bilion untuk 2011, tambahan RM6.4 bilion

untuk 2012, di mana sejumlah RM11.86 bilion diperuntukkan untuk projek-projek NKEA dalam jangka masa 2011 hingga 2012 di bawah peruntukan pembangunan tambahan perbelanjaan operasi bernilai RM729.4 juta untuk tahun 2011 atau dengan erti kata lain nilai inilah yang dibayar untuk perunding-perunding antarabangsa dibanding dengan usaha di bawah Pakatan Rakyat dengan enam negeri, satu tidak diiktiraf iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu dirampas di negeri Perak, kita mampu berjaya dengan percuma dengan tidak membebankan dana rakyat menghasilkan satu belanjawan alternatif.

Jadi, pendekatan yang diperlukan oleh rakyat dan ekonomi Malaysia sekarang ini adalah pendekatan pro rakyat dengan mengambil kira tumpuan menyelamatkan masa depan dan khazanah negara demi generasi yang akan datang. Bukan tumpuan untuk menyelamatkan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua, seperti mana belanjawan yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 7 Oktober lalu. Daftar ekonomi dunia sekarang sudah cukup meyakinkan kita akan bahana yang wujud kalau kita lupakan tanggungjawab fiskal dan perbelanjaan yang perlu berhemah demi kegunaan generasi masa depan.

Kita lihat hutang Kerajaan Pusat Amerika Syarikat meningkat dua kali ganda daripada 2008. Melonjak naik daripada USD7 trilion kepada RM14.3 trilion hanya ketika Ogos 2011. Zon Eropah pula, 27 negara-negara Eropah mengalami hutang yang melonjak naik sebanyak 26% dalam masa dua tahun kepada Euro 9.8 trilion pada 2009. Jadi, bila ditingkatkan tentang Malaysia di manakah kita dalam konteks gundah gulana ekonomi dunia.

Beberapa sebab utama kita sering kali gagal mencapai sasaran kita. Saya ulang atau saya pergi kepada Rancangan Malaysia Kelapan misalannya, sasaran pertumbuhan purata sebanyak 7.5% Tuan Yang di-Pertua bagi tahun 2001 hingga 2005 7.5%. Dalam tempoh tersebut bukan sahaja sasaran pertumbuhan purata tergelincir hanya dapat 4.7%, sasaran 7.5% itu tidak pernah dicapai dalam mana-mana tahun sekalipun. Sama juga dengan Rancangan Malaysia Kesembilan walaupun kerajaan Barisan Nasional menuntut pembayaran dari Petronas sehingga berjumlah RM235.6 bilion.

Antara 2006 hingga 2009 ekonomi Malaysia hanya berkembang pada purata 4.2% setahun sedangkan sasaran untuk Rancangan Malaysia Kesembilan adalah 6% secara purata. Daripada sejumlah RM431 bilion dibayar kepada kerajaan oleh Petronas sejak penubuhannya, 55% dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun sahaja tanpa sedikit pun kesan terhadap hala tuju ekonomi negara. Maka, memang masalah yang kita hadapi serius dan kerana itu kita mahukan kerajaan khususnya dalam belanjawan kali ini bukan sahaja memfokuskan kepada cadangan Pakatan Rakyat *one-off*, tetapi memikirkan juga bagaimana hendak menjana keupayaan rakyat dalam jangka masa panjang.

Saya rujuk, tadi ramai Ahli Parlimen sebut tentang pakar-pakar ekonomi, penganalisis, saya hanya sebut seorang pengkaji yang berpusat di Universiti Malaya Marie-Aimee Tourres yang menyatakan dengan izin, *"The budget goodies strategy was not linked to any productivity*

commitment. A lot of tax collection projection is based on optimistic growth which mean not have taken into account the deteriorating global situation. I can only worry about the end cost. It is common that what is supposed to be one-off handout becomes permanent and long term”.

Jadi, saya fikir masalah utama di sini yang dibangkitkan yang perlu kita ambil secara serius adalah *the structural issue of distortion and inefficiencies in the economy that result in lack of competition and subsequently high prices that was left largely unaddressed*. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kerana itu kita juga mahu menilai tentang pengumuman demi pengumuman dan pelaksanaannya di bawah sana. Saya ingin memberi satu contoh yang sangat jelas untuk mempamerkan, menunjukkan bagaimana di peringkat bawah apa pun sekali pengumuman ataupun janji yang ditabur oleh Perdana Menteri tambahan pula lagi dengan PEMANDU, KIJ, Menterinya sendiri, Dato’ Sri Idris Jala, tetapi hakikatnya apabila dipraktikkan tidak mempamerkan sikap yang konsisten dengan pengumuman.

Contoh bila kita pergi kepada projek yang dibangunkan oleh SP Setia bersama pada awalnya dengan Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya sebut YGK? Saya sebut kerana syarikat ini kepunyaan, pengurusnya Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Secara tradisinya begitu bukan satu yayasan yang baru. Jadi, pada tahun 2000 satu *joint venture* (JV) antara SP Setia dan Yayasan Gerak Bakti diwujudkan untuk membangunkan kawasan Kampung Haji Abdullah Hukum 2007. Kalaupun ramai orang setingan, semuanya telah dipindahkan, pampasan sebanyak RM6,000 satu keluarga berjumlah RM3.6 juta.

Tahun 2009, KL Eco City sudah siap SP Setia hendak bangunkan dan kita pun harapkan yayasan yang seharusnya mempertahankan hak bumiputera ini dapat bangunkan sekali satu projek yang punyai *gross development value* sebanyak RM6 bilion. Hasil perkongsian untuk keuntungan nanti antara DBKL dan SP Setia. DBKL dapat 20%, SP Setia 80% nisbahnya. Malangnya pada Julai 2011 SP Setia umumkan dibeli baki 40% saham dalam Projek KL Eco City ini daripada Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan yang bernilai, mereka dapat saham nilai dalam SP Setia RM75 juta. Jadi, saya hendak tanya khususnya kepada Ketua Pemuda UMNO kerana menjadi pengurus, siapa-siapa di pihak UMNO hendak jelaskan bagaimanakah formula mana-mana yayasan yang mendapat tanah-tanah utama kerana banyak lagi selepas ini di bawah one MDB. Bagaimana mereka dapat tanah-tanah premium, kemudian atas janji hendak bangunkan untuk hak bumiputera, masa depan bumiputera, selepas itu dapat menerusi saham untung atas angin.

Jadi, saya pada mulanya hendak menelefon sebelum membuat ucapan, menelefon pejabat tersebut yayasan ini beroperasi di mana. Saya nampak carian di laman web pejabat di 58C Jalan Kampung Atap Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Tuan Yang di-Pertua. Saya telefonlah tetapi malangnya talian dikatakan telah ditamatkan tetapi transaksi baru sahaja diumumkan.

Jadi saya hendak tahu rahsia di sebalik kejayaan yayasan yang boleh menimba keuntungan begitu besar, sedangkan kita pun tidak tahu di mana pejabat operasinya, pejabatnya tidak menjawab kalau telefon. Jadi saya sampaikan ramai yang mengandaikan ini ialah kerja yayasan atas angin formula pencapaian kejayaan BN selama ini.

Jadi ini amat mengelirukan kerana kita bercakap orang Melayu bumiputera rata-rata di situ yang dihalau atas sebab yayasan ini akan menjaga kepentingan mereka. Samalah seperti apa yang berlaku di Kampong Bharu dan yang dirancang di bawah *1Malaysia Development Berhad*. Jadi saya pohon jawapan kerana ramai rakyat Malaysia hendak belajar juga cara bagaimana hendak menjana keuntungan atas angin ini walaupun pejabat pun tidak beroperasi.

Apa yang kita bimbangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam janji yang ditabur termasuk juga menjelang 2020, RM1.4 trilion akan dijana 92% dibiayai oleh sektor swasta. Pendek kata 92% *from private investment*. Akan tetapi saya nampak langkah-langkah yang ditunjukkan selama ini bukan sahaja menerusi *1Malaysia Development Berhad* yang 100% dimiliki oleh Kementerian Kewangan. Akan tetapi juga usaha daripada Sime Darby membeli saham 30% E&O dengan nilai RM766 juta pada 29 Ogos yang lalu. Termasuk juga usaha walaupun setakat ini tidak terlaksana oleh Permodalan Nasional Berhad hendak beli saham SP Setia.

Jadi seharusnya bukankah semua *government linked companies* ini memberi ruang sepenuhnya sebesar-besar mungkin untuk memastikan semua badan swasta, pelabur dalam negeri ini, diberikan ruang untuk berdiri dengan sendiri meneruskan projek dan pembangunan mereka. Bila *government* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *crowd out investment private investment* jadi bagaimana kita hendak jana impian yang dilaungkan oleh PEMANDU? Itu persoalan saya.

Isu kedua tentunya saya rasa ramai sudah bangkitkan projek *Mass Railway Transit (MRT)* dan kita tidak boleh lari. Ini kerana dalam sejarah pembangunan Malaysia inilah projek pembangunan terbesar yang pernah kita saksikan dengan nilai awalnya disebut RM36.6 bilion. Akan tetapi saya agak gusar kerana Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat setakat ini dia kata dia tidak pasti, dia tidak boleh hendak *estimate the cost*. Ini kerana perlu perubahan *alignment* dan sebagainya.

Cadangan dibawa di peringkat awal menerusi cabaran *Swiss Challenge* oleh Konsortium Gamuda-MMC. Jadi dia kata dalam kenyataan umum, kenyataan kepada semua kalau Gamuda-MMC sebagai *project delivery partner* gagal melaksanakan kerja-kerja dalam *target* sasaran *datelinenya* mereka kena bayar *compensation* kena bayar ganti rugi. Akan tetapi saya fikir SPAD setakat ini tidak membuktikan kebolehan untuk berdiri secara *independent* tanpa pengaruh politik. Kenapa saya berkata begitu?

Baru-baru ini Yang Berhormat daripada PJ Utara telah mengenal pasti ada perubahan laluan MRT di kawasan Jalan Damansara. Laluan MRT tersebut pada awalnya seharusnya

melalui laluan yang benar-benar di bawah alamat yang dahulunya kawasan hartanah yang dimiliki oleh kroni terdekat mantan Perdana Menteri. Saya tahu kerana saya pernah duduk di situ. Pada ketika itu Kerajaan Malaysia membayar untuk keluarga Timbalan Perdana Menteri menduduki rumah tersebut sebelum keluarga tersebut diarahkan keluar pada 2 September 1998. Maka tanah itu ini bayangkan pemiliknya lebih penting sampai laluan yang telah digali boleh diubah semata-mata apa alasan dia - Alasannya untuk mengurangkan jumlah pengambilan tanah sebanyak satu ribu meter persegi.

Kononnya kos dalam penajaran semula ini lebih rendah daripada jumlah pampasan yang perlu dibayar. Kita pun hendak tahu berapa jumlah dalam kos jajaran awal yang meliputi rumah tersebut. Pada saya, saya tahu pemiliknya siapa dahulu tetapi sekarang *wallahualam*. Isunya kepentingan seorang kroni jauh lebih penting daripada kepentingan mereka yang duduk bertahun-tahun di Jalan Sultan umpamanya ataupun di Bandar Utama. Jadi inilah yang membawa kepada persoalan adakah SPAD mampu melaksanakan tanggungjawab khusus dalam projek pembangunan yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Kerajaan perlu jawab isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semua bebanan salah laku ini merupakan peninggalan Barisan Nasional untuk generasi yang akan datang. Saya menyatakan tidak ada perancangan yang khusus untuk benar-benar menyelesaikan masalah pendidikan yang perlu diperbaiki, agar generasi yang akan datang pelajar-pelajar kita ini merupakan pelajar terbaik di seantero dunia. Saya mulakan dengan statistik keciciran 80,000 anak-anak yang tidak mengikuti persekolahan peringkat menengah dari 2006-2010. Ini hanya anggaran Tuan Yang di-Pertua. Kenapa? Ini kerana Timbalan Menteri kata kementerian tidak ada statistik. Kementerian walaupun perbelanjaan diperuntukkan selama ini sudah 54 tahun merdeka tidak ada statistik khusus untuk menyatakan berapa anak-anak yang tercicir daripada sekolah menengah.

Ini sesuatu yang serius kerana walaupun saya tahu kementerian ada tubuhkan Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Negeri untuk membuat siasatan. Akan tetapi di manakah hasil siasatan jawatankuasa ini? Bagaimana kementerian tidak boleh menyediakan statistik untuk membantu memenuhi keperluan rakyat sedia ada? Saya rujuk Tuan Yang di-Pertua kepada laporan *Human Development Report* 2010 diterbitkan oleh UNDP. Peratus pelajar yang mendaftar ke sekolah menengah di kalangan mereka yang sepatutnya mendaftar secara kasar hanya 69.1% berbanding dengan Indonesia 75.8%, Filipina 81.4%, Brunei 96.7%, yalah kecilkan tetapi China 74%.

Jadi maksudnya kalau hendak bandingkan pun tahap ekonomi kita sekarang tahap negara Indonesia. Mereka jauh lebih ke hadapan dari segi peratusan anak-anak yang pergi ke sekolah menengah. Ini sesuatu yang amat memalukan. Impak pengumuman belanjawan bila Perdana Menteri menyatakan diperkenalkan galakan cukai diberikan kepada sekolah swasta yang tidak bermotifkan keuntungan. Sekolah swasta antarabangsa termasuk juga ekspatriat.

Pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan daripada pengurusan sekolah. Apakah rasionalnya?

Untuk sekolah antarabangsa yang bermotifkan keuntungan pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% dan perbelanjaan modal dalam lima tahun. Elaun cukai ini hanya 70% dikecualikan. Jadi persoalan saya sekolah swasta antarabangsa mendapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% dalam tempoh lima tahun. Ini merupakan kehilangan peluang kerajaan, peluang kementerian, peluang rakyat untuk mendapat belanja tambahan untuk sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah lain yang diperlukan. sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Mubaligh. Sedangkan tidak ada jaminan semua sekolah-sekolah ini akan mengurangkan yuran kemasukan yang begitu tinggi untuk sekolah-sekolah mereka. Tidak ada jaminan.

Jadi maksudnya *clear of opportunity, lost opportunity cost*. Semua pengumuman ini dibuat hanya beberapa minggu selepas dimaklumkan kepada umum oleh Timbalan Menteri bahawa kita menyaksikan peningkatan 90% pusat pendidikan swasta, *private education establishment* sudah meningkat tinggi tidak perlu insentif lagi, daripada 5,753 sekolah pada 2007 berbanding dengan 3,003 sekolah tahun 1999. Termasuklah kenaikan mendadak kebanyakan statistik ini buat peringkat sekolah rendah dan menengah dan antarabangsa. Bandingkan dengan jumlah sekolah rendah kebangsaan di bawah kelolaan kementerian 7,600 antara 2007 hingga 2009.

Sekolah menengah meningkat 10% sahaja hingga 2,219 sekolah pada masa yang sama dua tahun ini. Jadi apakah rasional kerajaan? Untuk bagi insentif saya tidak melihat sebab utama kenapa diberikan insentif ini. Kita memerlukan lebih banyak dana untuk memperbaiki tahap dan mutu pendidikan di sekolah menengah dan sekolah rendah di bawah kelolaan kerajaan. Akan tetapi bagi juga insentif kepada pihak swasta.

■1820

Sedangkan tidak ada masalah untuk mereka terus menerus diwujudkan. Saya tidak lihat bagaimana Kerajaan Pusat boleh juga menjamin kedudukan yang lebih profesional sebagai pemantau kepada semua institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham kalau bercakap tentang IPTS, IPTA, sama juga isunya iaitu anak-anak kita apabila keluar sahaja lepas menjadi graduan mencari kerja, terus berhutang di bawah skim PTPTN. Jadi mereka melihat kerajaan untuk mencari penyelesaian. Akan tetapi pelajar-pelajar ini berhadapan dengan kerajaan yang penuh dengan *conflict of interest*. Kenapa saya cakap begitu kerana penglibatan parti Barisan Nasional dalam kolej-kolej swasta.

Saya ambil satu contoh sahaja *Masterskill College*, di mana menerusi Datuk Mohan Swami, proksi yang paling dekat dengan sesebuah parti Barisan Nasional. Masterskill Education Group Bhd merupakan pemilik terbesar sektor pendidikan kesihatan dan kejururawatan.

Bayangkan, walaupun bukan sebuah institusi pendidikan bawah kerajaan, 95% pelajar Masterskill berhutang di bawah skim PTPTN. Jadi pendirian di sini, apabila kerajaan seharusnya menyediakan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan, tidak boleh wujud *conflict of interest* yang begitu ketara.

Oleh kerana itu, di bawah Pakatan Rakyat kita sedar bahawa isu 41 orang diisytiharkan...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [*Bangun*]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Berkenaan dengan Masterskill ini, dua tahun sebelum ini pernah saya bangkitkan soal mutu untuk *training of nurses* dalam Dewan ini dan memang ada jawapan-jawapan daripada Menteri Kesihatan bahawa perkara itu telah *looked into* dan pantauan telah dibuat berkenaan dengan mutu latihan jururawat di situ. Akan tetapi sudah lepas dua tahun dan sampai hari ini kita lihat sekiranya jururawat daripada Masterskill misalannya, kalau hendak mohon jawatan di mana-mana hospital, mereka menghadapi masalah. Bukankah ini menunjukkan bahawa kejayaan Masterskill ini bukan kerana mutu pendidikan yang baik tetapi kerana ada *connection* dengan pihak yang berkuasa.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu saya katakan bahawa isunya apabila kita berharap kepada kerajaan, perlu ada sikap yang profesional dan perlu ada satu pantauan yang tidak melibatkan *conflict of interest* sedemikian. Cadangan kami sebenarnya untuk memastikan tidak ada lagi salah guna kuasa dari segi pemberian sijil kelayakan, sijil anugerah kepada mana-mana institut. MQA yang bertanggungjawab memberikan sijil-sijil ratifikasi kepada semua institut pendidikan sewajarnya direformasikan dan dijadikan badan bebas tanpa sebarang pengaruh parti-parti politik, untuk menyediakan tahap pendidikan negara ini sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan semasa. Ini kalau sudah memang jejas gagal, jelas tidak boleh tepati KPI dan *benchmark*, masih lagi dibiarkan berterusan. Kenapa? Sebab baik dengan penguasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu berkait dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi, lambakan IPTA dan IPTS di negara ini adalah suatu masalah yang serius. Mengikut perangkaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sendiri, sejak tahun 1962 hingga 2006, jumlah IPTA adalah sebanyak 20 buah iaitu bersamaan dengan lebih kurang satu IPTA baru ditubuhkan setiap 2.2 tahun. Akan tetapi mengikut direktori IPTS untuk institut pengajian tinggi swasta di laman web Kementerian Pengajian Tinggi, sejak tahun 1999 sampai tahun ini, IPTS yang berdaftar dan bertaraf universiti berjumlah 70 iaitu bersamaan dengan satu IPTS baru ditubuhkan hampir setiap dua bulan. Jadi tentunya ada masalah yang amat serius. Suasana lambakan IPTA, IPTS ini langsung tidak membantu kita memperbaiki tahap kualiti

universiti-universiti agar tersenarai dalam 400 universiti di dunia menerusi sistem kedudukan kelolaan *Times Higher Education*. Saya fikir alasan Menteri Pengajian Tinggi kata kita sengaja..

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Pendek sahaja, masa saya pendek Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai. Apabila lambakan penubuhan IPTA yang kita lihat pada permulaannya ada satu khusus major yang lebih fokus ditawarkan tetapi apa yang kita lihat apabila universiti berkenaan mahu membesarkan pengambilan jumlah pelajar, ini menyebabkan mereka telah lari daripada kursus induk yang pernah menjadi asas kepada mereka. Ini tidak terjadi kepada universiti lain di dunia ini. Mereka kalau universiti sukan, sukan sahaja. Kalau misal kata di China, di Fujian, universiti sukan hanya menawarkan tiga kursus sahaja. Ia lebih fokus dan lebih menghasilkan kursus yang berkualiti. Pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai dalam perkara ini.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya fikir memang satu cadangan yang baik. Perlu ada pengkhususan di mana kita *identify our competitive advantage* dengan izin. Daripada situ barulah universiti dapat menilai keberkesanan dan memperbaiki *track* rekod mereka. Apa yang saya agak gusar ialah apabila diwujudkan insentif oleh kementerian khusus semasa Universiti Sains Malaysia (USM) dianugerahkan status Apex. Sampai sekarang RM500 juta yang dijanjikan kepada USM setelah mereka bertungkus-lumus siapkan *blueprint*, siapkan rancangan jangka masa panjang, pengkhususan dan sebagainya, masih lagi tidak diberikan. Jadi, seolah-olah kerajaan tidak memikirkan kepentingan utama dalam negara adalah pendidikan. Hendak potong dalam belanjawan mula-mula pendidikan kesihatan. Itu sebagai satu benda yang begitu biasa dilaksanakan di bawah kerajaan Barisan Nasional.

Saya harap diambil secara serius dan kita juga sedar – cadangan dalam Pakatan Rakyat, lebih kurang 70% daripada anak muda Malaysia tidak meneruskan pendidikan ke tahap pengajian tinggi. Jadi walau apa pun, perlu juga difikirkan bagaimana hendak perbaiki pendidikan latihan teknikal dan vokasional. PEMANDU unjurkan hampir 40% daripada 3.3 juta pekerjaan baru yang bakal diwujudkan mengguna pakai mereka ini daripada apa yang dipanggil TEVT. Akan tetapi tahap TEVT pada waktu ini amat mengecewakan dan saya pohon agar kerajaan memikirkan perkara yang lebih khusus, yang lebih dinamik, lebih serius untuk mempertingkatkan tahap TEVT iaitu latihan teknikal dan vokasional di seluruh Malaysia.

Tenaga kerja Jerman contohnya Tuan Yang di-Pertua, 70% daripada tenaga kerja TEVT, bukan semua graduan universiti. Akan tetapi kita sudah punya banyak sangat universiti-universiti – di Pagoh pun hendak rancang *education hub*, tidak cukup lagi dengan *Iskandar Region*, atas kepentingan politik sekali lagi. Mana kawasan Timbalan Perdana Menteri, mana kawasan

Perdana Menteri, di situ kita letakkan satu *education hub*. Jadi pada saya tidak boleh begitu. Perlu difikirkan pendidikan anak-anak kita melangkaui sebarang perkiraan politik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu Pakatan Rakyat komited, daripada isu bukan sahaja membantu membelanjakan untuk keperluan rakyat, tetapi bagaimana hendak meningkatkan hasil. Lelongan lesen import AP RM1.2 bilion, memastikan apabila kita kata tender terbuka, sistem itulah yang akan kita guna pakai. Saya masih ingat November 2008 Perdana Menteri umum hendak buat dan laksanakan sistem tender terbuka untuk semua tanah-tanah kerajaan. Akhirnya, 1MDB juga yang buat dengan pilihan syarikat-syarikat kroni yang disayangi.

Justeru, sebagai pengakhiran, sedang kerajaan Barisan Nasional berlumba-lumba hendak meniru semua cadangan yang dilontarkan oleh Pakatan Rakyat, saya cabar...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tak apa, sabar. Sudah hentam kami berterusan di media arus perdana, tidak apalah, biarlah saya bersuara di Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sebagai pengakhiran, sedang kerajaan Barisan Nasional berlumba-lumba meniru cadangan yang dilontarkan oleh Pakatan Rakyat, saya cabar supaya dilaksanakan dua perkara untuk membuktikan keikhlasan kerajaan Barisan Nasional. Pertama, menyokong usul Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya dipotong perbelanjaan dalam belanjawan bernilai RM232 bilion kepada yang dianjurkan Pakatan Rakyat dalam sesi khas yang akan diadakan sekiranya pertumbuhan 5.5% daripada KDNK untuk 2011 dan 6% untuk suku pertama 2012 gagal dicapai. Saya pasti akan dicapai.

Kedua, semua syarikat bumiputera yang dianugerahkan kontrak agenda bumiputera Tuan Yang di-Pertua, untuk menyediakan kerja-kerja kejuruteraan awam MRT bernilai RM8 bilion atau 43% daripada keseluruhan nilainya menghadaikan 30% daripada nilai kontrak iaitu RM240 juta kepada satu Tabung Pendidikan Nasional sebagai permulaan kerana kita tidak boleh mencukai 'San Miguel' bukan, tidak ada *sin tax*, cukai dosa yang terlepas.

■1830

Akan tetapi, sekurang-kurangnya kita mahukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Semua syarikat di bawah agenda bumiputera ini melaksanakan tuntutan mereka. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)

mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Hulu Selangor.

6.30 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat dan salam 1Malaysia. Walaupun sidang Belanjawan 2012 ini diadakan di bangunan yang sementara, namun saya pasti segala perancangan serta implikasi belanjawan tersebut akan membawa kepada pertumbuhan jangka panjang negara yang bersifat positif dan merangkumi pelbagai aspek negara seperti ekonomi, sosial dan pembangunan.

Belanjawan tahun ini merupakan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak untuk mendemonstrasikan Konsep 1Malaysia serta mempraktikkan tema '*Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan*'. Ramai menggelarkan belanjawan tahun ini sebagai dengan izin '*The People's Budget*'. Saya amat bersetuju kerana belanjawan ini merupakan satu belanjawan yang sangat komprehensif dan terperinci sehinggakan tiada mana-mana lapisan masyarakat yang diabaikan daripada agenda pembangunan negara. Bagi pihak rakyat Hulu Selangor, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak serta pasukannya yang telah berjaya menyediakan sebuah belanjawan yang pasti menjadikan negara lebih kental dalam mengharungi cabaran ekonomi yang melanda seluruh dunia. Dengan izin, *this isn't a people's budget, it's a people's future budget*. Belanjawan ini juga menunjukkan iktibar kerajaan untuk memastikan yang proses transformasi negara akan terus berlaku sehinggakan negara kita mencapai matlamat menjadi negara membangun dan berpendapatan tinggi.

Pada 18 Oktober 2010 semasa ucapan belanjawan saya yang pertama, saya menyatakan berikut: "*Satu cara untuk menggalakkan sifat proaktif ini adalah dengan membenarkan segala derma dan sumbangan kepada sekolah-sekolah menjadi dengan izin, tax exemption atau pun pengecualian cukai untuk sumbangan tersebut*".

Saya sangat gembira dan terharu dengan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada belanjawan ini beliau telah mengumumkan bahawa kerajaan menjadikan segala derma kepada sekolah dan rumah ibadat dijadikan pengecualian cukai. Langkah sebegini akan meningkatkan motivasi kepada rakyat jelata dan juga syarikat-syarikat untuk memberikan derma kepada institusi ibadat dan sekolah. Terdapat dua kebaikan yang diperolehi daripada langkah ini.

Pertama, ianya akan menjadi jambatan untuk institusi-institusi tersebut mendapat bantuan kewangan. Kedua, rakyat boleh memainkan peranan yang lebih langsung untuk menjadi enjin perubahan kepada hidup mereka. Tempat ibadat dan sekolah menjadi tempat di mana akhlak dan sanubari seseorang itu dibina. Dengan memartabatkan tempat-tempat tersebut maka mereka yang menderma menjadi agen perubahan sosial yang langsung kepada persekitaran mereka. Selain itu, generasi muda dan penganut-penganut tempat ibadat itu juga akan mendapat kesan positif yang jangka panjang.

Skim Rumah Pertamaku telah dilancarkan oleh kerajaan Barisan Nasional merupakan satu langkah yang tepat pada masa yang sangat berpatutan. Rancangan ini juga telah memberi harapan kepada graduan-graduan muda untuk memiliki rumah pertama mereka. Keputusan kerajaan untuk meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220,000 kepada RM400,000 akan memberi peluang kepada lebih ramai pembeli-pembeli seluruh Malaysia, di kawasan pinggir kota raya dan juga kawasan bandar. Langkah ini pasti akan menjadikan impian pemilik rumah menjadi realiti kepada ramai yang mengambil bahagian dalam Skim Rumah Pertamaku ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana langkah mereka menaikkan cukai untung untuk penjualan rumah sebelum dua tahun. Langkah ini akan membantu menstabilkan harga hartanah dan sekali gus menjadikan harga rumah lebih berpatutan. Cadangan kerajaan untuk memajukan beberapa bidang tanah milik kerajaan di sekitar Sungai Besi dan Sungai Buloh untuk Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia amat dialu-alukan. Saya amat berharap dalam usaha melalui Program Pemulihan Perumahan Terbengkalai yang mana RM63 juta telah diperuntukkan, projek-projek rumah terbengkalai dan terbiar di Hulu Selangor juga akan turut diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, generasi muda yang baru berkecimpung dalam dunia pekerjaan terdapat beberapa perkara yang golongan tersebut ingin mencapai secepat mungkin. Pertama, adalah sebuah pekerjaan yang stabil. Kedua, sebuah rumah yang dipanggil rumah sendiri dan ketiga adalah sebuah kereta untuk membolehkan mereka berulang alik dari rumah ke tempat kerja. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji sama ada pihak kerajaan boleh memulakan satu program yang mungkin kita boleh namakan Skim Kereta Pertamaku. Mungkin dengan kerjasama Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan Perodua Nasional. Saya mencadangkan supaya program perintis Skim Kereta Pertamaku dikelolakan dengan kerjasama kilang *ultra modern* Perodua kerana ianya berpusat di Hulu Selangor. Saya pasti yang langkah tersebut akan mendapat sambutan yang amat baik daripada rakyatnya khasnya yang ingin memiliki kenderaan sendiri atau memudahkan perjalanan ke tempat kerja dan balik. Kerajaan boleh mewujudkan satu mekanisme yang berpatutan dengan kerjasama bank-bank tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudi menambah sekali ganda kepada RM300 juta kepada TEKUN Nasional dengan harapan ianya akan memberi rangsangan kepada usahawan kecil. Peruntukan RM100 juta yang disediakan khas untuk usahawan kaum India untuk membantu ramai belia India yang sangat ingin menjadi usahawan yang berjaya. Mereka mempunyai kesanggupan bekerja keras dan juga mempunyai pengalaman serta pengetahuan mendalam tentang bidang perniagaan yang diceburi. Malangnya, mereka tidak dapat menerima bantuan kewangan tersebut pada masa dan saat yang diperlukan untuk membangunkan perniagaan mereka.

Oleh yang demikian, peruntukan RM100 juta ini sudah tentu akan mendapat sambutan yang hebat dan menggalakkan daripada beribu-ribu usahawan India yang sedang mencari jawapan kepada persoalan bagaimanakah mereka dapat memperkasakan perniagaan mereka. Selain daripada membantu peniaga dan usahawan tersebut, langkah ini juga sehaluan dengan agenda ekonomi negara yang ingin membangunkan SME negara untuk menjadi penjana dan enjin pertumbuhan ekonomi negara.

Program TEKUN Nasional ini amat berjaya dan berimpak tinggi namun ada satu perkara yang tidak begitu menggalakkan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kebaikan optimum program tersebut boleh dicapai. Buat masa ini, dana TEKUN ini hanya boleh dipohon bermusim atau *seasonally*. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dana ini dibuka untuk permohonan sepanjang tahun supaya lebih ramai lagi pengusaha usahawan dapat manfaat dan kebaikan daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan yang bangku sekolah adalah fasa kehidupan seseorang yang sangat penting dari segi membentuk akhlak serta menjadi batu loncatan kepada anak tersebut sehingga beliau menjadi penuntut di menara gading pada masa hadapan. Di peringkat inilah seseorang itu akan mempelajari ciri-ciri serta disiplin dan jati diri serta membentuk sifat dan sikap yang kritikal untuk menjadi seorang pelajar dan manusia yang berguna kepada masyarakat dan negara. Dalam konteks ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib atas usaha kerajaan menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan serta memperkasakan sekolah-sekolah Tamil. Dana ini pasti menjadi faktor yang penting untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang sangat efektif dan sempurna untuk beribu-ribu pelajar sekolah-sekolah Tamil tersebut.

Saya yakin dengan bantuan ini prestasi serta keunggulan pelajar sekolah tersebut pasti akan meningkat dan menjadi lebih cemerlang. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru pihak kerajaan untuk mengkaji dengan lebih mendalam isu sekolah-sekolah Tamil di negara dan menstrukturkan satu pelan yang menyeluruh untuk membaik pulihkan ke semua sekolah Tamil di negara. Tindakan ini dapat memastikan satu isu yang penting untuk masyarakat India dapat diselesaikan dengan sempurna dalam jangka masa yang munasabah.

Peruntukan pembangunan serta peruntukan melalui tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah kepada semua sekolah merupakan satu lagi contoh di mana laungan 1Malaysia dapat dilihat secara praktikal. Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan bahawa Konsep 1Malaysia bukan sahaja retorik tetapi menjadi asas kukuh kepada visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang bersatu dan bersekutu dalam membangunkan semua keperluan kehidupan seorang warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan. Satu, untuk mengkaji dan menyelidik jika semua warganegara dari pelbagai kaum dan agama mempunyai tapak perkuburan yang sesuai dan secukupnya. Tapak perkuburan merupakan tempat terakhir seseorang itu disemadikan tetapi masa kini sering kita kedengaran tentang ketidakcukupan tempat untuk tempat abadi dan suci tersebut. Saya pasti sekiranya kerajaan boleh mencari penyelesaian tetap untuk masalah tersebut maka saya pasti tiada pihak yang tidak akan berterima kasih kerana ini akan menjadi bukti kukuh yang kerajaan secara literal mengutamakan kebaikan rakyat dengan izin, *from home to 'toe'*.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, saya macam tidak percaya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa bayaran kokurikulum, kertas ujian dalaman, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan insurans Takaful dimansuhkan. Dengan keputusan ini, kini kita boleh mendabik dada dan menyatakan kepada dunia bahawa di Malaysia, pendidikan rendah dan menengah sekolah kerajaan adalah percuma.

Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran mengambil langkah memansuhkan yuran tahunan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Langkah sebegini pasti meringankan beban kewangan ibu bapa khususnya mereka yang mempunyai lebih daripada dua anak. Langkah ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk golongan ibu bapa yang bertungkus-lumus untuk memberikan anak-anak mereka kehidupan yang lebih maju dan selesa daripada yang mereka nikmati.

Langkah ini membolehkan ibu bapa tersebut untuk menggunakan wang yang disimpan untuk perkara-perkara lain yang mereka inginkan. Kerajaan juga tidak mengabaikan tanggungjawab sosial mereka kepada ibu bapa dengan memberikan mereka RM100 untuk setiap pelajar untuk meringankan beban perbelanjaan persekolahan. Pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]: Minta maaf saya tidak cukup masa dan saya tidak memberi laluan... Bernilai RM200 kepada pelajar-pelajar IPTA, IPTS, matrikulasi dan Tingkatan Enam juga merupakan satu bantuan yang sangat dihargai. Elaun ini akan pergi jauh dalam membolehkan pelajar-pelajar mendapat buku-buku yang sesuai untuk mereka melengkapkan diri dan menjadi pelajar yang mencapai sukses dalam bidang pelajaran yang diceburi.

Rata-rata rakan saya di Hulu Selangor terharu dan apabila berjumpa saya baru-baru ini mereka menyifatkan pemberian ini sebagai satu bantuan yang amat mereka hargai. Dijangka lebih kurang 45,000 pelajar di Hulu Selangor yang sedang belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah menerima bantuan ini. Kedua-dua langkah ini bukan sahaja meringankan beban

kewangan ibu bapa tetapi juga menjadi cara untuk memartabatkan kualiti pendidikan negara supaya sehaluan dengan agenda pendidikan negara.

Saya rasa ada satu aspek yang kurang dalam belanjawan ini – ialah untuk peruntukan membina lebih banyak taman asuhan kanak-kanak, Pusat Anak PERMATA Negara, *community builders*, KEMAS telah memastikan anak-anak diberikan asuhan yang awal sebelum mereka menjejak kaki di tadika atau sekolah rendah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor kerana sudi melancarkan Pusat PERMATA di Hulu Selangor baru-baru ini. [*Dewan riuh*]

Apa masalah *you*? Saya ingin mencadangkan agar bantuan kewangan diberi kepada badan-badan seperti Pusat Anak PERMATA Negara atau *community builders* supaya mereka dapat meneruskan memberi perkhidmatan pendidikan awal kepada golongan yang memerlukan dana dan untuk menggalakkan lebih lagi syarikat swasta turut membantu penubuhan pusat-pusat asuhan awal ini. Mungkin pelepasan cukai dapat diberi kepada mereka yang membantu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta untuk memperkukuhkan perkhidmatan bas luar bandar memberi senyuman kepada ribuan penduduk bukan sahaja di Hulu Selangor tetapi di seluruh Malaysia. Saya sedar bantuan ini akan membantu pengusaha bas mini, bas henti-henti dan juga bas sekolah. Saya ingin mencadangkan agar sebagai satu langkah untuk meringankan beban ibu bapa agar bantuan ataupun baucar pengangkutan diberi kepada murid-murid yang mana rumah mereka jauh dari lokasi sekolah. Ramai pelajar yang tidak dapat atau bersusah payah untuk pergi ke sekolah kerana mereka mengalami sekatan kewangan dalam erti kata kos pengangkutan ke sekolah.

Ada di antara golongan yang tidak dapat perkhidmatan pengangkutan awam kerana rumah mereka terletak dalam kawasan terpencil dan pedalaman. Memandangkan dana RM150 juta ini termasuk bantuan kepada pengusaha bas sekolah maka saya pasti kita boleh mengenal pasti satu mekanisme bagaimana kita dapat mempraktikkan cadangan ini. Saya juga berharap Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam ini tidak akan menyukarkan proses permohonan untuk mendapatkan dana ini dan pada masa yang sama mereka juga harus memastikan langkah harus diambil untuk menguar-uarkan kepada pengusaha-pengusaha bas ini supaya menggunakan dana yang telah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, bumi Hulu Selangor, bumi yang mana lokasinya sangat indah dan mempunyai pelbagai flora dan fauna. Selain menjadi tarikan pelancong, keadaan semula jadinya serta kos kehidupan seharian tidak semahal kos kehidupan di kota menjadikan Hulu Selangor satu tempat yang ideal untuk dijadikan hab pendidikan yang sempurna. Kerajaan Barisan Nasional telah banyak membantu Hulu Selangor dan kini kita mempunyai infrastruktur tambahan seperti Lebuhraya Utara Selatan, di mana Hulu Selangor sahaja kita ada enam *exit point*. Setelah *PLUS interchange* Sungai Buaya, kita akan ada tujuh *exit point*, jalan raya persekutuan yang bakal dinaiktarafkan dan stesen kereta api yang serba moden.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa semalam Kolej Universiti Bina telah menjejakkan kaki di Hulu Selangor dan saya mengucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang sudi merasmikan majlis pecah tanah tersebut di Serendah. Berdasarkan fokus ketiga belanjawan, program transformasi luar bandar, pembangunan luar bandar yang menyeluruh – amatlah besar harapan kami di Hulu Selangor agar kolej universiti ini akan diberi taraf universiti.

Peningkatan taraf ini pasti akan dapat menarik lebih ramai lagi pelajar dan juga pada masa yang sama akan mengantarabangsakan Hulu Selangor dan pada masa yang sama, ekonomi negeri dan negara akan berkembang. Visi untuk menjadikan negara kita pusat pendidikan serantau juga dapat direalisasikan. Rakyat di persekitaran Hulu Selangor juga akan dapat meraih pembangunan ekonomi hasil daripada – dengan izin, *downstream economy activity*. Hasil daripada pembentukan universiti di kawasan tersebut serta dengan adanya sekolah-sekolah rendah kebangsaan Cina, Tamil yang bakal dibina dan sekolah agama dan sekolah menengah di Serendah akan memungkinkan satu situasi menang-menang untuk semua pihak yang berkaitan dengan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan peluang ini untuk merakamkan terima kasih saya kepada kerajaan Barisan Nasional yang telah mengambil langkah proaktif dalam mengambil kira keperluan warga emas negara dalam belanjawan tahun hadapan. Warga emas ini adalah generasi yang telah banyak berkhidmat untuk pembangunan negara kita yang dicintai. Ia adalah mustahil untuk kita meletakkan nilai ringgit dan sen untuk segala pengorbanan serta penat lelah mereka pada masa lalu supaya generasi-generasi berikutnya boleh menikmati kehidupan yang lebih selesa. Maka ia adalah satu langkah yang amat wajar untuk memberi diskaun sebanyak 50% untuk warga emas ini yang menggunakan perkhidmatan LRT tetapi walaupun itu satu diskaun yang substantif namun saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan memberikan warga emas ini perkhidmatan percuma dalam semua jenis pengangkutan awam darat. Sekiranya tidak boleh diberi kepada semua jenis pengangkutan darat, sekurang-kurangnya perkhidmatan LRT. Langkah ini pasti menjadi satu hadiah yang istimewa untuk golongan masyarakat yang sumbangan mereka tidak terhingga.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi bahan makanan asas menelan belanja RM2.3 bilion dan subsidi produk petroleum dan bantuan tunai pula melibatkan sebanyak RM17 bilion untuk satu tahun. Pemberian subsidi bil elektrik pula RM150 juta setahun. Begitu prihatin kerajaan Barisan Nasional yang akan sentiasa membantu meringankan beban rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang pegangan politik mereka.

Rancangan untuk Malaysia memulakan lebih banyak kedai makanan 1Malaysia dan kedai menjual barangan runcit 1Malaysia ada satu langkah yang amat bernas untuk membolehkan rakyat negara menghadapi keadaan memudaratkan ekonomi sedunia yang tidak stabil. Dengan adanya kedai-kedai sebegini, pihak kerajaan boleh mengawal harga barang-

barang yang dinaikkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Langkah tersebut juga akan menjadikan harga di kedai runcit lain serta makanan lain lebih kompetitif untuk menangani kedai-kedai 1Malaysia dan ini sekali gus akan merendahkan harga makanan dan barangan runcit di pasaran.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan mungkin dengan kerjasama NGO-NGO seperti FOMCA, Persatuan Pengguna Islam Malaysia atau mana-mana badan yang dapat membantu mewujudkan satu dana khas untuk digunakan terhadap mendidik rakyat untuk lebih peka kepada pilihan mereka sebagai pengguna *consumer* yang bertanggungjawab. Program-program ini boleh dikelolakan melalui dana. Ini adalah motif untuk menaikkan kesedaran orang ramai terhadap peranan dan kuasa mereka sebagai pengguna.

Dengan cara sebegini saya yakin yang peniaga-peniaga yang melampau dalam sistem harga mereka akan lebih berwaspada dan harga-harga yang kompetitif akan wujud kerana kenaikan kesedaran *consumer* tentang hak mereka serta pendidikan untuk menjadi *consumer* yang bijak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perancangan yang terperinci belanjawan ini adalah tindakan yang wajar mewujudkan dana pembiayaan kecil, perusahaan kecil dan sederhana PKS, patuh syariah sebanyak RM2 bilion. Dianggarkan bahawa PKS menyumbang 31% pada keluaran dalam negara kasar, 56% kepada tenaga kerja dan 19% kepada eksport negara. Sektor penting PKS ini dapat diberikan galakan serta *stimulus* yang mencukupi untuk memastikan ianya terus berkembang serta mampu mengharungi segala cabaran ekonomi dunia yang kian bergelora.

Oleh yang demikian, saya pasti dana ini akan menjadi pemangkin kepada masa hadapan PKS yang lebih cerah serta menjadikan PKS salah satu enjin penjana pertumbuhan ekonomi negara yang penting. Untuk setiap usahawan yang mencari bantuan kewangan untuk mengembangkan perniagaan mereka, dana ini akan membantu mereka memperkasakan perniagaan mereka untuk menjadi pesaing dalam pasaran serantau mahupun dunia.

■1850

Dana ini menunjukkan pandangan jauh pihak kerajaan untuk memastikan negara kita tidak dibelenggu menjadi negara berpendapatan sederhana tetapi mampu melakukan anjakan paradigma untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia yang meminati bidang sukan dan mengikuti perkembangan industri sukan di Malaysia, saya merasa amat gembira dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memartabatkan sukan negara yang menjadikan negara kita sebuah negara bersukan dan berkebolehan. RM30 juta yang diberikan ke arah pembangunan pelbagai sukan di tanah air adalah satu petanda yang baik kepada pemuda-pemudi yang ingin mengibarkan jalur gemilang di pentas dunia kelak. Saya berharap wang ini digunakan dengan bijak khasnya dari aspek mencungkil dan memajukan bakat para olahragawan dan olahragawati serta pemain-pemain pelbagai sukan di negara kita.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas inisiatif untuk membina 150 lagi gelanggang futsal dan 30 buah lagi padang tiruan yang dilengkapi dengan lampu limpah untuk memberikan arena untuk mereka yang ingin bersukan. Bukan sahaja cara fizikal yang akan menjadi lebih sihat malah dengan mengambil sebahagian dalam tugas-tugas begini para belia akan tidak terpesong dengan gejala negatif dan memburukkan diri mereka. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Hulu Selangor. Yang Berhormat bangkitkan soal peruntukan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Cuma saya ingin bertanya di sini, apabila peruntukan berkenaan di Malaysia tradisi pelaksanaannya diberi kepada persatuan-persatuan sukan. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah persatuan-persatuan sukan telah melantik setiausaha eksekutif, setiausaha kanan, kiri, hadapan, belakang dan sebagainya yang menyebabkan duit itu habis untuk urusan pentadbiran sahaja. Program untuk meningkatkan mutu sukan negara saya ingat masih menjadi halangan. Kalau persatuan banyak bermain politik, berebut presiden dan menjadi agenda, boleh dikatakan ada sahaja setiap minggu pergaduhan dengan Ketua Pengarah MSN, tidak pernah henti-henti. Jadi bagaimana kita hendak mencapai hasrat bagi memastikan RM30 juta ini benar-benar sampai ke sasaran? Pandangan Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya cadangkan ucapan ini dimasukkan dalam ucapan saya dan harapkan kementerian dapat memberi kepada kita bersama, jawapan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM50 juta untuk menambah baik kemudahan bekalan air yang melibatkan penyambungan dari estet ke paip utama sedia ada merupakan satu tindakan yang membawa kebahagiaan kepada penduduk-penduduk di ladang. Saya amat berharap agar kementerian sumber manusia dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya ia dapat diselesaikan segera dan pada masa yang sama saya juga berharap agar skim perumahan untuk pekerja-pekerja ladang yang tinggal bertahun-tahun lamanya di ladang-ladang diwujudkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM442 juta diperuntukkan pada tahun 2012 untuk perbelanjaan pembangunan PDRM yang mana merangkumi penambahbaikan ibu pejabat, balai dan pusat latihan. Saya ingin mencadangkan agar dalam proses penambahbaikan balai-balai polis, saya harap kita dapat mempertingkatkan kawalan sistem penyimpanan senjata. Ia perlu diseragamkan secara sistematik dan dipertingkatkan dengan lebih relevan mengikut keperluan masa. Saya perhatikan buat masa ini ia adalah lebih bersifat konvensional. Faktor masa dan keselamatan anggota bertugas ketika berurusan dengan senjata-senjata yang terlibat perlulah

diutamakan kerana tanpa kaedah penyimpanan senjata yang sistematik, masa dan nyawa adalah dua elemen yang tiada kompromi dan nilainya.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan juga mengambil kira 175,000 orang anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan setelah berkhidmat kurang daripada 21 tahun dan tidak menerima pencen. Saya pasti RM50 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan akan membantu mereka menampung kos sara hidup mereka. Saya difahamkan bahawa pesara-pesara tentera peringkat lain-lain pangkat tidak mendapat apa-apa kebaikan pun dari kiraan semula pencen ini kerana kiraan semula berasaskan tempoh perkhidmatan yang berkhidmat melebihi 20 tahun sedangkan semua tentera peringkat LLP telah diisytiharkan perkhidmatan mereka hanya 21 tahun sahaja. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan agar pesara tentera lain-lain pangkat diberi pencen 60% dari gaji akhir tidak mengira tempoh perkhidmatan dan setiap kenaikan gaji tentera yang sedang berkhidmat termasuk hanya berbentuk pelarasan gaji turut melibatkan pesara.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan kepada bekas kakitangan kontrak JASA dan KEMAS dialu-alukan. Saya pasti bayaran khas sebanyak RM3,000 secara *one-off* akan meringankan beban mereka. Saya ingin merayu agar anggota-anggota pasukan Ikatan Relawan Malaysia (RELA) juga diberi bayaran khas ini. Kita tidak boleh menafikan bantuan serta kerjasama mereka dengan PDRM untuk membanteras jenayah telah membantu kita mengurangkan peratusan jenayah di negara kita. Semangat perjuangan mereka yang tinggi tanpa sebarang ganjaran amat kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional ikhlas apabila menyalurkan bantuan kepada semua negeri di Malaysia walaupun negeri itu ditadbir oleh pakatan pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan geran sebanyak RM351.6 juta melalui peruntukan *Malaysian Road Record Information System* (MARIS) dengan izin pada tahun 2010 kepada kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Peruntukan ini seharusnya digunakan untuk memperbaiki, menaik taraf jalan-jalan. Geran ini juga harus disalurkan kepada jabatan pengairan dan saliran juga pihak-pihak berkuasa tempatan.

Malangnya pada tahun 2010 menurut JKR Negeri Selangor hanya menerima 45% daripada peruntukan keseluruhan geran MARIS negeri Selangor. Kita tidak tahu apakah yang sebenarnya berlaku kepada geran-geran ini? Adakah ia digunakan untuk membuat papan iklan? Saya juga dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar Negeri Selangor Darul Ehsan telah berjanji akan memberi peruntukan sebanyak RM3 juta untuk Majlis Daerah Hulu Selangor bagi tahun 2011 akan tetapi sehingga kini hanya RM1 juta sahaja diturunkan.

Saya rasa ada masalah bagi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk mentadbir geran ini dan kemungkinan ada penyalahgunaan geran ini juga wujud kerana kerajaan negeri tidak memberi maklumat terperinci bagaimana geran ini dipakai guna. Saya juga ingin

mencadangkan agar peruntukan MARIS ini disalurkan terus kepada pihak-pihak berkuasa tempatan kerana objektif utama geran pemberian kerajaan persekutuan harus digunakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan yang berdaftar di dalam sistem MARRIS sahaja sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya rasa pihak-pihak berkuasa tempatan lebih arif dan lebih telus dalam menggunakan geran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2012 yang dibentangkan juga telah memaklumkan persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam. Saya juga berharap agar syarikat-syarikat swasta juga turut mengambil keputusan sedemikian supaya mereka juga dapat mengoptimumkan sumbangan pekerja-pekerja mereka yang telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan syarikat tersebut berdasarkan kemahiran dan pengalaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda Amerika Syarikat yang semakin melumpuhkan pertumbuhan ekonomi di Eropah dan sedunia telah menyebabkan pelbagai masalah kepada semua golongan masyarakat di Malaysia. Saya berpendapat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil langkah yang sangat wajar dan betul dengan membuat keputusan menyediakan subsidi RM33.2 bilion untuk kegunaan subsidi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah ini meringankan beban semua rakyat Malaysia daripada perubahan harga yang mendadak dan juga memastikan perbelanjaan seharian tidak melampau sehinggakan tidak boleh mampu oleh rakyat biasa. Saya juga ingin menyarankan kerajaan untuk bersedia meningkatkan tahap subsidi jika keadaan ekonomi menjadi lebih tenat kerana lama menjadi polisi kerajaan BN untuk merancang terlebih dahulu, bak kata dengan izin, *failure to plan is planning to fail*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas perancangan Belanjawan 2012. Belanjawan ini mempunyai segala ciri yang diperlukan untuk menerajui negara pada zaman transformasi ini. Saya yakin yang belanjawan pada tahun ini akan mampu menyediakan kerajaan untuk menyemarakkan semangat transformasi dan juga mempraktikkan tema 1Malaysia dengan jayanya. Majoriti rakyat Malaysia yang mana menyokong Barisan Nasional malah mereka yang menyokong pembangkang walaupun tidak begitu ramai amat gembira dengan belanjawan ini kerana secara langsung ataupun tidak langsung akan membantu meringankan beban mereka.

Saya juga difahamkan sehingga Ketua Pembangkang, satu parti pembangkang juga menyifatkan belanjawan ini sebagai belanjawan '**tip percentage**' dengan izin. Terima kasih kepada pihak pembangkang yang telah berbesar hati dan menerima dengan hati terbuka

kewibawaan belanjawan tahun ini. Boleh kita simpulkan bahawa belanjawan ini atau demonstrasi kerajaan dalam mendahulukan rakyat bukan sahaja dari segi retorik tetapi dengan perancangan serta implementasi yang kukuh dan efisien.

Saya sudahi ucapan saya dengan satu rangkap di dalam bahasa Tamil dengan izin; [*Membaca di dalam bahasa Tamil*] Maksudnya segala puji-pujian kepada Tuhan yang maha esa. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.59 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengucap yang terakhir pada hari ini. Saya juga bersama-sama kawan-kawan yang lain berdiri untuk membahaskan Belanjawan 2012 yang membawa, yang mengangkat tema '*Membela Rakyat, Mensejahtera Negara*'.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan diri saya betapa belanjawan tahunan kerajaan adalah instrumen utama ekonomi makro dalam urus tadbir kewangan negara yang memperincikan perancangan dan unjuran pendapatan serta perbelanjaan sesebuah negara untuk tahun seterusnya. Komponen utama sebuah belanjawan adalah cukai dan pertumbuhan, mengawal inflasi dan mengurangkan kadar pengangguran, *unemployment*, dengan izin. Setiap instrumen di dalam belanjawan dirangka mengikut ideologi dan falsafah keutamaan sebuah kerajaan dengan mengambil kira senario ekonomi dalaman dan luaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga merangkap Menteri Kewangan telah merangka Belanjawan 2012 nya dengan kaedah *outcome based budgeting*, dengan izin, atau belanjawan berdasarkan natijah. Maka, jelasnya kepada banyak penganalisis, apakah yang menjadi *outcome* atau natijah atau objektif yang dikehendaki Menteri Kewangan tersebut. Saya tidak dapat mengelak daripada juga menggunakan apa yang mereka sebutkan sebagai jawabnya *outcome* yang mereka mahukan atau yang dikehendaki oleh Menteri Kewangan dan seluruh Kerajaan Barisan Nasional di ambang Pilihan Raya ke-13 ini jelasnya adalah suntikan rasa sedap, rasa selesa, *the feel good factor* kepada rakyat seluruhnya, segmen seluruh rakyat dan pengundi dari pesara sehingga murid sekolah di bandar, luar bandar, awam, swasta, kebanyakannya dalam bentuk *one-off*.

Menteri Kewangan sukar menolak dakwaan pelbagai pihak bahawa beliau telah membentangkan bajet pilihan raya. Jumlah peruntukan kalau saya hitung-hitung mencecah RM48.1 bilion daripada RM230 bilion seluruhnya Belanjawan 2012 ini yang kurang lebih adalah 20% ataupun se perlima daripada seluruh belanjawan tersebut. Seandainya sungguh-sungguh kaedah belanjawan beliau adalah *outcome based budgeting*, maka perancangan belanjawan

sepatutnya adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah ekonomi negara. Barulah sah dan tepat dakwaan penggunaan kaedah OBB ataupun *outcome based budgeting* itu berbanding cara lama yang disebutkan sebagai *modified budgeting system* yang hanya sekadar merubah angka peruntukan tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diumpamakan sebagai seorang doktor, maka Menteri Kewangan sekadar mahukan ubat segera, pening atau sakit kepala pesakitnya sahaja. Doktor sama ada tidak sedar ataupun gagal mendiagnosis punca penyakit pesakitnya. Gejala atau simptom sakit kepala ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai lebih daripada sepuluh punca penyebab atau etiologinya. Andainya sakit kepala pesakitnya bukanlah disebabkan oleh *tension headache* biasa sahaja tetapi sakit kepala pesakit adalah kerana barah otak atau dengan izin, *space occupying lesion*, maka rawatan *analgesic* panadol ataupun apa juga bentuk *analgesic* ataupun apa jua ubat *analgesic* yang lain mungkin boleh membantu menahan sakit kepalanya sebentar sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ubat penahan sakit itulah yang pada hakikatnya menjadi penyebab mengapa penyakit sebenar lambat dikesan sekali gus mengancam pesakit dalam jangka masa jauh.

Inilah senario atau gambaran mudah, paling mudah tetapi tepat untuk saya umpamakan Belanjawan 2012 Menteri Kewangan yang dibentangkan Jumaat yang lalu. Amat malang kelegaan sebentar secara *symptomatic* berpotensi berakhir dengan maut si pesakit kerana doktor gagal menangani lebih awal penyakit sebenarnya yang mungkin sahaja boleh diurus dengan *surgery* dan pembedahan. Maka, apakah benar-benar penyakit ekonomi negara yang gagal didiagnosis Menteri Kewangan lantas tidak ditala atau diolah perangkaan bajet untuk menanganinya. Ataupun beliau mungkin buat-buat tidak tahu sebab *outcome* yang dikehendaknya hanyalah *feel good*, bukan usaha gigih untuk mengatasi *ailments* atau penyakitnya, *the real economic malaise*, dengan izin. Tidak dinafikan pelbagai jenis imbuhan kepada pelbagai segmen telah diberikan oleh Menteri Kewangan yang tentunya mengambil perhitungan perlu untuk mengungkap semua itu dalam pendekatan yang cukup popular dan juga populis.

Juga beliau dinasihatkan mungkin supaya tidak menyebut perkara-perkara yang tidak popular seumpama Belanjawan 2011 seperti Menara Warisan, pemotongan cukai barang-barang import mewah untuk golongan *super rich* dan juga tidak disebutkan tentang hal GST meskipun setiap kali kita bersidang, kertas GST dibentangkan atau diletakkan di atas meja ini. Itu semua tidak popular dan tidak populis pada impaknya, yang pentingnya *goodies* diturunkan sehinggakan saya semacam terpaksa sekali mengimbas Menteri Kewangan tampak seperti *Santa Claus* serba sedikit Tuan Yang di-Pertua, cuma *Santa Claus* datangnya setahun sekali semasa Krismas, sementara *goodies* yang diturunkan oleh Menteri Kewangan bermusim hanya pada pilihan raya kecil atau umum.

Panjang senarainya Tuan Yang di-Pertua *goodies* ini, tidak perlulah saya sebutkan satu persatu, telah saya sebutkan tadi betapa jumlahnya adalah seluruhnya RM48.1 bilion. Ia pemberian yang disebutkan di situ, contohnya pemberian RM3,000 pesara tentera *one-off*, bonus setengah bulan kepada kakitangan awam, bantuan RM500 kepada pesara, yuran sekolah rendah menengah dimansuhkan, dana pengkomersialan inovasi PKS, baucar RM200 kepada pelajar-pelajar matrikulasi IPTA, IPTS, tingkatan enam, semuanya adalah dengan tujuan itu yang tidaklah seluruhnya tidak baik, ada yang wajar ada yang perlu diberikan pengiktirafan kerana khususnya berdepan dengan suasana kegawatan ekonomi pada tahun 2012.

Namun Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenar-benarnya gejala ekonomi negara yang sepatutnya belanjawan itu secara bertanggungjawab perlu tangani. Kalau boleh saya simpulkan, pengurusan ekonomi negara dan kewangan secara tempang dan tidak *prudent* untuk selama sekian lamanya beberapa dekad ini, mutakhir ini menatijahkan penyakit ekonomi yang boleh saya kategorikan seperti berikut, inilah penyakit-penyakit yang sepatutnya ditangani antara lainnya oleh bajet yang dibentangkan baru-baru ini;

- (i) hutang awam dan defisit fiskal yang sudah berlanjutan selama 14 tahun,
- (ii) inflasi dan tekanan saraan hidup yang terus menghimpit rakyat,
- (iii) jurang kaya miskin yang terus melebar, pembolotan kekayaan segelintir kroni ataupun manusia yang punya hubungan tertentu dengan golongan *powers that be* ataupun golongan yang punya kuasa,
- (iv) terperangkap dalam rejim pendapatan rendah sederhana, *middle income trap*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua,
- (v) kebergantungan kepada pekerja asing yang tidak punya keterampilan ataupun *low skill level* yang sekali gus membawa industri ataupun membawa kegiatan ekonomi di negara ini kepada nilai ataupun *value added* yang cukup rendah khususnya pada sektor *construction*, *plantation* dan seumpamanya,
- (vi) ketirisan dan kebocoran dalam sistem penghantaran yang sarat dengan pelbagai ketirisan dan kebocoran, dan
- (vii) kesilapan letak keutamaan, ketidakseimbangan pembangunan wilayah, pembaziran serta kesampingan atau apa yang dikatakan sebagai kesampingan pembinaan modal insan.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, pertama, hutang awam dan defisit fiskal. Jelasnya bajet Menteri Kewangan semacam tidak menghiraukan sama ada tentang hutang awam atau Kerajaan Persekutuan mahupun tentang defisit belanjawan. Berdepan dengan kemungkinan membentangkan belanjawan yang terakhirnya mempertahankan kuasa di Putrajaya, mungkin tidak perlu sangat dihalusi tentang hutang atau defisit. Untuk pengetahuan umum, sudah sekian

maklum anggaran hutang awam Kerajaan Pusat untuk 2011 ke paras RM456 bilion menokok daripada RM407 dalam tahun 2010 yakni merupakan bersamaan dengan 53.8 daripada KDNK berbanding 53.1 untuk 2010.

Komitmen untuk menurunkan defisit ke paras 4.7 KDNK juga tidak dianggap munasabah ataupun realistik oleh pelbagai pihak penganalisis justeru kerana jangkaan ekonomi global yang terus melembap dan tidak menentu dengan krisis Amerika Syarikat yang terus tidak nampak *recovery*nya dan juga krisis zon Eropah terus melanda negara-negara Itali, Spain di samping Greece dan negara-negara yang lain. Dengan meletakkan anggaran belanjawan RM230 bilion berbanding belanjawan Pakatan RM220 bilion, Kerajaan BN tidak nampak serius menurunkan defisit dan sekali gus mengurangkan hutang. Dengan perbelanjaan ke paras RM230 bilion seluruhnya, pengurusan dan pembangunan dan anggaran pendapatan dalam lingkungan 181 maka PM bersedia berhutang sebanyak RM49 bilion.

Tentunya Menteri Kewangan akan bakal memohon kelulusan anggaran perbelanjaan tambahan beberapa bulan lagi seandainya beliau terus menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Defisit akan terus meningkat dan hutang akan terus membelot. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dimaksudkan dengan pengurusan fiskal yang begitu tidak *prudent* dalam bahasa yang lunak tetapi dalam bahasa yang agak tegas, begitu curang, cuai dan tidak bertanggungjawab mengurus kewangan dan fiskal negara. Defisit bukanlah sesuatu yang haram atau salah bahkan mengikut teori *countercyclical Keynesian* apabila kitaran ekonomi melembap dan menguncup dalam era *bust* selepas kitaran mewah *the boom*, maka sesebuah kerajaan boleh menggunakan kaedah mengepam ekonomi dengan membuat perbelanjaan besar oleh kerajaan. *The G factor* dalam GDP berkebetulan ini juga adalah apa yang dianjurkan dalam pengurusan fiskal anjuran al-Quran Karim.

Malangnya Kerajaan UMNO Barisan Nasional mengepam ekonomi semasa menguncup dan juga semasa mewah mengembang, *the boom's time*. Akibatnya untuk 14 tahun berturut-turut negara mengalami defisit fiskal. Jiran-jiran kita, Indonesia, Thailand, Singapura dan Australia mengalami belanjawan lebihan atau surplus dalam tahun-tahun mewah di antara 2003 dan 2007. Tuan Yang di-Pertua, menjadi lebih malang lagi apabila Menteri Kewangan bercita-cita untuk memacu pertumbuhan dalam lingkungan 5% hingga 6% KDNK untuk tahun 2012 dan dianggarkan bahawa tahun ini, 2011 ia adalah sebanyak 5% hingga 5.5% KDNK. Angka-angka itu jelas tidak realistik. Bukan kata Pembangkang, bukan kata Ketua Pembangkang, bukan juga kata Kuala Selangor tetapi disanggah secara jelas oleh pelbagai pihak. Umpama Pengarah Pendidikan Global Bank of America yang meramalkan pertumbuhan sebanyak hanya 4.2% dalam tahun 2012 Tuan Yang di-Pertua.

Sementara Maybank Investment Bank Berhad (MIB) meramalkan pertumbuhan 4.5% dalam tahun 2011 dan hanya 3.5% hingga 4% dalam tahun 2012. CIMB pula mengunjurkan pertumbuhan KDNK 4.5% untuk tahun 2011 dan 3.8% dalam tahun 2012. Begitu juga yang

disebutkan oleh Affin Investment Bank. Ramalan pertumbuhan KDNK adalah asas membuat perancangan dan ketika ia tersasar daripada awalnya maka begitulah juga seterusnya akan membawa pelebaran defisit fiskal dan juga beban hutang yang terus membelot. Ini yang kita maksudkan kalau *outcome base budgeting* itu disusun dan dirangka untuk menangani permasalahan ekonomi negara di samping kalau nak bagi pun *the feel good factor*, jangan sampai ia merupakan satu pengurusan fiskal yang begitu *reckless* dan tidak bertanggungjawab.

Isu kedua, inflasi dan mengurangkan kos saraan hidup. Belanjawan juga gagal membuktikan betapa sepatutnya isu ini serius untuk ditangani. Untuk menangani peningkatan kos saraan hidup atau inflasi, meskipun secara rasminya angka CPI (*Consumer Price Index*) adalah 3.7%, rakyat lebih tahu dan lebih maklum bahawa mereka tahu akan hakikat himpitan kos saraan hidup inflasi ini apabila mereka berdepan dengan kos saraan hidup yang terus membebankan mereka. Kalau ambil harga ikan kembung sahaja setahun dahulu berbanding dengan sekarang, sudah meningkat dan melonjak lebih daripada 50%. Harga gula telah melonjak lebih daripada 66%, harga ayam bersih melonjak 37%, teh tarik pun 25%.

Tuan Yang di-Pertua, memang mereka tidak faham akan bagaimana untuk mencerakin CPI itu hanya ke paras 3.7%, *off the basket of goods, food*, pengangkutan dan sebagainya tetapi yang rakyat dapat rasa dan rakyat terbeban adalah kos saraan hidup yang terus menghimpit mereka. Tuan Yang di-Pertua, inflasi mungkin boleh sahaja difahamkan kerana terdetus ataupun dicetuskan oleh dua sebab utama secara teorinya. Ianya adalah pertamanya atas apa yang dikatakan sebagai faktor permintaan ataupun *the demand pool*. Ini kalau permintaan besar, maka *there is an outwork pressure on the price* dengan izin, *demand pool*. Yang keduanya adalah faktor tekanan kos ataupun *cost push*. Permintaan yang tinggi tetapi kalau saya ringkaskan nyata bahawa dalam konteks negara kita ini, peningkatan inflasi terus menerus, terus-terusan ini adalah justeru kerana faktor *cost push* Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu tidak boleh bermain dengan *monetary* ataupun *policy monetary* menentukan sama ada apa yang dikatakan sebagai OPP dan ataupun BLR dan sebagainya kerana kunci perkara ataupun kunci penyebab inflasi di negara kita di samping ianya adalah juga *imported inflation* adalah kerana kos *push factor*. Oleh kerana itu, apakah dan sejauh manakah kerajaan yang memberikan suntikan imbuhan-imbuhan ini yang kebanyakan merupakan satu yang bersifat *one-off*. Ramalan kelembapan ekonomi global ini tidak dikatakan hanya setahun. Maka sejauh manakah dalam keadaan kerajaan bersedia memberikan RM48 bilion tetapi pada sebab utama inflasi ini terus menjadi endemik adalah kerana perkara-perkara yang perlu digarap oleh urus tadbir kewangan dan pengurusan ini. Namun jelas kita dapat lihat bagaimana dalam hal untuk menangani apa yang dikatakan sebagai mengurangkan kos saraan hidup ini, kerajaan hanya mahu mengambil pendekatan *symptomatic* kerana kalau kita perhatikan betapa komitmen Pakatan Rakyat menangani isu inflasi ini bukan hanya melihat kepada cara untuk menangani

dengan memberikan wang kepada rakyat, juga untuk menaikkan gaji rakyat itu adalah juga penting.

■ 1920

Akan tetapi pada sebenarnya menangani dan menyelesaikan masalah itu bermula daripada puncanya yang antara lainnya, kalau kita perhatikan ia adalah akibat daripada sebenarnya *distortion* ataupun pengherotan pasaran. Justeru kerana amalan monopoli, oligopoli ataupun kadang kala berbentuk *cartel* ataupun apabila beberapa monopoli bergabung menjadi *cartel* dan perkara ini telah kami sebutkan betapa kalau kami yang memberikan penyelesaiannya, kita akan terus bawa satu era baru yang akan mengurangkan. Melihat kepada seluruhnya *supply change* itu, *management of the supply change* ataupun rangkaian penghantaran bekalan itu yang inilah yang tidak mahu ditangani oleh kerajaan UMNO – Barisan Nasional sebabnya mungkin kerana perlu menjaga kroni-kroni, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita lihat bersabit dengan sektor telekomunikasi, Telekom Malaysia sepatutnya dalam hal perkhidmatan *Plus Mile*, kalau Pakatan Rakyat yang memerintah, kita rangsang ekonomi dan kita urus ekonomi, menggalakkan *competition*, menggalakkan persaingan dan menangani segala apa jua yang membawa kepada pengherotan pasaran. Akan tetapi nampaknya meskipun kerajaan Barisan Nasional bersedia memberikan imbuhan apa pun bentuknya kepada rakyat, tetapi tidak mahu merungkaikan sistem yang membawa dan mencetuskan kenaikan harga. Kalau pun ambil contoh beras. BERNAS sebagai monopoli. Mungkin ada yang mengatakan di sana ada kawalan harga, tetapi apabila monopoli yang menentukan hantaran dan *supply sidenya*, maka beras-beras yang dikawal dengan harga akhirnya menjadi lebih sukar untuk didapati. Yang menjadi lambakan dalam pasaran adalah beras-beras import yang tidak dikawal oleh Akta Kawalan Harga.

Lalu bila kita lihat monopoli yang seumpama ini, akhirnya juga mampu membawa ataupun mencetuskan pengherotan kepada pasaran kerana mereka yang menentukan bekalan dan *the supply side*.

Banyak lagi perkara-perkara yang boleh saya sentuh tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah boleh kita tamatkan rejim monopoli ini dengan antara lainnya juga dengan memerhatikan beberapa tindakan-tindakan yang lain seumpama juga dalam hal untuk memberikan – mengizinkan pasaran dan mengizinkan *efficiency* adalah seperti mana yang kami kerap sebutkan tentang memperkasakan *open tenders*, mengemukakan apa yang dikatakan Akta *Unfair Public Contracts*. Tengok balik kepada segala '*lock sided concession*' sama ada dalam utiliti-utiliti seperti lebuhraya, utiliti seperti air dan tenaga, IPP dan sebagainya. Kesemua ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak dapat dilindungi dengan hanya pemberian-pemberian imbuhan yang datangnya bermusim. Inilah sebenar-benarnya petualang. Inilah sebenar-benarnya yang kekal menjadi sinonim kepada urusan tadbir Barisan Nasional.

Perkara inilah walaupun letih kami bangkitkan, akan terus kami lakukan dalam semangat semak dan imbang. Meski pun mereka di sebelah sana menafikan kesemua ini, jelas ia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh, *insya-Allah*. Tidak apalah. Tidak dapat sepuluh pun, dapat sebelas pun tidak apa. Dapat saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Inilah perkara-perkara yang kami kerap nyatakan bahawa penegasan tentang *open tenders*. Penegasan tentang bagaimana terkadang kali akta-akta juga melindungi perkara-perkara yang menjadi kepentingan rakyat umpama *Power Purchasing Agreement (PPA)* contohnya dengan syarikat-syarikat utiliti yang dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi, tetapi sebenarnya adalah kepentingan rakyat untuk tahu. Bagaimana kita lihat. Akhirnya yang dikatakan sebagai akan tidak dapat kita perkasa *economic changes*, dengan izin ataupun transformasi ekonomi tanpa ada di sana apa yang dikatakan reformasi politik. Akan tetapi kebelakangan ini nampaknya Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan sudah banyak membaca akan dokumen-dokumen Pakatan Rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua dan paling mutakhir saya tengok...
[Disampuk]

Saya tengok ini Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali kami dalam bajet, dalam Jawatankuasa Persiapan Bajet Pakatan, setiap hari Jumaat kami membuat sidang akhbar, hari Sabtu dan Ahad ada-ada sahaja *respondnya*. Pendekatan untuk menangani isi rumah punya pendapatan kurang daripada RM3,000 itu, 60% kurang daripada RM3,000, 40% kurang daripada RM1,500 atau dengan kata lain puratanya isi rumah rakyat Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua adalah sebenarnya hanyalah RM2,500. Itu bercakap tentang pendapatan. Akan tetapi kalau saya pergi kepada sebenarnya jurang kaya miskin yang terus melebar ini, kalau kita pergi lebih sedikit kepada persoalan kekayaan atau aset. Aset dalam bentuk apa? Aset dalam bentuk *financial asset*, aset dalam bentuk *property* atau hartanah, aset dalam bentuk *saving* lagi parah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita perhatikan semua ini, kita akan dapat kajian menunjukkan bahawa 90% rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan dan 14% tidak punya kekayaan ataupun *wealth* dari sudut yang lain yang luar daripada apa yang saya sebutkan tadi. *The various asset class. The various asset class* yang saya sebutkan sama ada *financial asset*, sama ada *property*, hartanah dan seumpamanya.

Daripada itu, 72% rakyat yang tidak mempunyai kekayaan itu adalah Melayu bumiputera yang dibela dan dibela oleh UMNO Barisan Nasional selama hari ini. 80% rakyat Malaysia hanya memiliki 5% daripada aset kewangan sementara 20% teratas mengawal 95% aset kewangan negara. Apakah perancangan Menteri Kewangan untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan secara konsisten dan jangka jauh bukan hanya dengan cara memberi

gula-gula kepada pesakit-pesakit kencing manis ini, Tuan Yang di-Pertua. *You are giving sugar to the diabetic patient.* Inilah dia ubat yang memamatkan pesakit, Tuan Yang di-Pertua dalam jangka jauh.

Beralih kepada persoalan hutang. Hutang isi rumah juga begitu, Tuan Yang di-Pertua. Hutang isi rumah juga mencemaskan setelah mencecah ke paras RM577 bilion bersamaan dengan 77% KDNK. Tuan Yang di-Pertua, Maybank baru-baru ini menyebutkan bahawa setiap hari 61 orang diisytiharkan bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu yang diisytiharkan oleh Maybank, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa seluruh institusi perbankan, setiap hari jumlah yang bankrap 325 orang. Inilah dia jurang kaya miskin yang sepatutnya digarap dalam *outcome based budgeting*. Akan tetapi *outcome based budgeting* itu hanya menumpu kepada menyuntik rasa sedap. *The feel good factor*. Saya yakin Menteri Kewangan akan tentunya dapat natijah yang dia pacu atau yang dia niatkan atau yang dia hajati. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan bahawa pengurusan seperti ini adalah tidak bertanggungjawab sama sekali.

Oleh kerana itu, kami dengan segala rasa rendah hati mengangkat kepentingan supaya pandang-pandanglah, telek-teleklah belanjawan Pakatan Rakyat kerana kita memberikan [*Dewan riuh*] penyelesaian. Bukan slogan, bukan *one-off*. Apa pun yang kita berikan adalah satu yang bersifat berterusan. Bukan sesuatu yang bersifat gula-gula dan tidak kita berikan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri Selangor, sebaik sahaja kita menang, kita berikan RM2,500 kepada Program Mesra Usia Emas. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*] Bukan tunggu bila datangnya pilihan raya, baru mahu mengemis. Mengemis simpati untuk diberikan peluang sekali lagi. Cukup tidak bertanggungjawab. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mempertikaikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baguslah ucapan Yang Berhormat. Banyak sorak itu. [*Ketawa*]

Yang Berhormat Batang Sadong.

7.31 mlm.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 yang dibentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya manusia amat gembira apabila diberi penghargaan, diberi pengiktirafan dan dilayan dengan baik. Begitulah lumrah kehidupan manusia tanpa mengira kedudukan mereka miskin ataupun yang kaya. Semuanya mahu dihargai. Inilah apa

yang kita dapati dalam belanjawan pada kali ini. Bagi saya Belanjawan 2012 ini merupakan belanjawan yang amat prihatin terhadap rakyat yang membuat rakyat merasa gembira sekali. Bagi pihak penduduk negeri Sarawak khasnya penduduk Parlimen Batang Sadong, saya mengucapkan tahniah dan rasa terima kasih kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di atas bajet rakyat yang dibentangkan pada 7 Oktober yang lepas.

Pertama sekali saya hendak merujuk kepada pembangunan luar bandar menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada infrastruktur asas luar bandar di mana kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5 bilion untuk tahun 2012. Dari jumlah ini, RM1.8 bilion untuk program...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya pun sudah tengok jam pukul 7.32 malam, Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey saya sambung esok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sambung esoklah Yang Berhormat. Kalau belum habis, sambung esok.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Memang belum habis pun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pukul 10 pagi, hari Rabu, 12 Oktober 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.